

HADITH AL-MIZAH DALAM AL-KUTUB AL-SITTAH: KAJIAN
APLIKASI AL-MIZAH DALAM PENYAMPAIAN
DAKWAH DI MALAYSIA

SITI NUR KHUSNA BINTI MOHAMED

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

**HADITH *AL-MIZĀH* DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH*:
KAJIAN APLIKASI *AL-MIZĀH* DALAM PENYAMPAIAN
DAKWAH DI MALAYSIA**

SITI NUR KHUSNA BINTI MOHAMED

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI
MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2018

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama:SITI NUR KHUSNA BINTI MOHAMED

No. Matrik: IGB130002

Nama Ijazah: IJAZAH SARJANA USULUDDIN

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”): HADITH
AL-MIZAH DALAM AL-KUTUB AL-SITTAH: KAJIAN APLIKASI AL-MIZAH DALAM PENYAMPAIAN DAKWAH DI MALAYSIA

Bidang Penyelidikan: HADITH

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan

SENARAI KANDUNGAN

Abstrak	iii
Abstract.....	v
Penghargaan	vii
Senarai Kandungan.....	ix
Senarai Transliterasi	xii
Senarai Kependekan	xiv
Senarai Jadual.....	xv
BAB PENDAHULUAN	1
0.1 Pengenalan	1
0.2 Latar Belakang Masalah.....	1
0.3 Pernyataan Masalah Kajian.....	5
0.4 Objektif Kajian.....	6
0.5 Persoalan Kajian	6
0.6 Definisi Tajuk	7
0.7 Skop dan Batasan Penyelidikan.....	9

0.8 Kepentingan Kajian	10
0.9 Ulasan Penyelidikan Lepas.....	11
10.0 Metodologi Kajian	15
BAB SATU: KONSEP <i>AL-MIZĀH</i> DALAM DAKWAH ISLAM	19
1.0 Pendahuluan	19
1.1 <i>Al-Mizāh</i> dan Perbincangannya	19
1.1.1 <i>Al-Mizāh</i> dari Sudut Bahasa dan Istilah.....	19
1.1.2 Jenis-Jenis <i>al-Mizāh</i>	22
1.1.3 Tujuan dan Fungsi <i>al-Mizāh</i>	23
1.2 <i>Al-Mizah</i> dari Perspektif Islam	25
1.2.1 <i>Al-Mizāh</i> di dalam al-Qur’ān.....	25
1.2.2 <i>Al-Mizāh</i> mengikut Sunnah.....	27
1.2.3 <i>Al-Mizāh</i> mengikut Pandangan Ulama’ dan Ilmuwan Islam	28
1.3 Hukum <i>al-Mizāh</i>	30
1.3.1 <i>Al-Mizāh</i> yang diharuskan	30
1.3.2 <i>Al-Mizāh</i> yang diharamkan	31
1.3.3 Hukum ketawa di masjid	32
1.4 Metode <i>al-Mizāh</i> dalam Penyampaian Dakwah	34
1.4.1 Metode Dakwah Islam.....	34
1.4.2 Metode <i>al-Mizāh</i> dalam Penyampaian	37
1.5 Kesimpulan	42

BAB DUA: ANALISIS HADITH-HADITH YANG BERKAITAN DENGAN <i>AL-MIZĀH</i> DALAM <i>AL-KUTUB AL-SITTAH</i> DAN PEMAHAMANNYA DARI PERSPEKTIF <i>FIQH AL-HADITH</i>	43
2.0 Pendahuluan	43
2.1 Bentuk dan Jenis Hadith-Hadith Pilihan	43
2.2 Metode dalam Memilih dan Menganalisis Hadith	44
2.3 Analisis Hadith-hadith <i>al-Mizāh</i> dalam al-Kutub al-Sittah.	45
2.4 Himpunan hadith- hadith berkaitan <i>al-Mizāh</i> dan takhrij ringkas	50
2.4.1 Hadith yang berkaitan <i>al-Mizāh</i> Rasulullah SAW dari segi <i>language</i>	50
2.4.2 Hadith yang berkaitan <i>al-Mizāh</i> Rasulullah SAW dari segi <i>logic</i>	62
2.4.3 Hadith yang berkaitan <i>al-Mizāh</i> Rasulullah SAW dari segi <i>Identity</i>.....	76
2.4.4 Hadith yang berkaitan <i>al-Mizāh</i> Rasulullah SAW dari segi <i>action</i>	78
2.5 <i>Fiqh al-Hadith</i> berkaitan <i>al-Mizāh</i>	87
2.6 Kesimpulan	92
BAB TIGA: APLIKASI <i>AL-MIZĀH</i> DALAM PENYAMPAIAN DAKWAH DI MALAYSIA DALAM KALANGAN PENDAKWAH PILIHAN	93
3.0 Pendahuluan	93
3.1 Metode dalam Penentuan Sample dan Instrumen Kajian	93
3.2 Metode dalam Memilih dan Menganalisis Klip-klip Video Kajian	94
3.3 Biodata Responden Pendakwah yang dipilih sebagai sample kajian	96
3.3.1 Ustaz Azhar Idrus	96
3.3.2 Ustaz Kazim Elias	97
3.3.3 Ustaz Haslin Baharim.....	99

3.4 Aplikasi <i>al-Mizāh</i> dalam Dakwah Pendakwah Pilihan	100
3.4.1 Analisis klip video yang disampaikan dari Tahun 2012-2016	100
3.4.2 Analisis metode dakwah yang digunakan dalam mengaplikasikan <i>al-Mizāh</i>	113
3.5 Kesimpulan	115
BAB EMPAT: ANALISIS PERBANDINGAN ANTARA APLIKASI <i>AL-MIZĀH</i> DALAM DAKWAH OLEH PENDAKWAH PILIHAN DENGAN PEMAHAMAN DARI PERSPEKTIF <i>FIQH AL-HADITH</i>	116
4.0 Pendahuluan	116
4.1 Metode dalam melakukan Analisis Perbandingan.....	116
4.2 Analisis Perbandingan antara Aplikasi <i>al-Mizāh</i> Dalam Dakwah Oleh Pendakwah Pilihan Dengan Pemahaman Dari Perspektif <i>Fiqh al-Hadith</i>	117
4.2.1 Perbandingan bentuk teknik <i>al-Mizāh</i> dalam penyampaian dakwah ...	117
4.2.2 Analisis etika dalam mengaplikasikan <i>al-Mizāh</i> mengikut pemahaman <i>fiqh al-Hadith</i>.	118
4.2.3 Metode dakwah dalam mengaplikasikan <i>al-Mizāh</i> dalam penyampaian dakwah.....	124
4.3 Kesimpulan	126
BAB LIMA: KESIMPULAN DAN RUMUSAN	128
5.0 Pendahuluan	128
5.1 Kesimpulan dan Rumusan	128
5.2 Saran dan Cadangan.....	129
5.3 Penutup.....	131

BIBLIOGRAFI.....**Error! Bookmark not defined.**

LAMPIRAN

HADITH *AL-MIZAH* DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH*: KAJIAN APLIKASI *AL-MIZAH* DALAM PENYAMPAIAN DAKWAH DI MALAYSIA

ABSTRAK

Pendekatan dalam melakukan aktiviti dakwah sentiasa mengalami perubahan daripada pelbagai sudut dan metode untuk menarik perhatian orang yang diseru (mad'u). Pendekatan dakwah melalui *al-Mizāh* yang bermaksud jenaka atau gurauan merupakan salah satu metode yang lahir hasil dari idea dan kreativiti pendakwah (da'i) dalam menyampaikan seruan dakwah. Namun, penggunaan *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah Islam mendatangkan pelbagai spekulasi tentang aplikasinya sehingga dikaitkan dengan *al-Mizāh* Rasulullah SAW. Melalui analisis induktif dan deduktif, kajian ini bertujuan untuk menganalisis hadith-hadith yang berkaitan dengan *al-Mizāh* dalam *al-Kutub al-Sittah* dan mengeluarkan pemahamannya dari sudut *fiqh al-Hadith*. Kemudian, pemahaman tersebut dibandingkan dengan aplikasinya dalam penyampaian dakwah Islam di Malaysia dalam kalangan para pendakwah dari segi teknik *al-Mizāh*, metode dakwah dan etika mengaplikasikan *al-Mizāh*. Hasil kajian pengkaji mendapati sebanyak 22 hadith dari *al-Kutub al-Sittah* direkodkan dan dibahagikan kepada empat topik utama iaitu pertama; hadith berkaitan *al-Mizāh* Rasulullah SAW dari segi *language* kedua; hadith berkaitan *al-Mizāh* Rasulullah SAW dari segi *logic*, ketiga; hadith berkaitan *al-Mizāh* Rasulullah SAW dari segi *identity*, dan yang keempat; hadith berkaitan *al-Mizāh* Rasulullah SAW dari segi *action*. Seterusnya dalam mengkaji aplikasi *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah, pemerhatian secara rawak bertujuan telah dilakukan melalui ceramah-ceramah para pendakwah ini yang berlegar di laman sesawang *YouTube* dari tahun 2012-2016 merangkumi keseluruhan 45 klip video kemudian klip-klip video yang terpilih dianalisis dengan menggunakan teknik humor dalam media audiovisual yang dikemukakan oleh Asa Arthur Berger. Hasil analisis mendapati teknik *al-Mizāh* yang banyak diaplikasikan oleh para pendakwah pilihan kajian ialah teknik dalam kategori

language dan kategori *identity*. Manakala hasil analisis perbandingan etika ketika mengaplikasikan *al-Mizāh* dengan pemahaman *fiqh al-Hadith* mendapati sebanyak 70 peratus etika dipatuhi sementara hanya 30 peratus etika yang tidak dipatuhi. Tuntasnya, peratusan ini menunjukkan tidak menjadi kesalahan mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah namun perlulah mengikut garis panduan supaya tidak menyeleweng dari matlamat penyampaian dakwah iaitu untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Kata kunci: hadith, *al-Mizāh*, aplikasi, penyampaian, dakwah

HADITH AL-MIZAH DALAM AL-KUTUB AL-SITTAH: KAJIAN APLIKASI AL-MIZAH DALAM PENYAMPAIAN DAKWAH DI MALAYSIA

ABSTRACT

The approach in carrying out da'wah activities is constantly changing from various angles and methods to attract the attention of the people called (mad'u). The preaching approach through *al-Mizāh* which means humor or jokes is one of the methods born out of the ideas and creativity of preachers (da'i) in delivering da'wah calls. However, the use of *al-Mizāh* in the preaching of the Islamic da'wah has brought a lot of speculation about its application to associate it with *al-Mizāh* Rasulullah SAW. Through the inductive and deductive analysis, this study aims to analyze the hadiths associated with *al-Mizāh* in *al-Kutub al-Sittah* and issue his understanding from the *fiqh al-Hadith*. Then, the understanding is compared to its application in the delivery of Islamic da'wah in Malaysia among the preachers in terms of scope, methods and manners in applying *al-Mizāh*. The results of the research found that 22 hadiths from *al-Kutub al-Sittah* are recorded and divided into four main topics: first; hadith related *al-Mizāh* Rasulullah SAW in terms of the language; hadith related *al-Mizāh* Rasulullah SAW in terms of logic, third; hadith related *al-Mizāh* Rasulullah SAW in terms of identity, and the fourth; hadith related to *al-Mizāh* Rasulullah SAW in terms of action. Next, in reviewing the application of *al-Mizāh* in preaching of the mission, aimed random observations were made through the lectures of these preachers who hovered on the *YouTube* website from 2012-2016 encompassing a total of 45 video clips and selected video clips was analyzed using humorous techniques in the audiovisual media presented by Asa Arthur Berger. The results of the analysis found that the technique of *al-Mizāh* which many applied by preachers of research's choice is the technique in the category of language and identity category. While the result of ethical comparison analysis when applying *al-Mizāh* with the understanding of *fiqh al-Hadith* found that 70 percent of ethics were compiled while

only 30 percent of ethics did not comply. In conclusion, this percentage shows that it is not a mistake to apply *al-Mizāh* in the service of da'wah but it must follow the guidelines so that it does not deviate from the goal of preaching which is to call on good and to prevent evil.

Keywords: hadith, *al-Mizāh*, application, presentation, da'wah

This Document is validated by
Language Unit
Faculty of Languages & Linguistics
University of Malaya

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. yang dengan izin-Nya, dapat juga penulis menyelesaikan disertasi ini setelah menempuh suatu tempoh yang penuh dengan pelbagai cabaran dan dugaan.

Di ruangan ini, suka untuk penulis coretkan secebis penghargaan dan ucapan terima kasih kepada beberapa individu dan pihak yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak; Pertama sekali, Prof Madya Dr. Ishak bin Sulaiman selaku penyelia pertama dan Dr. Khadher Ahmad selaku penyelia kedua. Terima kasih kerana cukup sabar dengan karenah pelajarmu ini dan tidak jemu-jemu memberikan nasihat dan pandangan dari seminggu ke seminggu, sebulan ke sebulan, setahun ke setahun.

Kedua, ayahanda Mohamed bin Omar dan bonda Siti Rushana binti Awang Besar. Tanpa sokongan, kasih, kata-kata semangat, sokongan material dan kewangan dari mereka, sudah pasti kajian ini tidak akan sampai ke penghujungnya. Kasih ayahanda bondalah yang menyokong penulis hingga ke akhirnya.

Ketiga; Muhammad Fadzli bin Mokhtar bekanda suami tercinta yang sentiasa ada ketika suka dan duka dalam mengharungi perjalanan kehidupan disaat penulis ditimpa kesakitan dan kekecewaan. Tanpa bekanda siapalah dinda.

Keempat; Aishah Husna, anakanda yang sangat memberikan inspirasi dan kekuatan untuk bangkit setelah melihat si kecil ini sangat gagah berjuang demi hidup walaupun wayar berselirat memenuhi tubuh kecilnya di NICU. Semangat anakanda menguatkan bonda.

Kelima, sahaba Encik Azizi bin Che Seman yang telah sudi meluangkan masa dan memberikan teguran kritis bagi penambahbaikan disertasi penulis. Terima kasih juga di atas motivasi yang diberikan supaya optimis dalam menyudahkan tesis ini.

Akhir sekali, para pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM. Prof. Madya Dr. Mustaffa Abdullah, Dr. Monika @ Munirah binti Abd Razzak, Prof. Madya

Dr. Faisal Ahmad Shah dan lain-lain. Terima kasih di atas ilmu yang telah dicurahkan sepanjang penulis mengikuti pengajian kelas semester pertama di APIUM, Kuala Lumpur.

Seterusnya, rakan-rakan dan semua yang terlibat yang juga membantu dari segi moral dan semangat, penulis hanya mampu mendoakan moga-moga Allah memberikan ganjaran pahala berlipat ganda kepada *antum* dan *antunna* semua dan mudah-mudahan syurgalah sebagai sebaik-baik balasan. Amin.

Siti Nur Khusna binti Mohamed,
Setia Alam, Shah Alam, Selangor.
15 Mei 2017.

SENARAI TRANSLITERASI¹

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا ، ؤ	a, ’ (Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f

¹ Transliterasi pada disertasi ini berpandukan kepada Buku Panduan Penulisan Tesis / Disertasi Ijazah Tinggi yang diterbitkan oleh Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur edisi ketiga pada tahun 2012.

ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h

Vokal Pendek	Transliterasi
ـ (Fatḥah)	a
ـ (Kasrah)	i
ـ (Dammah)	u

Vokal Panjang	Transliterasi
ـي	ā
ـي	ī
ـو	ū

Diftong	Transliterasi
ــو	aw
ــي	ay
ــــو	uww
ــــي	iy / i

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1: Bilangan hadith-hadith *al-Mizāh* yang terkumpul di dalam *al-Kutub al-Sittah*

Jadual 2.2: Senarai nama kitab yang disusun

Jadual 2.3: Taburan Hadith *al-Mizāh* mengikut kategori (Teknik jenaka- *language, logic, identity, action*)

Jadual 2.4: Taburan Hadith *al-Mizāh* mengikut (yang telah disaring mengikut kajian pengkaji) dalam al-Kutub al-Sittah.

Jadual 2.5: Taburan Bilangan Darjat Hadith

Jadual 3.1: Senarai Tajuk Video Ustaz Azhar Idrus

Jadual 3.2: Senarai klip video Ustaz Kazim Elias

Jadual 3.3 Senarai Video Ustaz Haslin Baharim

Jadual 3.4 Metode Dakwah dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*

Jadual 4.1 Perbandingan teknik *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah

Jadual 4.2: Senarai Etika dalam Mengaplikasikan *al-Mizāh*

Carta Pai 4.3: Peratusan etika yang dipatuhi dan tidak dipatuhi dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*.

Jadual 4.4: Perbandingan metode dakwah dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*

BAB PENDAHULUAN

0.1 Pengenalan

Kajian ilmiah ini bertajuk: “Hadith *al-Mizāḥ* dalam *al-Kutub al-Sittah*: Kajian Terhadap Aplikasi *al-Mizāḥ* dalam Penyampaian Dakwah Di Malaysia” adalah sebuah kajian dalam bidang hadith yang mengfokuskan kajian berbentuk analisis hadith-hadith Rasulullah SAW secara tematik (bertajuk). Bidang hadith adalah satu bidang yang luas dan tidak tertumpu kepada satu aspek semata-mata. Oleh itu, pengkajian dalam bidang ini akan membawa kepada sebuah kajian yang bukan sahaja menyentuh tentang matan (teks) hadith dan kefahamannya semata-mata, bahkan merangkumi pelbagai aspek yang luas, menyentuh tentang kajian matan (teks) hadith dan kajian sanad atau disebutkan kajian ilmu dirayah dan riwayah.

Perbincangan dalam pendahuluan ini, tertumpu kepada penjelasan terhadap gambaran awal kajian yang menyentuh beberapa aspek seperti permasalahan kajian, objektif kajian, ulasan pengkajian, kepentingan dan skop kajian. Perkara utama dalam bab ini adalah penjelasan tentang metodologi yang digunakan untuk menjalankan kajian.

0.2 Latar Belakang Masalah

*Al-Mizāḥ*¹ atau lawak jenaka amat digemari rakyat Malaysia kerana secara fitrahnya, manusia sangat menyukai sesuatu yang dapat menggembirakan hati mereka.² Waima itu, Islam sebagai agama fitrah tidak pernah menghalang kecenderungan semula jadi manusia untuk ketawa dan berseronok.³ Dalam realiti

¹ Dari perkataan *mazāḥu yamzāḥu mazhān muzāḥan* bermaksud gurauan dan jenaka yang mampu membuatkan manusia senyum dan ketawa. Jenaka pula ditakrifkan sebagai kebolehan seseorang manusia, objek, situasi atau perkataan untuk mencetuskan perasaan gembira atau terhibur. Jenaka boleh berlaku apabila seseorang itu tertawa disebabkan kelucuan yang ditunjukkan oleh seseorang yang lain. Lihat Abū Fadīl Jamaluddin Ibn Manzūr al-Anṣārī al-Ruffī'i al-Ifriqi, *Lisān al-'Arab*, (Beirut: Dār Sadir, 1414H) 2:593 entri “fasal mim”.

² Siti Fatimah Abdul Rahman, *Pembentukan Fitrah Hidup Islam*, (Kuala Lumpur: IKIM, 2004) 153

³ Yūsuf Al-Qārādawī, *Fiqh Hiburan dan Rekreasi*, terj. Fauwaz Fadzil dan Mohd Ridhwan ‘Abdullah (Selangor: PTS Islamika, 2014) 4.

kehidupan bermasyarakat pada hari ini, program keagamaan sering diselitkan dengan hiburan dan *al-Mizāh*. Tujuannya tidak lain hanya untuk menarik perhatian pendengar. Malah ceramah oleh para ustaz juga banyak menyelitkan unsur *al-Mizāh* dalam isi dakwah mereka. Isu penggunaan jenaka oleh figura dakwah hangat diperbincangkan media beberapa tahun kebelakangan ini. Beberapa tokoh agamawan dan ilmuwan terkemuka negara telah melontarkan pelbagai pandangan mengenai dari kaca mata masing-masing. Antaranya, ada pandangan yang melabelkan ustaz yang berlawak sebagai “maharaja lawak”⁴ dan ada juga yang memberi gelaran “Ustaz nakal”.⁵

Timbul satu persoalan yang seringkali dijadikan ukuran dalam menjayakan program keagamaan yang melibatkan pengajian atau ceramah para ustaz pendakwah iaitu unsur lawak jenaka dalam pengajian mereka lucu atau tidak. Sekiranya ustaz yang memberikan ceramah lucu dan digemari oleh ramai pendengar maka program dakwah yang diselenggarakan dianggap berjaya. Kebanyakkannya program agama sama ada di

⁴ Dato’Dr Mashitah, “ucapan di PAU 2014” laman sesawang Youtube dicapai 27 Disember 2014, <https://www.youtube.com/watch?v=hdCkYZE3vuU>

Antara kenyataan beliau di dalam akhbar: “Setiap pendakwah ada kaedah tersendiri untuk menarik perhatian hadirin. Namun, kita harus tahu seimbangkan cara dan isi. Ceramah adalah majlis ilmu, bukan persembahan hiburan seperti **Maharaja Lawak Mega**. Audien juga dinasihatkan tidak memilih ceramah kerana ada jenaka tetapi kerana ilmunya,” Menurutnya, dibimbangi jika terlalu banyak gelak ketawa, disulami percakapan berunsur lucu atau menghina orang lain, kelak majlis ilmu hilang keberkatannya. Ana Ghoib, “Dr Mashitah: Saya tiada agenda peribadi sindir ustaz, ustazah ekspres” Berita Harian, 12 Mac 2014.

Kenyataan ini kemudian dijawab oleh Abby Abadi yang mana merupakan salah seorang artis yang berhijrah dan memasuki dunia dakwah. Kenyataan beliau sebagaimana berikut: “Saya selalu mengikuti majlis-majlis ilmu yang disampaikan sama ada dalam bentuk hiburan, lawak atau sebagainya, bagi saya itu bukan satu kesalahan. Malah saya melihat lebih ramai mereka yang hadir mengikuti majlis-majlis ilmu kerana bagi mereka penyampaian tersebut memberi kesan kepada pemahaman tentang apa yang mereka ingin ketahui.” Lihat kenyataan abby abadi dalam harakah daily yang diakses pada laman web <http://www.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/32385-mashitah-sebut-ustaz-ekspres-apa-kata-abby-abadi> dicapai pada 2 Mac 2015.

Kenyataan beliau juga disanggah oleh Timbalan Pengurus, Institut Kerjasama Islam Antarabangsa Malaysia (Ikiam), Datuk Mustaffa Idrus. Beliau berkata: “Tidak wajar menghina golongan artis mahupun pendakwah yang berdakwah dengan pendekatan tersendiri, menggunakan penyampaian berbeza agar ilmu yang dikongsi diterima masyarakat. Ramai pendakwah menggunakan nyanyian dan lawak jenaka agar lebih dekat dengan masyarakat,” “Ia bukan kesalahan, adakah nas yang melarang menyampaikan dakwah melalui nyanyian? Contohnya, Ustaz Kazim Elias menyampaikan dakwah menerusi dendangan, Ustaz Azhar Idrus juga menggunakan pendekatan lagu dan jenaka, di mana hampir 70 peratus pendakwah menyampaikan ceramah diselitkan lagu,” <http://www.sinarharian.com.my/nasional/artis-juga-boleh-berdakwah-selagi-ikut-syarik-1.337967>

Diakses pada 2 mac 2015.

⁵ Wan Ji Wan Hussin, “Ustaz Nakal Jangan Sampai Jual Agama” laman sesawang Youtube dicapai pada 18 Oktober 2014, <https://www.youtube.com/watch?v=-SY2GUetFdA>

masjid-masjid atau di universiti atau di tempat awam menjadikan lawak satu kriteria penting dalam memilih pendakwah untuk program tersebut sehingga timbul Ustaz selebriti dan seterusnya mencetuskan satu fenomena dalam industri dakwah tanah air. Seorang Ustaz atau pendakwah akan dikenali dan banyak menerima jemputan untuk menyampaikan ceramah agama bukan kerana hukum atau nasihat agama yang tepat untuk dijadikan sebagai hujah dalam menghadapi dan menyelesaikan ujian hidup tetapi lebih kepada lawak jenaka yang disampaikannya. Fenomena ini menunjukkan ceramah agama tidak berbeza dengan lawak atau komedi kerana kayu ukur yang digunakan ialah sifat lucu untuk menarik perhatian pendengar. Sehingga ceramah agama dianggap sebagai ‘hiburan dalam konteks agama’ atau ‘hiburan berpahala’. Hasilnya, ceramah yang berkaitan agama hanya menjadi pengisi waktu luang, bahan perbincangan, bahkan hanya sebagai lawak jenaka semata-mata bukan sebagai rujukan ataupun nasihat untuk diingati.

Namun begitu, dalam masalah penggunaan *al-Mizāh* dalam dakwah kerap kali tatkala berdakwah para da’ie dan para pemuda Islam bergurau atau berlawak melampaui batas sehingga timbul pelbagai persepsi mempersoalkan batas-batas syariat dan hukum lawak jenaka. Walaupun penggunaan *al-Mizāh* pada asalnya adalah untuk menarik perhatian pendengar namun penggunaannya yang melampaui dan tanpa batasan dapat memberi kesan kepada isi dakwah yang disampaikan. Contohnya, penggunaan bahasa lawak yang tidak sesuai untuk semua golongan dan lawak jenaka yang lebih banyak daripada isi dakwah yang disampaikan. Selain itu juga, ada golongan agamawan yang membandingkan dengan dakwah Rasulullah dan mendakwa bahawa dakwah Rasulullah SAW sentiasa serius. Mereka mengemukakan hujah dengan berdalilkan hadith berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَا أَبَا هُرَيْرَةَ كُنْ وَرَعًا، تَكُنْ أَعْبُدَ النَّاسَ، وَكُنْ فَتَنَّا، تَكُنْ أَشْكَرَ النَّاسِ، وَأَحِبَّ لِلنَّاسِ مَا تُحِبُّ لِنَفْسِكَ، تَكُنْ مُؤْمِنًا،

وَأَحْسِنْ جَوَارَ مَنْ بَجَاوَرَكَ، تَكُنْ مُسْلِمًا، وَأَقِلَّ الصَّحَكَ، فَإِنَّ كَثْرَةَ الصَّحَكِ تُبَيِّثُ
الْفَلْبٌ⁶

Terjemahan: Dari Abu Hurairah dia berkata; Rasulullah SAW bersabda: "Wahai Abu Hurairah, Jadilah kamu seorang yang warak, nescaya kamu menjadi manusia yang paling beribadah. Jadilah kamu menjadi seorang yang merasa cukup, nescaya kamu menjadi manusia yang paling bersyukur. Cintailah manusia seperti kamu mencintai dirimu sendiri, nescaya kamu akan menjadi seorang mukmin. Perbaikilah hubungan kejiranan dengan jiranmu, nescaya kamu akan menjadi seorang yang berserah diri. Dan sedikitkanlah ketawa, kerana banyak ketawa akan mematikan hati."

Seumpama menjadi satu trend⁷ bagi para pendakwah untuk memasukkan lawak jenaka ke dalam dakwah mereka untuk menarik perhatian pendengar kerana dikatakan ceramah tanpa unsur jenaka atau lawak tidak mendapat sambutan. Hal ini dikhawatir para pendengar hadir ke kuliah atau ceramah agama semata-mata untuk mendengar lawak atau jenaka para pendakwah dan bukan untuk mendengar isi yang ingin disampaikan.⁸

Oleh kerana terlalu banyak dakwaan dan masalah yang timbul dengan penggunaan *al-Mizāh* di dalam penyampaian dakwah maka pengkaji ingin mengkaji mengenai "*Hadith al-Mizāh dalam al-Kutub al-Sittah: Kajian Terhadap Aplikasi al-Mizāh dalam Penyampaian Dakwah Di Malaysia*"

⁶ Abū ‘Abd Allah Muhammad bin Yāzid al-Qazwaniy Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, e.d Muhammad Fu’ād ‘Abdul Baqi (Faisal Ilā al-Bayā al-Halbī: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah t.t) 2 : 1403 (Kitab Zuhud, Bab Sedih dan Menangis no. hadith 4193). 2:1410 (Kitab Zuhud, Bab Warak dan Takwa, no.hadith 4217) al-Albānī menghukumkan hadith ini sahih

⁷ Entri yang bertajuk “Mufti Perak Tegur Pendakwah Selebriti” oleh Razif Rosli pada 13 Mac 2015. Dicapai pada 4 Jun 2015 di laman sesawang <http://www.sinarharian.com.my/nasional/mufti-perak-tegur-Ustaz-selebriti-1.36817>

⁸ Ibid. kenyataan Tan Sri Dr Harussani Zakaria“trend tersebut mampu mengakibatkan kekeliruan dan kecelaran dalam kalangan umat Islam dan terdapat pendengar seakan-akan menanti ‘bahan penglipur lara’ itu yang dibimbangkan tersasar daripada matlamat dakwah untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah.”

0.3 Pernyataan Masalah Kajian

Berdasarkan kepada latar belakang masalah kajian, dapat difahami bahawa permasalahan utama kajian ini adalah penyampaian dakwah Islam yang telah berkembang pesat dari segi kaedah dan aplikasinya dari zaman ke zaman maka para pendakwah menggunakan kaedah aplikasi *al-Mizāh* dalam penyampaian mereka untuk menarik perhatian mad'u. Namun adakah pendakwah memahami konsep *al-Mizāh* dalam dakwah Islam? Amatlah penting untuk mengetahui dan memahami serba sedikit mengenai sesuatu konsep agar penggunaannya dalam dakwah Islam dapat memberikan kesan kepada jiwa para mad'u.

Setelah penggunaan aplikasi ini semakin popular dalam kalangan para pendakwah maka timbul pula perbahasan dan perselisihan dalam kalangan agamawan dan ilmuwan Islam mengenai cara *al-Mizāh* Rasulullah SAW menyebabkan perkara seperti ini perlu kembali diteliti dalam kitab-kitab hadith utama seperti al-Kutub al-Sittah. Disini persoalan yang dilontarkan ialah bagaimana perbincangan tentang hadith-hadith yang berkaitan *al-Mizāh* dalam *al-Kutub al-Sittah* dan pemahaman terhadapnya dalam perspektif fiqh al-hadith.

Seterusnya, penggunaan *al-Mizāh* dalam kalangan pendakwah Malaysia semakin mendapat perhatian dan berjaya menarik minat para mad'u untuk mendengar. Hal ini menyebabkan satu persoalan timbul iaitu bagaimana aplikasi *al-Mizāh* dalam dakwah oleh pendakwah di Malaysia supaya aplikasi yang digunakan para pendakwah ini tidak terpesong dari landasan dan matlamat dakwah.

Dalam meneliti hadith-hadith dan aplikasi *al-Mizāh* dalam realiti semasa maka semestinya tidak dapat lari dari membandingkan antara kedua perkara agar dapat mencari persamaan dan perbezaan. Oleh itu, timbul satu lagi persoalan iaitu apakah perbandingan

aplikasi *al-Mizāh* dalam kalangan pendakwah di Malaysia dengan pemahaman dari perspektif fiqh al-Hadith.

0.4 Objektif Kajian

Dalam memastikan kajian ini berjalan lancar dan dipandukan dengan sebaiknya, beberapa objektif telah disasarkan oleh pengkaji untuk dicapai agar kajian ini benar-benar mencapai objektif yang ditetapkan dan tidak terkeluar daripada hala tuju yang sebenar. Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenalpasti konsep *al-Mizāh* di dalam dakwah Islam
- ii. Menganalisis hadith-hadith berkaitan *al-Mizāh* dalam *al-Kutub al-Sittah* dan mengeluarkan pemahamannya berdasarkan *fiqh al-Hadith*.
- iii. Mengkaji aplikasi *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah oleh pendakwah di Malaysia dengan menggunakan teknik humor oleh Arthur Asa Berger.
- iv. Menganalisis perbandingan aplikasi *al-Mizāh* dalam kalangan pendakwah di Malaysia dengan pemahaman dari perspektif *fiqh al-Hadith*.

0.5 Persoalan Kajian

Merujuk kepada latar objektif kajian, kajian ini akan menjawab dan mencari penyelesaian berlandaskan kepada beberapa persoalan di bawah:

- i. Apakah konsep *al-Mizāh* dalam dakwah Islam?
- ii. Bagaimana perbincangan tentang hadith-hadith yang berkaitan *al-Mizāh* dalam *al-Kutub al-Sittah* dan apakah pemahaman terhadapnya dalam perspektif *fiqh al-Hadith*.?

- iii. Pendakwah pada masa kini banyak menggunakan *al-Mizāh* sebagai uslub tarikan dalam dakwah mereka. Bagaimana aplikasi *al-Mizāh* dalam dakwah oleh pendakwah di Malaysia?
- iv. Apakah perbandingan aplikasi *al-Mizāh* dalam kalangan pendakwah di Malaysia dengan pemahaman dari perspektif *fiqh al-Hadith*.?

0.6 Definisi Tajuk

Tajuk kajian ini ialah “*Hadith al-Mizāh dalam al-Kutub al-Sittah: Kajian Terhadap Aplikasi al-Mizāh dalam Penyampaian Dakwah Di Malaysia*”

Terdapat beberapa istilah yang perlu dijelaskan. Di sini, pengkaji akan menjelaskan beberapa istilah secara ringkas sahaja dan akan diperincikan kemudian.

i. *Al-Mizāh*

Menurut Ibnu Manzūr *al-Mizāh* ialah al-Dā’ābāh yang bermaksud jenaka. Kalimah *al-Mizāh* diambil dari perkataan mazāḥa yamzāḥu mazhān muzāḥan.⁹ Mengikut Kamus Besar Dewan Arab Melayu ia membawa maksud bergurau senda, berjenaka.¹⁰ Manakala mengikut pendapat al-Zabiḍī, *al-Mizāh* adalah senda gurau dengan cara yang lembut dan belas kasihan tanpa mencederakan emosi sehingga mengeluarkan kejian dan hinaan.¹¹ Pengkaji menggunakan istilah *al-Mizāh* di dalam kajian pengkaji berbanding menggunakan bahasa Melayu iaitu lawak jenaka atau gurauan kerana pengkaji ingin memperkenalkan dan membiasakan orang awam dan ahli akademik untuk menggunakan istilah *al-Mizāh* di dalam menerangkan hadith-hadith yang berkaitan dengannya. Malah

⁹ Abū Faḍl Jamaluddin Ibn Manzūr al-Anṣārī al-Rufī’i al-Ifriqi, *Lisān al-‘Arab*, (Beirut: Dār Sadir, 1414H) 2:593 entri “fasal mim”.

¹⁰ Osman Hj. Khalid et al, Kamus Dewan Besar Arab Melayu, (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006) 2200.

¹¹ Muhammad bin Muhammad bin ‘Abd al-Razāk al-Husainī Abū al-Fayaḍ, al-Zabiḍī, *Tajū al-‘Arus Min Jawhar al-Qamus*, (t.t.p: Dār al-Hidayah, t.t) 2:322.

istilah ini lebih meliputi segala maksud iaitu di dalamnya ada gabungan lawak, jenaka, gurauan, ketawa dan senyum.

ii. Aplikasi

Aplikasi bermaksud kegunaan ataupun menggunakan secara praktik atau amali. Aplikasi juga bermaksud melaksanakan atau menggunakan pada amalan iaitu mengetahui beberapa banyak teori dan terlalu ingin memasukkan teori itu ke dalam sesi yang baru dimulainya.¹² Oleh itu, aplikasi dalam kajian pengkaji adalah melaksanakan atau menggunakan teori konsep *al-Mizāh* dan hubungannya dalam dakwah.

iii. Dakwah

Menurut Adam ‘Abd Allāh al-Alurī dakwah Islamiah adalah memalingkan pandangan dan pemikiran manusia kepada pandangan dan pemikiran yang berdasarkan akidah Islamiah. Ia juga merupakan satu seruan bagi menyelamatkan manusia daripada kesesatan yang hampir menjerumuskan mereka ke dalamnya. Manakala Muhammad al-Ghazali mentakrifkan dakwah sebagai satu perancangan yang lengkap dan mencakupi semua peringkatnya, mengandungi ilmu pengetahuan yang diperlukan manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup dan bagi menyingkap petunjuk jalan yang membawa kepada petunjuk dan hidayah bagi mereka. Menurut al-Qaradawi dakwah adalah satu usaha menarik orang lain kepada agama Islam supaya mengikut petunjuk Allah swt dan melaksanakan segala ketentuan Allah di muka bumi ini. Selain itu menundukkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat setia hanya kepada Allah, melepaskan diri daripada segala kongkongan yang lain dari Allah (thaghut) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditentukan hak oleh Allah, menafikan hak orang yang dinafikan hak oleh Allah, menyeru kepada kebaikan dan

¹² Teuku Iskandar, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,) 73, entri “aplikasi”

mencegah kemungkaran dan berjihad pada jalanNya. Secara umumnya, dakwah jika dikaitkan dengan agama adalah suatu usaha atau proses untuk melahirkan kewujudannya (agama) dalam realiti kehidupan yang dapat dirasai dan dikesan.

iv. Aplikasi *al-Mizāh*

Dalam kajian pengkaji, aplikasi *al-Mizāh* yang dimaksudkan adalah penggunaan unsur-unsur lawak jenaka dalam ceramah atau kuliah agama yang mampu menyebabkan para mad'u ketawa sama ada secara lisan atau dalam bentuk bahasa tubuh.

v. Penyampaian Dakwah

Penyampaian dakwah yang pengkaji maksudkan dalam kajian ini adalah metode yang digunakan dalam memberi sesuatu kefahaman atau penjelasan mengenai ilmu Islam secara lisan di khalayak ramai.

0.7 Skop dan Batasan Penyelidikan

Pengkaji mengehadkan teks-teks hadith yang berkaitan dengan *al-Mizāh* dalam *al-Kutub al-Sittah* sahaja. Seterusnya pengkaji membataskan hadith-hadith yang berkaitan dengan perbincangan *fiqh al-Hadith*. Di dalam *fiqh al-Hadith*, ini penulis membahagikan perbincangan kepada dua kategori iaitu dari sudut dakwah dan *al-Mizāh*.

Dalam mengkaji aspek aplikasi *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah di Malaysia, pengkaji hanya menumpukan pendakwah terkenal dalam kalangan masyarakat dan media sosial, iaitu Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias, dan Ustaz Haslin Baharim sahaja.

Oleh itu, dalam memilih Pendakwah Pilihan Kajian, pengkaji telah meletakkan beberapa syarat atau kriteria seperti berikut:

- i. Mempunyai unsur *al-Mizāḥ* secara lisan di dalam kuliah atau ceramah agama.
- ii. View count di *YouTube* lebih dari 300 ribu view.
- iii. Kuliah atau ceramah yang disampaikan bermula dari 2012-2016
- iv. Dikategorikan sebagai pendakwah selebriti kerana dikenali oleh masyarakat di Malaysia. Pendakwah Selebriti yang pengkaji maksudkan adalah mereka yang dikenali oleh masyarakat di Malaysia dengan penampilan mereka di televisyen dan radio, menghasilkan buku dan mempunyai kuliah atau jemputan ceramah yang sangat banyak dari tahun 2012-2016.

Selain itu, pengkaji menjadikan media audiovisual *YouTube* sebagai alat pemerhatian kerana pada era teknologi digital, *YouTube* telah menjadi elemen penting dari segi penggunaannya bukan sahaja untuk mendapatkan hiburan tetapi maklumat yang memperkayakan pengetahuan generasi muda¹³.

0.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan dan manfaat kepada ahli akademik, pendakwah dan masyarakat. Pengkaji menggariskan beberapa kepentingan kajian ini seperti berikut:

¹³ Norizah Aripin et. al “Youtube” Dan Generasi Muda Islam: Satu Pendekatan Kelompok Fokus Dalam Kalangan Pelajar Universiti (Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication, Jilid 32 (1), 2016) 165.

Pertama; kajian ini penting dalam memberi penjelasan dengan terperinci perbincangan mengenai *al-Mizāh* atau lawak jenaka dalam perspektif *fiqh al-Hadith*. serta pengaplikasiannya kepada ahli akademik terutama dalam bidang hadith dan dakwah.

Kedua; kajian ini bagi memberi manfaat kepada perkembangan keilmuan tentang *al-Mizāh* kepada masyarakat dari segi mewujudkan pandangan baru tentang *al-Mizāh* dalam dakwah dan hadith.

Ketiga; kajian ini juga penting untuk mewujudkan pandangan baru masyarakat terhadap bidang hadith yang mana bidang ini tidak hanya tertumpu kepada pentafsiran al-Quran dan sebagai sumber hukum semata-mata.

Keempat; kajian ini bermanfaat untuk membantu para pendakwah dalam mendapatkan rujukan hadith-hadith mengenai *al-Mizāh* dari segi hukum dan garis panduan yang dibolehkan dalam mengaplikasikan metode *al-Mizāh* dalam dakwah terutama dalam dakwah yang berkaitan dengan dakwah bi lisan.

0.9 Ulasan Penyelidikan Lepas

Ulasan Penyelidikan Lepas merujuk kepada satu proses untuk memberikan pengertian yang jelas terhadap tajuk kajian dengan berpandukan kepada bahan-bahan yang mempunyai hubungan dengan persoalan kajian. Perkara pertama yang perlu dilakukan selepas mendapat idea untuk membuat sesuatu kajian, adalah menyelidiki sama ada sudah ada atau tidak kajian-kajian lepas yang dilakukan padanya iaitu berkaitan tajuk atau idea tersebut.¹⁴

¹⁴ Bacon Lawrence Neuman et al., *Social Research Methods Qualitative and Quantitative Approaches*. T.N.P, 1987), 90. ; Harvey Russell Bernard, *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approache* (California: Sage Publications, Inc., 2000), 87.

Pengkaji membahagikan penyelidikan lepas kepada tiga bentuk iaitu bentuk pertama, penyelidikan lepas berkaitan jenaka. Bentuk kedua, penyelidikan lepas berkaitan dakwah dan bentuk yang ketiga penyelidikan yang mempunyai gabungan skop jenaka dan dakwah.

Bentuk pertama, penyelidikan lepas yang berkaitan dengan jenaka. Pengkaji mendapati terdapat banyak kajian yang mempunyai kaitan dengan jenaka namun begitu pengkaji memilih penyelidikan lepas yang hampir dengan kajian pengkaji. Antara penyelidikan lepas berkaitan jenaka yang ditemui oleh pengkaji ialah :

Disertasi yang ditulis oleh Wan Nur Hasmy bin Wan Mansor¹⁵ yang bertajuk *Penerapan Unsur Kecindan Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Reka Bentuk Teknologi*. Kajian yang dijalankan ini lebih kepada meneroka perbezaan penerapan unsur kecindan dalam kalangan guru lelaki dan guru perempuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Topik kajian ini lebih menyerupai kajian pengkaji yang mengetengahkan jenaka namun berbeza skop iaitu kajian ini dalam bidang pendidikan manakala kajian pengkaji dalam bidang hadith dan dakwah.

Kemudian Disertasi yang ditulis oleh Wan Zanariah Binti Muhammad¹⁶ yang bertajuk *Penggunaan Jenaka Untuk Mengurangkan Tekanan di Tempat Kerja*. Kajian ini menjelaskan tentang penggunaan jenaka untuk mengurangkan tekanan di tempat kerja dikalangan kakitangan institusi pengajian awam. Kajian ini juga mengenalpasti persepsi kesan penggunaan jenaka untuk mengurangkan tekanan di tempat kerja. Selain itu, kajian ini menentukan perbezaan atau perkaitan diantara tahap tekanan, sikap amalan jenaka, jenis-jenis personaliti dan angkubah demografi terpilih dengan persepsi kesan penggunaan

¹⁵ Wan Nur Hasmy bin Wan Mansor, “Penerapan Unsur Kecindan Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Reka Bentuk Teknologi”, (Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2014).

¹⁶ Wan Zanariah Binti Muhammad,” Penggunaan Jenaka untuk Mengurangkan Tekanan di Tempat Kerja ”, (Disertasi Ijazah Sarjana Sains, Universiti Putra Malaysia, 2007.)

jenaka untuk mengurangkan tekanan di tempat kerja. Secara keseluruhan disertasi ini hanya mempunyai persamaan dengan kajian pengkaji dari segi penggunaan jenaka namun berbeza skop dan tujuan kajian. Kajian pengkaji mengkaji penggunaan jenaka di dalam ceramah dakwah manakala kajian Wan Zanariah meneroka penggunaan jenaka di tempat kerja. Selain itu, disertasi ini tidak mengemukakan sedikit pun hadith-hadith yang berkaitan dengan jenaka dan hanya menumpukan kepada bidang Sains semata-mata.

Selain itu, pengkaji menemui Latihan Ilmiah yang ditulis oleh Mohd Muammar Mohd Zain¹⁷ ini iaitu *Persembahan Lawak Jenaka: Kajian Menurut Perspektif Hukum*. Kajian ilmiah ini mengkaji mengenai persembahan lawak jenaka di Malaysia dan menumpukan skop kajian kepada kumpulan Senario. Keseluruhan kajian ini menjelaskan secara terperinci pandangan Islam terhadap lawak Jenaka dari segi asal seni lawak jenaka, batas-batas syariat dan mengupas dengan teliti lawak jenaka yang wujud di Alam Melayu. mempunyai persamaan dengan kajian pengkaji iaitu unsur lawak jenaka namun begitu kajian ini menumpukan lawak jenaka persembahan dan bukannya kepada dakwah. Tambahan lagi skop kajian ini menurut perspektif hukum berbeza dengan kajian pengkaji yang menumpukan kajian menurut perspektif sunnah.

Seterusnya pengkaji menemui Latihan Ilmiah yang ditulis Eliza Ripa¹⁸ yang bertajuk *Hubungan antara Sense of Humor dengan Kreativitas pada Siswa kelas VIII SMP Negeri 13 Malang*. Kajian ilmiah yang dijalankan di Universiti Islam Negeri Maulana Malik Negeri Malang, Indonesia ini mengkaji mengenai lawak jenaka dalam kalangan Mahasiswa kelas VIII SMP yang mana hasil kajian mendapati bahawa jenaka memainkan peranan penting dalam merangsang kreativiti mahasiswa. Kajian yang

¹⁷ Mohd Muammar Mohd Zain, "Persembahan Lawak Jenaka : Kajian Menurut Perspektif Hukum" (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Syariah (B.A), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003)

¹⁸ Eliza Ripa, "Hubungan antara Sense of Humor dengan Kreativitas pada Siswa kelas VIII SMP Negeri 13 Malang", (Skripsi, Fakulti Psikologi, Universiti Islam Negeri Maulana Malik Negeri Malang, 2010).

berbentuk kuantitatif ini menyamai kajian pengkaji dari sudut konsep lawak jenaka yang digunakan namun secara keseluruhan kajian ini amat berbeza sekali dengan kajian pengkaji sama ada dari segi skop dan sasaran kajian yang dijalankan.

Bentuk kedua penyelidikan lepas berkaitan dakwah yang ditemui oleh pengkaji ialah disertasi sarjana oleh Anita Abdul Rani¹⁹ yang bertajuk *Ceramah Dakwah: Kajian tentang Faktor tarikannya Di Kuantan*. Kajian ini membincangkan persoalan tentang ceramah dakwah yang dapat menarik perhatian sasaran dakwah. Kajian yang bersifat kuantitatif ini juga melihat kepada tarikan ceramah dakwah yang banyak terletak pada peribadi penceramah atau pendakwah, tajuk ceramah, gaya dan unsur-unsur yang digunakannya. Disertasi ini menumpukan kepada metode dan ūslūb dakwah yang digunakan oleh empat penceramah yang terkenal di Kuantan, Pahang. Sedikit sebanyak disertasi ini mempunyai persamaan dengan kajian pengkaji namun kajian pengkaji berbeza dari segi tokoh-tokoh pendakwah yang dikaji dan kajian pengkaji lebih banyak mengaitkan dengan hadith-hadith Rasulullah S.A.W. Tambahan lagi, kajian pengkaji lebih menumpukan hanya kepada satu *al-Mizāh* dalam dakwah yang digunakan oleh para pendakwah yang terpilih.

Kemudian, bentuk yang ketiga iaitu penyelidikan lepas yang menggabungkan jenaka dan dakwah. Pengkaji menemui beberapa kajian ilmiah yang menggabungkan jenaka dan dakwah seperti Kajian Ilmiah yang dilakukan M.Tamhid Assidiqi yang bertajuk *Humor sebagai Teknik Dakwah (Study Content Analysys Ceramah Kiai Kera Sakti Dalam Kaset VCD No.282/VCD/2007)*²⁰ dan kajian oleh Miftahul Ilmi yang bertajuk *Humor Sebagai Teknik Dakwah (Metode Dakwah Ceramah Hm. Cheng Hoo*

¹⁹ Anita Binti Abdul Rani, “Ceramah Dakwah: Kajian tentang Faktor tarikannya di Kuantan”, (Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.)

²⁰ M.Tamhid Assidiqi, “Humor sebagai Teknik Dakwah (Study Content Analysys Ceramah Kiai Kera Sakti Dalam Kaset VCD No.282/VCD/2007)” (Kajian Ilmiah, Sarjana Muda Komunikasi Islam, Fakulti Dakwah Jurusan Komunikasi dan Penyiaran Islam, Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, 2010)

*Djadi Galajapo).*²¹ Kedua-dua kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian penulis dari segi unsur humor dan dakwah namun begitu skop dan batasan penyelidikan sangat berbeza dengan pengkaji iaitu pengkaji melakukan kajian terhadap pendakwah di Malaysia dan aplikasi al-Mizah dalam dakwah oleh pendakwah pilihan kajian dibandingkan dengan fiqh al-hadith. Malah kajian pengkaji menganalisis hadith-hadith al-Mizah yang terdapat dalam al-Kuttu al-Sittah.

Kesimpulannya, pengkaji mendapati tidak ada lagi tajuk yang benar-benar menyamai tajuk pengkaji.

10.0 Metodologi Kajian

Kajian ini akan melibatkan beberapa metode bagi mendapatkan data dan maklumat dan akan melakukan analisis terhadap data-data yang diperoleh bagi menghasilkan kesimpulan. Dalam menjalankan kajian ini, secara umum pengkaji menggunakan dua metode pengumpulan data dan metode analisis data.

10.1 Metode Pengumpulan Data

Dalam mengumpulkan data, pengkaji menggunakan beberapa metode berikut ini:

- a) Metode Kajian perpustakaan

Bagi kajian ini, pengkaji memilih bentuk kajian perpustakaan sebagai kajian utama. Justeru, pengkaji mengambil data dan maklumat daripada pelbagai bahan bercetak sama ada tesis, disertasi, latihan ilmiah, buku, monograf, majalah, artikel, dan bahan-bahan lain yang berkaitan. Bahan-bahan tersebut diambil dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa

²¹ Miftahul Ilmi, “Humor Sebagai Teknik Dakwah (Metode Dakwah Ceramah Hm. Cheng Hoo Djadi Galajapo)”, (*Kajian Ilmiah, Sarjana Muda Komunikasi Islam, Fakulti Dakwah Jurusan Komunikasi dan Penyiaran Islam, Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, 2013*)

Melayu, Arab, dan Inggeris supaya dapatan data dikumpulkan secara menyeluruh dan berkesan. Data dan maklumat di atas, pengkaji mengambil daripada beberapa buah perpustakaan. Pengkaji memperolehi bahan-bahan berkenaan di Perpustakaan Universiti Malaya yang terdiri daripada Perpustakaan Utama, dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, Kelantan. Di samping itu, pengkaji juga menggunakan perkhidmatan perpustakaan di IPTA lain iaitu Library International Islamic University Malaysia (UIAM). Selain itu, pengkaji menggunakan perpustakaan awam iaitu Perpustakaan al-Zahra' dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka di Kota Bharu, Kelantan. Pengkaji juga mengambil bahan-bahan daripada koleksi peribadi pengkaji dan orang perseorangan.

b) Metode Dokumentasi

Data-data yang berbentuk dokumentasi merujuk kepada bahan-bahan berbentuk dokumen seperti jurnal, tesis dan disertasi, majalah, ensiklopedia, akhbar, kertas kerja, buku atau kitab dan lain-lain bahan berbentuk dokumen. Pengkaji mengaplikasikan sepenuhnya metode ini untuk menyelesaikan perbahasan dalam bab pendahuluan, bab pertama dan bab kedua dan bab ketiga. Analisis dokumen atau tekstual yang dikutip daripada pengungkapan verbal dan bukan verbal serta bentuk penyampaian dakwah oleh pendakwah pilihan kajian iaitu Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias dan Ustaz Haslin Baharim.

c) Metode Observasi (Pemerhatian)

Observasi adalah merujuk kepada pengamatan, pemerhatian dan pencacatan oleh pengkaji terhadap fenomena-fenomena yang diselidiki atau dikaji secara bersistematik.²² Metode observasi diaplikasi oleh pengkaji sepenuhnya dalam bab ketiga untuk mengumpul data aplikasi *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah oleh pendakwah pilihan

²² Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001) 60-61

di Malaysia di *YouTube*. Beberapa syarat telah digariskan dalam mengumpulkan data seperti berikut:

1. Klip video kuliah dari tahun 2012-2016 sahaja
 2. Klip video yang hanya mencatatkan view count lebih dari 300 ribu view sahaja yang diambil menjadi sampel data
 3. Klip video yang berulang tidak akan dicatat
- d) Komparatif

Kaedah ini bertujuan untuk mencari persamaan dan perbezaan dua unsur atau lebih yang serupa dengan cara membandingkannya²³. Kaedah ini amat penting bagi kajian ini dalam melakukan perbandingan antara aplikasi *al-Mizāh* oleh pendakwah-pendakwah pilihan kajian dengan pemahaman *fiqh al-Hadith*. Metode ini digunakan dalam bab Keempat pengkaji.

10.2 Metode Analisis Data

Data-data yang telah dikumpul berdasarkan kaedah-kaedah yang telah dinyatakan sebelum ini, maklumat dan data-data tersebut akan dikumpulkan seterusnya akan dianalisis, dinilai dan disaring dengan menggunakan beberapa kaedah. Kaedah-kaedah tersebut adalah seperti berikut:

- a) Metode Induktif

Kaedah ini adalah satu cara menganalisis data melalui penelitian dan pemerhatian terhadap fakta-fakta yang khusus untuk menggagaskan teori dan prinsip yang bersifat

²³ Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan Satu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001), 36.

umum²⁴. Dengan membawa fakta dan keterangan secara generatif bagi membentuk dan merumuskan suatu gagasan fikiran. Pengkaji menggunakan metode ini dalam bab pertama dan kedua.

b) Metode Deduktif

Metode deduktif adalah satu cara membuat kesimpulan atau menganalisis data berdasarkan kepada pola berfikir daripada kenyataan yang umum untuk sampai kepada pernyataan yang khusus. Pengkaji menggunakan metode ini dalam bab ketiga dan keempat.

Keseluruhan data yang diperoleh dan dikumpulkan akan dianalisa berdasarkan teori yang berkaitan. Akhirnya, keseluruhan data tersebut akan dideskripsikan sehingga menghasilkan satu perbahasan data yang bersifat deskriptif. Tahap analisis data adalah seperti berikut:

- a. Memilih klip-klip video yang akan diteliti di *YouTube* berdasarkan kriteria pemilihan kemudian dicatatkan segala maklumat mengenai klip video tersebut
- b. Melakukan pemerhatian dengan cara menonton klip-klip video yang dipilih.
- c. Merekodkan bentuk-bentuk *al-Mizāh*, yang terdapat dalam klip-klip video yang dipilih beserta dengan petikan pada minit ke berapa.
- d. Menganalisis dan menginterpretasikan data yang ada.

²⁴ Earl Babbie, *The Basics of Social Research* (California: Thomson Wadsworth, 2005), 484.

BAB SATU

KONSEP *AL-MIZĀH* DALAM DAKWAH ISLAM

1.0 Pendahuluan

Dakwah Islam sentiasa mengalami berbagai perubahan dari segi metode untuk menarik perhatian mad‘u. *Al-Mizāh* merupakan salah satu metode yang lahir hasil dari idea dan kreativiti da’ie dalam berdakwah. Semenjak lahirnya rancangan dakwah yang bermanifestasikan realiti ditambah lagi dengan perkembangan era globalisasi dalam dunia internet, sambutan ke atas industri dakwah semakin memberansangkan. Namun perkembangan dalam dakwah tanah air dilihat mulai menyimpang daripada matlamat sebenar untuk ketenangan dan menyeru kepada Allah. Ini disebabkan berlakunya percampuran dan pertembungan antara nilai-nilai murni dan unsur-unsur yang kurang sihat yang sering seiring dengan metode dakwah. Justeru pengkaji akan menjelaskan dalam bab pertama ini berkaitan dengan *al-Mizāh* dalam dakwah Islam yang merangkumi permahaman mengenai *al-Mizāh* menurut perspektif Islam. Tuntasnya, bab ini meliputi *al-Mizāh* dan perbincangannya, *al-Mizāh* dari perspektif Islam, hukum *al-Mizāh*, dan metode *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah di Malaysia.

1.1 *Al-Mizāh* dan Perbincangannya

1.1.1 *Al-Mizāh* dari Sudut Bahasa dan Istilah.

Di dalam kitab “*al-Mizāh fī Islam*” yang ditulis oleh Dr. Hassan Abd al-Ghanī Abū Ghadah²⁵ telah menyenaraikan lafaz-lafaz atau perkataan yang mempunyai maksud yang sama dengan *al-Mizāh* sama ada di dalam al-Qur’ān, al-Hadith dan kitab-kitab ulama’ yang terdahulu. Lafaz-lafaz itu pengkaji senaraikan di sini seperti berikut:al-

²⁵ Pensyarah Fiqh Muqaran dan Siasah Syariah, Jabatan Pengajian Islam, Kuliah Pendidikan Universiti al-Malik Saūd al-Riyād.

Ihmād (الإِحْمَاد), al-Inbisāt (الإِنْبَسَاط), al-Du‘ābah (الدُّعَابَة), al-Ḍahik (الضَّحَك), al-Turfah (الطَّرْفَة),

al-Fukāhah (الفَكَاهَة), al-Murrah (الْمَلْح), al-Malā’abah (الْمَلَاعِبَة), al-Nuktah (النَّكْتَة), al-Hazl (الْهَذْل).

Menurut Ibn Manzūr *al-Mizāh* ialah (الدُّعَابَة) yang bermaksud jenaka²⁶. Kalimah

al-Mizāh diambil dari perkataan (مزح - مزح).²⁷ *al-Mizāh* dari sudut bahasa ialah

sesuatu yang menarik dan lawan bagi perkataan serius sama ada dari segi perkataan atau perbuatan. Dalam *al-M‘ujam al-Wasīt*²⁸ dan *Kamus Besar Dewan Arab Melayu*²⁹ memberi maksud (الدُّعَابَة) dan (هَذْل) iaitu berjenaka, bergurau senda.

Dari segi istilah Ibn Hājar al-‘Asqalānī telah mendefinisikan *al-Mizāh* sebagai pelembut kata-kata dengan syarat tidak membawa kepada sebarang hal yang menyakiti hati orang seperti mengejek.³⁰

Manakala mengikut pendapat al-Zabiđī,³¹ *al-Mizāh* adalah senda gurau dengan cara yang lembut dan belas kasihan tanpa mencederakan emosi sehingga mengeluarkan kejian dan hinaan. ‘Abdul Ṣamad Falembānī dalam kitab *Hidāyatūs Sālikīn* menyebut gurauan sebagai “*al-Mizāh*”.³² Al-Jailani dalam *Sharh al-Ādab al-Mufrad*,

²⁶ Abū Fađīl Jamaluddin Ibn Manzūr al-Anṣārī al-Rufī‘i al-Ifriqi, *Lisān al-‘Arab*, (Beirut: Dār Sadir, 1414H) 2:593 entri “fasal mim”.

²⁷ Muhammad Rawas Qal’aji dan Hamid Ṣādiq Qanibi, *Mu‘jam Lughah al-Fuqahā*’ (t.t.p: Dār al-Nafai’s, 1988) 423, entri “huruf mim” Muhammad bin Mukram bin ‘Ali, Ahmad Mokhtar Abd al-Hamid Umar, *M‘ujam al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Muassasah*, (t.t.p, ‘Alimu al-Kutub, 2008) 3:2092, entri حـ مـ

²⁸ Ibrāhīm Muştafa et al., Majm‘a al-Lughah al-‘Arabiyyah bi Qaherah, *al-M‘ujam al-Wasit*, (t.t.p: Dār al-Dakwah, t.t)

²⁹ Usman bin Khalid et al., *Kamus Dewan Besar Arab Melayu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006) 2200. Entri حـ مـ

³⁰ Ahmad bin ‘Ali bin Hajar Abū Fađal al-‘Asqalānī al-Syafi’i, *Fath Bari Sharh Sahīh al-Bukhārī*, (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1379) 10:526.

³¹ Muhammad bin Muhammad bin ‘Abd al-Razāk al-Husainī Abū al-Fayađ, al-Zābīdī, *Tajū al-‘Arus Min Jawhar al-Qamus*, (t.t.p: Dār al-Hidayah, t.t) 7:117.

³² 'Abd Al-Ṣamad Al-Falimbani, *Hidāyah al-Sālikīn*, (Pulau Pinang: Sulaiman Faris, t.t) 182

mendefinisikan *al-Mizāḥ* sebagai berbicara secara ramah dan menciptakan kegembiraan terhadap orang lain³³

Al-Mizāḥ di dalam bahasa Melayu bermaksud jenaka atau humor. Manakala “jenaka” menurut Kamus Dewan pula ialah perbuatan atau kata-kata yang mengelikan hati, lawak.³⁴ Makna lain perkataan tersebut ialah sesuatu perkataan yang mendatangkan kelucuan.³⁵ Humor dan jenaka dikatakan mempunyai takrif yang sama. Perkataan humor berasal daripada perkataan Inggeris lama yang merupakan pinjaman daripada bahasa Perancis, *humour*³⁶ Humor adalah sesuatu yang lucu yang dapat mengelikan hati atau dapat menimbulkan kejenakaan atau kelucuan.³⁷ Humor juga ditakrifkan sebagai tutur kata yang mencuit hati orang yang mendengar yang membuat dia ketawa atau ingin ketawa walaupun dalam keadaan marah.³⁸ Ismail Hamid menjelaskan jenaka merupakan salah satu unsur yang sering ada di dalam mana-mana sastera sesuatu bangsa. Unsur ini seringkali digunakan untuk menghiburkan hati dan melupakan segala kesusahan yang dialami oleh pendengarnya. Selain itu ia juga digunakan untuk mewujudkan suasana kemesraan.³⁹

Menurut Asmah Hj. Omar, humor dimaksudkan “tutur kata yang mencuit hati orang yang mendengar, yang membawa dia ketawa atau ingin ketawa walaupun dalam keadaan marah.”⁴⁰

³³ Ahmad Muṣṭafā Qasīm al-Tahtawi, *Senyum dan Tangis Rasulullah*, terj Kathur Suhardi, (Jakarta: Pustaka al-Kauthar, 1998). 116

³⁴ Hajah Noresah Bt Baharom et al, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007) 2: 623 entri “jenaka”

³⁵ Randolph Quick, *Longman Dictionary of Contemporary English*, (England: Longman Group Ltd, 1995) 767

³⁶ Harmondsworth, Middlesex, *New Penguin English Dictionary*, (England: Penguin Books Ltd, 2000)

³⁷ Bakhrum, *Jenis dan Fungsi Humor dalam Masyarakat Aceh*, (Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 1997) 1.

³⁸ Asmah Haji Omar, *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000) 84.

³⁹ Mohd Taufik Arridzo bin Mohd Balwi, “Kejenakaan di dalam Sastera Melayu Islam” Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Jenaka Melayu Nusantara pada 21-23 Ogos 2003, anjuran Dewan Pustaka dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur di Dewan Semarak APM.

⁴⁰ Asmah Haji Omar, Ibid, 84

Daripada beberapa definisi di atas, pengkaji menyimpulkan bahawa *al-Mizāh* adalah sesuatu yang menimbulkan gelak ketawa pada individu.

1.1.2 Jenis-Jenis *al-Mizāh*

Setelah memahami pengertian *al-Mizāh* dari segi bahasa dan istilah, maka pengkaji mendatangkan pula jenis-jenis *al-Mizāh* untuk difahami dengan lebih jelas konsep al-Mizah dalam dakwah Islam.

Muhammad ‘Abd Allāh al-Walīd al-Karīm pengarang kitab *al-Mizāh fī al-Sunnah* membahagikan *al-Mizāh* kepada tiga jenis seperti berikut:

Pertama: *al-Mizāh* yang dibolehkan pada syarak Islam adalah *al-Mizāh* yang bersifat sederhana, tidak melampau dan jauh dari segala sifat dan perbuatan mazmumah yang boleh membawa kepada pergaduhan dan dendam sesama manusia.⁴¹ *al-Mizāh* seperti ini lah yang dianjurkan oleh Islam dan dilakukan serta ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

Ibn Ḥibbān telah berkata:

“*Al-Mizāh* ada dua jenis iaitu *al-Mizāh* yang Mahmudah (terpuji) dan *al-Mizāh* yang Mazmumah (tercela). Jenaka yang terpuji adalah gurauan yang tidak bercampur dengan sesuatu yang Allah murkai, tidak mengandungi dosa dan tidak sampai ke tahap memutuskan silaturrahim. Manakala *al-Mizāh* yang tercela adalah gurauan yang menyebabkan permusuhan, menghilangkan wibawa, dusta dan merendahkan martabat atau maruah.”⁴²

Kedua: *al-Mizāh* yang tercela dan dilarang adalah jenaka yang di luar batasan, tidak bermoral, jenaka yang bersifat bodoh, hina, tidak tahu malu. Begitu juga mengumpat, menghina, menjatuhkan maruah, mempunyai agenda jahat yang tersembunyi dan segala jenaka yang dapat menimbulkan permusuhan, kebencian serta membuka pintu kejahatan seterusnya menutup pintu kejahatan.⁴³

⁴¹ Muhammad ‘Abd Allāh al-Walīd al-Karīm, *al-Mizāh fī al-Sunnah*, (Makkah: Dār al-Watan, t.t) 8.

⁴² Abī Hātim Muhammad bin al-Bustanī, *Raudhātul ‘Uqolā’ Wā Nazihatul al-Fudholā’*, e.d Muhammad Hamīd al-Fiqī, (Madinah: Maktabah al-Sunnah al-Muhammadiyyah, t.t) 77

⁴³ Zain al-Dīn Mar‘ī bin Yusuf bin Abī Bakar Ahmad bin Abī Bakar bin Yusuf bin Ahmad al-Karmī al-Muqdasī, *Ghaza’ū al-Arwāh Bil Muhadāsah wa al-Muzāh*, (Beirut: Dar Ibn Hazim, 1997) 44.

Rasulullah SAW bersabda:

"الْمِزَاجُ اسْتِدْرَاجٌ مِنَ الشَّيْطَانِ وَاحْتِدَاعٌ مِنَ الْهَوَى"⁴⁴

Terjemahan: *al-Mizāh* adalah tipu daya daripada syaitan dan helah daripada hawa nafsu.

Ketiga: *al-Mizāh* yang makruh ialah apabila dilakukan secara melampau sehingga melalaikan seorang Muslim daripada perintah asas ia diciptakan iaitu untuk beribadat kepada penciptaNya.⁴⁵

Sesungguhnya Allah Taala berfirman:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

al-Dhāriyāt 51:56

Terjemahan: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Dapatlah difahami bahawa al-Mizah terdapat tiga jenis di dalam Islam iaitu al-Mizah yang dibolehkan, al-Mizah yang dilarang dan al-Mizah yang makruh.

1.1.3 Tujuan dan Fungsi *al-Mizāh*

Dalam memahami konsep sesuatu perkara itu semestinya perlu melihat kepada tujuan dan fungsinya. Oleh itu, tujuan dan fungsi *al-Mizāh* adalah seperti berikut:

1. Hiburan

Al-Mizāh sebagai hiburan untuk menghibur diri setelah serius berfikir atau bersungguh-sungguh dalam melakukan pekerjaan. Hiburan adalah ubat kepada penyakit letih. Oleh yang demikian, sebagai insan biasa pastilah hiburan itu diharuskan dengan syarat ia tidak

⁴⁴Hadith ini adalah hadith maqtu' yang diriwayatkan oleh Ḥassan bin Huyai. Lihat Hadith ini juga terdapat dalam Kitab *al-Murrah fī al-Muzāh* karya Muḥammad al-Ghazī, *al-Sumat wa Adab al-Lisan* oleh Ibn Abi Dunya.

⁴⁵ Muhammad Abd Āllah Walīd Karīm, Ibid, 10

berlebihan. ‘Alī bin Abī Tālib mengatakan: “*Dibolehkan ketawa (menghiburkan diri) yang mengeluarkan seseorang dari bermasam muka (serius)*.⁴⁶

2. Pengajaran dan Pembelajaran

Di dalam *al-Mizāh* juga terkandung unsur tarbiyah secara tersembunyi iaitu menjadikan diri manusia cenderung untuk bersungguh-sungguh di waktu serius dan berjenaka di waktu santai tidak terfokus pada satu tabiat sahaja.

3. Menghilangkan keimbangan

Al-Mizāh dapat mengurangkan sedikit bebanan, kepenatan, keresahan dan masalah yang dihadapi oleh seseorang insan.⁴⁷ Sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW terhadap ‘Umaīr yang sedih kehilangan burung kesayangannya.

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Mālik:

أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ يَقُولُ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : يُخَالِطُنَا حَتَّى يَقُولَ لَأَخِيلِي
صَغِيرٌ : يَا أَبَا عُمَيْرٍ مَا فَعَلَ النُّعَيْرُ ؟ قَالَ : وَكَيْفَ : يَعْنِي طَيْرًا كَانَ يَلْعَبُ بِهِ⁴⁸

Terjemahan: Anas bin Mālik berkata; "Rasulullah SAW duduk bersamaku sampai baginda bersabda kepadaku: "Wahai Abu 'Umaīr apa yang sedang dilakukan Nughayr (burung kecil)?"

⁴⁶ Muḥammad bin Muḥammad al-Ghažī al-‘Amīrī al-Damshiqī, Abū al-Barakah, Badr al-Dīn, *al-Murrāḥ fī al-Muzāh*, e.d Basam Abd al-Wahāb al-Jabi, (Beirut : Dār Ibn Hazim, 1977) 11

⁴⁷ *Ibid..*

⁴⁷ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Sistem Masyarakat Islam dalam al-Qur’ān dan Sunnah*, terj. Abdus Salam Masykur, (Solo: Citra Islami Press, 1997) 317.

⁴⁸ Abū ‘Abd Allah Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, *Jamī‘ Al-Musnad Al-Sahīh Al-Mukhtasar Min Umuri Rasulullah SAW Wa Sunanī Wa Ayamīhī “Sahīh al-Bukhārī”* e.d Muhammad Zuhair bin Nasir al-Nasir (Masurah: Dār Tuqa al-Najah, 2001) 8: 30 (Kitab al-Adab, Bab al-Inbisat Ila Nas, no hadith 6129). 8:45 (Kitab Adab, Bab Kunniyah Lisabbi wa Qabla An Yulad lirajul, no. hadith 6203)

Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, "Sahīh Muslim" dalam Musnad Sahīh Mukhtasar bī naqlī anī aqlī ila Rasulullah SAW, e.d Muhammad Fua’d ‘Abd Bāqī (Beirut: Dār Ihyā’ Turath al-‘Arabi,t.t) 2:766(Kitab Adab, Bab Keharusan Tahnik Anak Yang Baru dilahirkan, no. hadith 2150)

Abū Dāwud Sulaimān bin al-Ash‘āb bin Ishāq bin Bashir bin Shadād bin ‘Amrū al-Azādī al-Sijistānī, Sunan Abū Dāwud, e.d Muhammad Muhyiddin ‘Abdul Hamid (Beirut: Maktabah al-Asriyyah t.t) 4: 293 (Kitab Adab, Bab Ma Ja’ā Fi al-Rajul Yatakuni wa laisa Lahu Walad, no hadith 4969). Al-Albani menghukumkan hadith ini sahih.

Muhammad bin ‘Isā bin Saurah bin Musā al-Dahak al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī e.d Ahmad Muhammad Syakir, (Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Baya al-Halbī, 1975) 1:435 (Kitab Solat, Bab Ma Ja’ā Fi Solat ‘Ala Basat, no. hadith 333) 4:357 (Kitab al-Birr, Bab Ma Ja’ā Fi al-Mizah, no.hadith 1989) al-Tirmidhī mengatakan hadith ini hasan sahih manakala al-Albani menghukumkannya sahih.

Abū ‘Abd Allah Muhammad bin Yāzid al-Qazwanīy Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, e.d Muhammad Fu’ād ‘Abdul Baqi (Faisal Ilā al-Baya al-Halbī: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah t.t) 2: 1226 (Kitab Adab, Bab al-Mizāh } no. hadith 3720). 2: 1231 (Kitab Adab, Bab al-Rajūl Yukani Qabla An Yūlad Lahu, no. hadith 3740) al-Albani menghukumkan hadith ini sahih

4. Melembutkan dan membaiki percakapan

Penggunaan *al-Mizāh* dalam percakapan dapat membuat diri dicintai orang lain dan membuat seseorang berakhlak lembut, ceria dan akrab dengan sahabat-sahabat.

Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

فِيمَا رَحْمَةٌ مِّنَ اللَّهِ لِيُنْتَهِ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظُلاً غَلِيلَةَ الْقُلُوبِ لَانْفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ
عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَرَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Ali-Imran 3:159

Terjemahan: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu, maafkanlah mereka (mengenai kesalahan mereka lakukan terhadapmu) dan penuhikanlah ampun bagi mereka dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakkal lah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah mengasihani orang-orang yang bertawakkal kepadanya.⁴⁹

Maka dapat dilihat disini, *al-Mizāh* mempunyai berbagai-bagai tujuan dan fungsi yang dapat memanfaatkan manusia dalam pelbagai sudut.

1.2 *Al-Mizāh* dari Perspektif Islam

Seterusnya, pengkaji akan membahaskan tentang *al-Mizāh* dari perspektif Islam yang mana tertumpu kepada lafaz-lafaz yang berkaitan dengan *al-Mizāh* dalam al-Qur'ān, al-Hadith dan pendapat ulama'.

1.2.1 *Al-Mizāh* di dalam al-Qur'ān

Dalam al-Qur'ān perkataan *al-Mizāh* tidak didapati secara langsung, namun begitu ada beberapa perkataan yang menggambarkan maksud *al-Mizāh* seperti kata dasar

⁴⁹ Terjemahan dan pentafsiran ayat al-Qur'an ini berdasarkan Tafsir Pimpinan al-Rahman. Lihat Sheikh Abd Ḥalīm bin Muḥammad Basmeith, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, cet. 11 (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1994) 132.

(مُلْوَى) yang terdapat dalam tujuh ayat iaitu dalam surah *Al-An'am* 6:32 dan 70, *al-A'rāf* 7:51, *al-Ankabut* 29: 64, *Muhammad* 47:36, *al-Hadīd* 57:20, *al-Tariq* 86:14, *al-Jum'ah* 62:11. Manakala kata dasar (ضَحْكٌ) terdapat lapan tempat di dalam surah *al-Tawbah* 9:82, *Hud* 11:71, *al-Mu'minūn* 23:110, *an-Naml* 27:19, *az-Zukhruf* 43:47, *an-Najm* 53:43 dan 60, *'Abasa* 80:39.

Contoh kata dasar (مُلْوَى), Allah Taala berfirman:

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعْبٌ وَلَهُوَ أَنْجَدٌ وَلَلَّذَارُ أَلَّا خِرَةٌ حَيْرٌ لِلَّذِينَ يَتَقَوَّنُونَ أَفَلَا
تَعْقِلُونَ ﴿٣﴾

Al- An'am 7:32

Terjemahan: Dan tiadalah kehidupan dunia ini, selain dari main-main dan senda gurau belaka, dan sungguh kampung akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Maka tidakkah kalian memahaminya?

Ibn Kathir mengatakan ayat ini mempunyai perkaitan dengan ayat sebelumnya yang mana datang apabila datang kepada mereka hari kiamat secara tiba-tiba mereka menyesali dengan sikap mereka yang suka bermain-main dan bersuka ria sehingga terleka dan tidak mengumpul sedikit pun.⁵⁰ Sesungguhnya kehidupan dunia dengan segala isinya adalah sedikit dan tidak berguna, ia tidak kekal. Tujuannya hanyalah untuk bersenda gurau dan bermain-main dan kehidupan akhirat itulah yang sebenar-benar kehidupan yang kekal abadi yang tidak berkurangan.⁵¹

Contoh kata dasar (ضَحْكٌ) Allah berfirman:

⁵⁰ Abū al-Fidā' Ismā'il bin 'Umar bin Kathir al-Qurasy al-Basri al-Damshiqi (Selepas ini Ibn Kathir), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, e.d Sami bin Muhammad Salāmah, (Beirut: Dar Tayyibah, 1999)3:249

⁵¹ *Ibid.*, 6:294

وَأَنَّهُ هُوَ أَضْحَكَ وَأَبْكَى ﴿٤٣﴾

An-Najm 53:43

Terjemahan: Dan bahawa sesungguhnya, Dialah yang menyebabkan (seseorang itu bergembira) ketawa dan menyebabkan (seseorang itu berdukacita) menangis.

Menurut Ibnu ‘Abbas, berdasarkan ayat ini, hukum *al-Mizāh* adalah mubah (harus). Ibn Hajar al-‘Asqalānī menjelaskan al-Bukhari telah menerangkan ayat ini dalam bab senyum dan ketawa iaitu Allah menciptakan manusia dengan sifat ketawa dan sifat menangis dengan kata-kata Ibnu Abbas: “Sesungguhnya Allah Dialah yang menyebabkan ketawa dan menyebabkan menangis” Kemudian al-Bukhārī menyebut hadith-hadith padanya: Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW senyum dan ketawa.⁵²

Oleh itu, dapatlah dilihat bahawa di dalam al-Qur‘ān telah menyebut berkaitan *al-Mizāh* dengan kata dasar (ضحك) dan (لهم).

1.2.2 *Al-Mizāh* mengikut Sunnah

Rasulullah SAW juga berjenaka dan bergurau senda di dalam kehidupan baginda bahkan baginda pernah menyebutkan bahawa membuat seseorang gembira adalah satu kebijakan. Sabda Rasulullah SAW:

تبسمك في وجه أخيك لك صدقة ...⁵³

Terjemahan: Senyummu untuk saudaramu adalah sedekah.

Namun begitu jenaka dan gurauan Rasulullah SAW adalah gurauan yang tidak berlebihan, tidak berbohong dan tidak menyakiti hati seseorang. Contoh gurauan dan

⁵² Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Fath al-Bāri Sharh Sahīh al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1379) 10:505

⁵³ Muhammad bin ‘Isā bin Saurah bin Musā al-Dahak al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi* e.d Ahmad Muhammad Syakir, (Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Baya al-Halbi, 1975) 1:76 (kitab al-birr wā al-silah, bab mā ja’ā fī ṣana’ī al-ma’ruf, no.hadith 1956) Al-Tirmidhi mengatakan hadith ini ḥasan gharib

jenaka Rasulullah SAW terhadap sahabat baginda yang meminta seekor unta untuk ditunggangi, lalu Rasulullah SAW menjawab:

«إِنَّ حَامِلُوكَ عَلَىٰ وَلَدِ نَاقَةٍ» قَالَ: وَمَا أَصْنَعُ بِوَلَدِ النَّاقَةِ؟ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «وَهَلْ تَلِدُ الْإِبْلَ إِلَّا النُّوقُ»⁵⁴

Terjemahan: "Kami akan memberimu anak unta." Lelaki itu bertanya, "Apa yang boleh aku lakukan dengan anak unta?" Rasulullah menjawab: "Bukankah unta dewasa juga dilahirkan sebagai anak unta?"

Di dalam hadith diatas, dapat dilihat Rasulullah SAW bergurau dan melakukan jenaka dengan sesuatu yang benar seperti unta dewasa juga dilahirkan sebagai anak unta jadi anak unta yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW bukanlah anak unta yang masih kecil tapi unta yang telah dewasa.

Pengkaji mendapati terdapat bab khusus dalam al-Kutūb al-Sittah yang merekodkan hadith-hadith *al-Mizāh*. Dalam Sahīh al-Bukhārī dalam bab Tabasum wā al-Dahik, Sahīh Muslim tidak terdapat bab yang khusus, Sunan Abū Dawūd dalam bab *al-Mizāh*, Sunan Tirmidhi juga dalam bab *al-Mizāh*, Begitu juga dengan Sunan al-Nasā'ī dan Sunan Ibn Mājah juga terdapat bab yang khusus iaitu bab *al-Mizāh*. Perbahasan tentang bab ini akan dihuraikan dalam bab kedua.

1.2.3 *Al-Mizāh* mengikut Pandangan Ulama' dan Ilmuwan Islam

Pengkaji mendapati terdapat perselisihan pandangan mengenai *al-Mizāh*. dikalangan para ulama' dan ilmuwan Islam. Oleh itu, pengkaji membahagikan kepada

⁵⁴ Abū Dāwud Sulaimān bin al-Ash‘āb bin Ishāq bin Bashīr bin Shadād bin ‘Amrū al-Azādī al-Sijistānī, *Sunan Abū Dāwud*, e.d Muhammad Muhyiddin ‘Abdul Hamid (Beirut: Maktabah al-Asriyah t.t) 4:283(Kitab Adab, Bab Fī La‘ab bi al-Banāt, no hadith 4932). Al-Albānī menghukumkan hadith ini sahīh. Muhammad bin ‘Isā bin Saurah bin Musā al-Dahak al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* e.d Ahmad Muhammad Syakīr, (Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Baya al-Halbī, 1975) 4:357(Kitab Adab, Bab Mā Jā’ a Fī al-Mizāh, no. hadith 1991) Al-Tirmidhī mengatakan hadith ini sahīh gharib manakala al-Albānī menghukumkannya sahīh. Perawi yang tertinggi adalah Anas bin Malik.

dua pandangan, satu pandangan yang membenarkan *al-Mizāh*. dan satu pandangan yang menolak *al-Mizāh*.

1.2.3.1 Pandangan yang membenarkan *al-Mizāh*.

Sheikh Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam kitabnya Halal dan Haram⁵⁵ mengatakan:

“lawak jenaka ini perlu perhatikan kehidupan Rasulullah SAW kerana baginda adalah contoh yang ideal. Kita dapat dalam sejarah, ketika baginda bersendirian, baginda seorang yang tekun dan khusyuk, ketika membela kebenaran, baginda juga tegas dan tidak mempedulikan sesiapapun. Akan tetapi ketika di tengah-tengah manusia, baginda adalah manusia biasa yang juga menyukai apa yang indah dan spontan; beliau tersenyum, ketawa, bermain, dan kekadang berjenaka untuk menghiburkan diri. Tapi apa yang baginda katakan ketika berlawak adalah benar belaka.”

Abu Ḥātim al-Bustānī mengatakan dalam kitabnya *Raudhath al-‘uqalā’ wa Manazīḥ*:

“Apabila lawak dan senda gurau bukan pada perkara maksiat maka hal itu dapat menghibur orang yang bersedih, mendatangkan kesenangan, menghidupkan jiwa dan menghilangkan kebimbangan. Maka wajib bagi orang yang berakal untuk menggunakan *al-Mizāh* dan senda gurau dalam perkara yang sesuai yang mendatangkan kesenangan, janganlah dia berniat menyakiti seseorang atau menyenangkan orang lain dengan cara menyakiti seseorang.”⁵⁶

1.2.3.2 Pandangan yang mengharuskan *al-Mizāh* secara bersyarat

Imam al-Ghazālī mengatakan:

“Ia adalah hiburan yang melalaikan, setiap perkara di dunia ini adalah hiburan dan permainan. Segala jenis hubungan dengan isteri adalah kelalaian kecuali melakukan hubungan yang menyebabkan lahirnya zuriat. Begitu juga dengan lawak jenaka yang tiada unsur lucah. Maka ia halal. Ini dinukilkhan daripada Rasulullah saw dan juga sahabat.”⁵⁷

Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad:

“Jangan berlebihan sekadar untuk menarik minat cukuplah, macam gula kalau sikit tidak apa, tetapi bila makan berlebih, ia memudaratkan. Pendakwah jangan sampai boleh dianggap penglipur lara, kita faham ada pendakwah buat begitu sebab mahu mencuit hati

⁵⁵ Al-Qardhawi, *Halal wa al-Haram*, 272

⁵⁶ Abī Ḥātim, *Ibid.*, 79

⁵⁷ Abū Ḥamīd al-Ghazālī, *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn*, (Beirut: Dāar al-Fikr, 2002), 3-5

perasaan pendengar dan ia baik agar mereka tidak bosan tetapi jaga had”⁵⁸

Mufti Perak, Tan Sri Dr Harussani Zakaria:

“Kita lihat hari ini seolah-olah sudah menjadi satu keperluan kepada pendakwah apabila berdakwah atau berceramah, nyanyian dan alunan lagu-lagu semestinya dikumandangkan. Malah adakala sampai satu tahap ia menjadi keutamaan ketika berceramah, sehingga terdapat penceramah digelar dengan gelaran tertentu seperti Bollywood dan seumpamanya. Ada juga di antara mereka yang menyelitkan unsur humor atau lawak berlebihan sehingga penceramah itu dikenali dengan lawaknya berbanding ilmu disampaikan hingga pendengar menunggu lawak penceramah itu daripada menekuni ilmu disampaikan,”⁵⁹

1.3 Hukum *al-Mizāh*

Di sini, pengkaji membahaskan beberapa sub topik di dalam hukum *al-Mizāh* iaitu *al-Mizāh* yang diharuskan, *al-Mizāh* yang diharamkan dan hukum ketawa di masjid.

1.3.1 *Al-Mizāh* yang diharuskan

Al-Mizāh pada asalnya adalah sesuatu yang membawa kepada kesukaan dan kegembiraan⁶⁰ dan tidak ada pengharaman kepada ketawa dan jenaka selagi tidak melampaui batas dan tidak disertai dengan perkara yang haram.

Hukumnya *mubāh* (harus) menurut *al-Nawāwi* (m. 676H)⁶¹. Dalilnya adalah merujuk kepada hadith dari Abu Hurairah ra ketika para sahabat bertanya kepada Rasulullah SAW tentang sikap jenaka Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّكَ تُدَاعِبُنَا، قَالَ: «إِنِّي لَا أَقُولُ إِلَّا حَقًّا»⁶²

⁵⁸ Sinar Harian, 14 Mac 2015, “Mufti: Jenaka, nyanyian jangan berlebihan” <http://www.sinarharian.com.my/nasional/mufti-jenaka-nyanyian-jangan-berlebihan-1.368590>

⁵⁹ Razif rosli, Sinar Harian, 13 Mac 2015, “Mufti Perak tegur ustaz selebriti” <http://www.sinarharian.com.my/nasional/mufti-perak-tegur-ustaz-selebriti-1.368178>

⁶⁰ Muhammad Abd Allah Walid Karim, *al-Mizah fi al-Sunnah*, (Makkah: Dar al-Watan, t.t) 9.

⁶¹ Abū Zakariyā Muhyī al-Dīn Yahya bin Syarf al-Nawawi, *al-Azkar*, e.d ‘Abd al-Qadir al-‘Arnawawit, (Beirut: Dār al-Fikr, 1994) 279

⁶² Muhammad bin ‘Isā bin Saurah bin Musā al-Ḍahak al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* e.d Ahmad Muhammad Syakīr, (Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Baya al-Halbī, 1975) 4:357 (Kitab Adab, Bab Ma Ja’ā fi *al-Mizāh*, no. hadith 1990) al-Tirmidhi mengatakan hadith ini hasan manakala al-Albānī menghukumkannya sahih.

Terjemahan: Daripada Abī Hurairah r.a katanya: mereka berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya engkau berjenaka dengan kami, baginda menjawab: "sesungguhnya aku tidak mengatakan kecuali benda yang benar"

1.3.2 *Al-Mizāh* yang diharamkan

Antara gurauan dan jenaka yang diharamkan ialah mempersenda, menghina, mencemuh serta memberikan gelaran yang buruk, menakutkan-nakutkan rakan, berbohong agar orang ketawa.

Rasulullah SAW telah mencela perbuatan berbohong demi membuatkan manusia ketawa, sebagaimana dalam hadith ini:

«وَيُنْهَا لِلَّذِي يُحَدِّثُ فِي كُذْبٍ لِيُضْحِكَ بِهِ الْقَوْمَ، وَيُنْهَا لَهُ وَيُنْهَا لَهُ»⁶³

Terjemahan: "Celakalah bagi orang yang berbicara lalu berdusta untuk membuat orang lain ketawa. Celakalah ia, celakalah ia."

Selain itu, menakutkan-nakutkan rakan hanya untuk berjenaka juga dilarang oleh Rasulullah SAW sebagaimana hadith dibawah:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي لَيْلَى، قَالَ: حَدَّثَنَا أَصْحَابُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّهُمْ كَانُوا يَسِيرُونَ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَنَأَمَ رَجُلٌ مِنْهُمْ، فَأَنْطَلَقَ بَعْضُهُمْ إِلَيْهِ حَبْلٌ مَعَهُ فَأَخْدَهُ، فَفَزَعَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا يَجِدُ لِمُسْلِمٍ أَنْ يُرُوِّغَ مُسْلِمًا»⁶⁴

Terjemahan: Dari 'Abd Rahman bin Abi Laila ia berkata, "Para sahabat Muhammad SAW menceritakan kepadaku bahwa saat mereka sedang berjalan bersama Rasulullah SAW , salah seorang dari mereka

⁶³ Abū Dāwud Sulaimān bin al-Ash'āb bin Ishāq bin Bashīr bin Shadād bin 'Amrū al-Azādī al-Sijistānī, *Sunan Abū Dāwud*, e.d Muhammad Muhyiddin 'Abdul Hamid (Beirut: Maktabah al-Asriyāh t.t) 4:297 (Kitab Adab, Bab Tasyid fī Kazib, no hadith 4990). Al-Albānī menghukumkan hadith ini hasan.

Muhammad bin 'Isā bin Saurah bin Musā al-Dahak al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* e.d Ahmad Muhammad Syakir, (Mesir: Maktabah Mustafā al-Baya al-Halbī, 1975) 4:557 (Kitab Zuhud, Bab Sesiape yang Bercakap Untuk Membuat Manusia Ketawa, no. hadith 2315) al-tirmidhi mengatakan hadith ini hasan manakala al-Albani juga menghukumkannya hasan. Perawi yang tertinggi adalah Bahzi bin Hakim. Lafaz hadith yang dinukilkan adalah menurut Abū Dāwud.

⁶⁴ Abū Dāwud Sulaimān bin al-Ash'āb bin Ishāq bin Bashīr bin Shadād bin 'Amrū al-Azādī al-Sijistānī, *Sunan Abū Dāwud*, e.d Muhammad Muhyiddin 'Abdul Hamid (Beirut: Maktabah al-Asriyāh t.t) 4: 301 (Kitab Adab, Bab Ma Ya'kuzu Syai'in A'la al-Mizah, no hadith 5004).al-Albani mengatakan hadith ini sahih. Perawi yang tertinggi adalah 'Abd Rahman bin Abi Laila

tertidur. Lalu ada sebahagian sahabat mengambil dan menarik tali yang ada bersamanya hingga orang yang tertidur itu terkejut. Maka Rasulullah SAW bersabda: "Tidak halal bagi seorang Muslim membuat kejutan sesama saudaranya yang muslim."

Ibn Hajar al-'Asqalānī (852H) berkata dalam kitabnya *Fath al-Bārī*⁶⁵:

"Lawak jenaka yang haram ialah apabila ia dilakukan secara berlebihan dan konsisten kerana ia dapat melalaikan dari zikrullah dan urusan-urusan agama; menjadikan hati keras, memberi pelbagai penyakit hati dan menghilangkan kewibawaan seseorang."

1.3.3 Hukum ketawa di masjid

Setelah melihat hukum mengenai *al-Mizāh* maka pengkaji ingin menjelaskan hukum ketawa di dalam masjid kerana mempunyai kaitan dengan aplikasi *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah di Malaysia. Hukum ketawa secara umumnya adalah harus, namun sekiranya ketawa di dalam masjid yang menjadi tempat beribadah umat Islam maka para ulama' telah berselisihan faham. Oleh itu, pengkaji telah mendatangkan hukum *al-Mizāh* menurut pandangan-pandangan dari mazhab muktabar seperti berikut:

Pertama: Mazhab Syafi'e mengharuskan bercakap hal dunia di masjid selagi tidak mengganggu orang ibadat.

Imam Nawawi (676H) berkata: "Harus bercakap dengan perkara yang harus dan urusan dunia di masjid sekalipun ada diselangi ketawa dan sebagainya selagimana dalam ruang lingkup yg harus."⁶⁶

Dalil mereka:

عَنْ سَعَاكِ بْنِ حَرْبٍ، قَالَ: فُلْتُ جَهَابِرَ بْنَ سَمْرَةَ: أَكُنْتَ تُخَالِسُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ قَالَ: نَعَمْ كَثِيرًا، «كَانَ لَا يَقُومُ مِنْ مُصَلَّةِ الَّذِي يُصَلِّي فِيهِ الصُّبْحَ، أَوِ الْعَدَاءَ،

⁶⁵ Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bārī Sharh Sahīh al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1379) 432.

⁶⁶ Abū Zakariyā Muhyi al-Dīn Yahyā bin Syārf al-Nawawī, *al-Majm'ū Syarh al-Muhzib*, (Beirut: Dār al-Fikr, 2010) 2:180.

حَتَّىٰ تَطْلُعَ الشَّمْسُ، فَإِذَا طَلَعَتِ الشَّمْسُ قَامَ، وَكَانُوا يَتَحَدَّثُونَ فَيَأْخُذُونَ فِي أَمْرٍ
 الْجَاهِلِيَّةِ، فَيَضْحَكُونَ وَيَبَسِّمُ»⁶⁷

Terjemahan: Dari Simak bin Harb katanya; aku berkata kepada Jabir bin Samurah; "Mungkin anda pernah duduk-duduk bersama Rasulullah SAW? Dia menjawab; "Ya, dan itu kesempatan yang banyak, Baginda SAW tidak pernah berganjak dari tempat solatnya ketika subuh atau pagi hari hingga matahari terbit, jika matahari terbit, maka beliau beranjak pergi. Para sahabat seringkali bercerita semasa jahiliyahnya, lantas mereka pun ketawa, namun baginda hanya tersenyum."

Kedua: Mazhab Hanafi mengatakan *tahrim* (haram) bercakap di masjid.

Dalil mereka:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَا أَبَا هُرَيْرَةَ كُنْ وَرِعًا، تَكُنْ أَعْبَدَ النَّاسِ، وَكُنْ قَنِيعًا، تَكُنْ أَشْكَرَ النَّاسِ، وَأَجِبَّ لِلنَّاسِ مَا تُحِبُّ لِنَفْسِكَ، تَكُنْ مُؤْمِنًا، وَأَحْسِنْ جِوَازَ مَنْ جَاوزَكَ، تَكُنْ مُسْلِمًا، وَأَقِلِّ الضَّحْكَ، فَإِنَّ كَثْرَةَ الضَّحْكِ تُثِيتُ الْقُلْبَ"⁶⁸

Terjemahan: Dari Abu Hurairah dia berkata; Rasulullah SAW bersabda: "Wahai Abu Hurairah, Jadilah kamu seorang yang warak, nescaya kamu menjadi manusia yang paling beribadah. Jadilah kamu menjadi seorang yang merasa cukup, nescaya kamu menjadi manusia yang paling bersyukur. Cintailah manusia seperti kamu mencintai dirimu sendiri, nescaya kamu akan menjadi seorang mukmin. Perbaiklah hubungan kejiranannya dengan jiranmu, nescaya kamu akan menjadi seorang yang berserah diri. Dan sedikitkanlah ketawa, kerana banyak ketawa akan mematikan hati."

⁶⁷ Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim, "Sāḥīḥ Muslim" dalam Musnad Ṣāḥīḥ Mukhtasar bī naqlī anī aqlī ila Rasulullah SAW, e.d Muhammad Fua'd 'Abd Bāqī (Beirut: Dār Ihyā' Turath al-'Arabi, t.t) 1:463 (Kitab Masajid wa Maudi'u Solat, Bab Fadhl al-julus fi Musalat Ba'da Subuh, no. hadith 70) dan 4: 1810 (Kitab Fadhail, Bab Tabasum SAW wa Husnu Isyratih, no hadith 2322).perawi yang tertinggi ialah Jabir bin Samrah. Abū Dāwud Sulaimān bin al-Ash'āb bin Ishāq bin Bashīr bin Shadād bin 'Amrū al-Azādī al-Sijistānī, Sunan Abū Dāwud, e.d Muhammad Muhyiddin 'Abdul Hamid (Beirut: Maktabah al-Asriyāh t.t) 2:29 (Kitab Solat, Bab Solat Dhuhā, no hadith 1294). Al-Albani menghukumkan hadith ini sahih. Muhammad bin 'Isā bin Saurah bin Musā al-Dahak al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī e.d Ahmad Muhammad Syakir, (Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Baya al-Halbī, 1975)5:140(Kitab Adab , Bab Ma Ja'a Fi Irsyad al-Sy'i'ri, no. hadith 2850) al-Tirmidhi mengatakan hadith ini hasan sahih manakala al-Albani menghukumkannya sahih

⁶⁸ Abū 'Abd Allah Muhammad bin Yāzid al-Qazwaniy Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, e.d Muhammad Fu'ād 'Abdul Baqi (Faisal Ilā al-Bayā al-Halbī: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah t.t) 2:1403 (Kitab Zuhud, Bab Sedih dan Menangis no. hadith 4193). 2:1410 (Kitab Zuhud, Bab Warak dan Takwa, no.hadith 4217) al-Albānī menghukumkan hadith ini sahih.

Ketiga: Mazhab Hanbali dan Maliki mengatakan makruh. Ibnu Qudamah berkata: “Makruh bercakap pasal dunia.” Dalil mereka:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «يَأُتِي
عَلَى النَّاسِ رَمَانٌ يَتَحَلَّقُونَ فِي مَسَاجِدِهِمْ وَلَيْسَ هُمْ بِهِمْ إِلَّا الدُّنْيَا لَيْسَ لِلَّهِ فِيهِمْ حَاجَةٌ
فَلَا تُخَالِسُوهُمْ»⁶⁹

Terjemahan: Daripada Anas bin Malik ra berkata: Rasulullah SAW bersabda “Akan tiba satu masa di mana manusia akan berkumpul di masjid dan keinginan mereka hanya dunia semata-mata. Allah tidak memerlukan kepada apa yg mereka buat dan janganlah kamu duduk bersama mereka.”

Setelah meneliti pandangan-pandangan dari mazhab-mazhab di atas, pengkaji lebih cenderung dengan pandangan pertama dari mazhab Syafi’ e yang mengatakan harus selagi tidak menganggu orang beribadat.

1.4 Metode *al-Mizāh* dalam Penyampaian Dakwah

Seterusnya pengkaji menerangkan metode *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah Islam di Malaysia dengan membahagikan kepada dua topik iaitu metode dakwah dan metode *al-Mizāh* dalam dakwah secara lisan.

1.4.1 Metode Dakwah Islam

Sebelum pengkaji menjelaskan mengenai metode dakwah maka perlulah difahami dahulu pengertian dakwah Islam. Muhammad al-Ghazali mentakrifkan dakwah sebagai satu perancangan yang lengkap dan mencakupi semua peringkatnya, mengandungi ilmu pengetahuan yang diperlukan manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup dan bagi menyingkap petunjuk jalan yang membawa kepada petunjuk dan hidayah bagi

⁶⁹ Abū ‘Abd Allah al-Hakim Muhammad bin ‘Abd Allah bin Muhammad bin Humaidiyah bin Nu‘aim bin al-Hakim al-Dhabi al-Tahami, al-Nasaiburi, *Mustadrak ‘Ala al-Sahihayn*, e.d Mustafa ‘Abd al-Qadir ‘Ata, (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1990) 4:359 (Kitab al-Riqaq, no. hadith 7916). Darjat hadith ini Sahih.

mereka.⁷⁰ Manakala menurut al-Qaradawi pula dakwah adalah satu usaha menarik orang lain kepada agama Islam supaya mengikuti petunjuk Allah swt dan melaksanakan segala ketentuan Allah di muka bumi ini⁷¹.

Asas utama dakwah adalah berdasarkan kepada firman Allah Taala dalam surah al-Nahl ayat ke 125 iaitu:

اَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ اَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ اَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ

Al-Nahl 16:125

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik, dan berbicaralah dengan cara yang paling sesuai

Ayat ini mengemukakan cara dakwah yang harus dilakukan oleh setiap pendakwah iaitu dengan cara hikmah, cara nasihat yang baik dan dengan cara perbincangan, dialog dan perbahasan yang terbaik. Ketiga-tiga cara tersebut merupakan asas utama kepada metodologi dakwah.

Metode seseorang pendakwah merupakan perkara yang amat penting di dalam dakwah. Ini adalah kerana ia merupakan cara bagaimana pengajaran yang disampaikan itu dapat mempengaruhi sasaran untuk menerimanya. Oleh itu, usul dakwah umpama seorang ibu yang mendidik anaknya sama ada secara kekerasan, kelembutan atau ketegasan. Maka cara yang digunakan untuk mendidik itu merupakan satu usul. Pendakwah yang menyampaikan dakwahnya pasti mempunyai usul tertentu bagi memastikan keberkesanannya⁷².

⁷⁰ Muhammad al-Ghāzālī, *Dirasat Fī al-Da‘wah wā al-Du‘āt*, (Kaherah: al-Maktabah al-Islamiyyah, 1981)17

⁷¹ Yūsuf al-Qārādāwī. *Thaqāfah al-Dai‘yah*. (Beirut: Muassasah al-Risalah. 1983)24

⁷² Ab. Aziz Mohd. Zain, *Metodologi Dakwah*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya 2001).

Diantara metode dakwah yang digunakan oleh para da'ie dalam mengembangkan misi dakwahnya adalah sebagai berikut:

1. Metode Ceramah (Retorika Dakwah). Ceramah dakwah adalah suatu metode dakwah yang banyak dipengaruhi oleh karakter dan percakapan seorang da'ie dalam aktiviti dakwah. Ceramah dapat pula bersifat propaganda, berpidato, khutbah, sambutan, mengajar, dan sebagainya.
2. Metode Soal Jawab. Metode soal jawab adalah penyampaian isi dakwah dengan cara mendorong pendengar untuk menyatakan suatu masalah yang tidak difahami dan da'ieenya sebagai penjawabnya.
3. Debat (Mujadalah). Debat yang dimaksudkan di sini adalah debat yang baik, pembahasan yang tidak sampai terjadi pertengkaran. Dan debat pada dasarnya mencari kemenangan, dalam arti menunjukkan kebenaran dan kehebatan Islam.
4. Percakapan antara individu. Percakapan antara individu atau individual conference adalah percakapan bebas antara seorang da'ie dengan individu-individu sebagai sasaran dakwahnya.
5. Metode Demonstrasi. iaitu berdakwah dengan dengan cara memperlihatkan suatu contoh baik berupa benda, peristiwa, perbuatan, dan sebagainya. Dengan kata lain, suatu metode dakwah dimana seorang da'ie memperlihatkan sesuatu terhadap sasaranya (masa), dalam rangka mencapai tujuan dakwah yang dia inginkan.
6. Pendidikan dan Pengajaran Agama. Pendidikan dan pengajaran dapat pula dijadikan sebagai media dakwah⁷³.

Abdul Kadir Munsyi mengemukakan bahawa penggunaan metode ceramah akan berhasil dengan baik jika penceramah menguasai beberapa syarat iaitu: pertama, menguasai bahasa yang akan disampaikan dengan sebaik-baiknya dan boleh menghubungkan

⁷³ Asmuni Syukir, *Dasar-dasar Strategi Dakwah Islam*, (Surabaya: al-Ikhlas, 1983)104.

dengan situasi kehidupan sehari-hari. Kedua, menyesuaikan bahasa dan taraf kejiwaan, lingkungan sosial dan budaya bagi para pendengarnya. Ketiga, suara dan bahasa diatur dengan sebaik-baiknya, meliputi ucapan, tempo, melodi, dan dinamika. Keempat, sikap dan cara berdiri atau duduk atau bicara yang memberi kesan. Kelima, mengadakan variasi dialog dan soal jawab serta memasukkan sedikit lawak jenaka.⁷⁴

1.4.2 Metode *al-Mizāh* dalam Penyampaian

Pengkaji mendapati metode *al-Mizāh* dalam bidang penyampaian terkait rapat dengan teori dan teknik humor dalam bidang komunikasi. Namun begitu, teori mengenainya sangatlah banyak dan berbagai-bagai teknik dikemukakan oleh para pengkaji mengenai humor. Oleh itu, setelah diteliti penulis mendapati teori dan teknik humor yang dinyatakan oleh Arthur Asa Berger dalam buku beliau yang bertajuk *An Anatomy of Humor* lebih kemas bentuk kategorinya dan jelas penjelasannya serta dapat digunakan dalam menganalisis data observasi pengkaji dalam media audiovisual.

1.4.2.1 Teori mengenai Humor

Teori mengenai humor atau jenaka terlalu banyak namun begitu setelah diteliti pengkaji mengambil teori yang dikemukakan oleh Jalaludin Rakhmat kerana teori humor komunikasi yang dikemukakan lebih menepati ciri humor atau jenaka yang digunakan dalam media audiovisual. Jalaludin Rahmat mengemukakan tiga teori iaitu:

- a) Teori Superiotas dan Degradasi

⁷⁴ Abdul Kadir Munsyi, *Metode Diskusi Dalam Dakwah*. (Surabaya: Al-Ikhlas, 1982) 31

Ketawa yang terhasil bila menyaksikan sesuatu yang pelik dan aneh. Objek yang membuat seseorang ketawa adalah objek yang pelik dan ganjil dan ketawa tercetus Mungkin disebabkan oleh sifat-sifat objek yang pelik dan menggelikan hati.

b) Teori Bisosiasi

Ketawa yang terhasil secara tiba-tiba apabila menyedari percanggahan antara konsep dengan realiti yang sebenar Jenaka timbul apabila menyedari perkara yang tidak diduga atau kata-kata yang menimbulkan banyak makna.

c) Teori Pelepasan Inhibisi

Ketawa yang terhasil dengan memanipulasikan tekanan hidup yang negatif dalam bentuk jenaka yang boleh diterima oleh masyarakat sehingga membuatkan tekanan atau masalah hidup itu dilepaskan lalu mencetuskan ketawa.⁷⁵

1.4.2.2 Teknik-teknik Humor dalam Media Audiovisual menurut Berger.

Berikut ini adalah teknik-teknik humor berdasarkan empat kategori humor menurut Berger.⁷⁶

I. *Language.*

Dalam kategori ini, humor diciptakan atau dimunculkan melalui kata-kata, cara berbicara, makna kata, atau akibat dari kata-kata. Berger membahagi kategori ini menjadi 11 teknik, iaitu:

⁷⁵ Jalaluddin Rakhmat, *Retorika Modern Pendekatan Praktis*, (Bandung: Remaja Rosdakarya, 1998) cet.4, 128

⁷⁶ Berger, Arthur, *An Anatomy of Humor*, (United States of America: Transaction Publishers, 1998)18.

- 1) *Bombast*: bercakap dengan nada tinggi atau retorik.
- 2) *Infantilism*: bermain dengan bunyi kata-kata.
- 3) *Irony*: mengatakan sesuatu yang bermakna sesuatu yang lain atau terbalik dari apa yang dikatakan.
- 4) *Misunderstanding*: menafsirkan situasi.
- 5) *Pun*: permainan makna kata-kata.
- 6) *Repartee*: jenaka secara verbal, biasanya dalam dialog yang bijak.
- 7) *Ridicule*: membuat orang lain menjadi terlihat bodoh secara verbal atau bukan verbal.
- 8) *Sarcasm*: sindiran dengan nada yang tajam; sarkasme secara verbal.
- 9) *Satire*: memalukan suatu keadaan, situasi, and atau tokoh masyarakat/artis.
- 10) *Sexual allusion*: Membuat rujukan atau sindiran yang ditujukan kepada hal-hal seksual atau nakal.
- 11) *Outwitting*: Mengalahkan kepintaran seseorang dengan melontarkan pertanyaan atau tindak balas.⁷⁷

II. *Logic.*

Pada kategori ini, humor diciptakan atau dimunculkan melalui hasil pemikiran. Misalnya, menjadikan seseorang sebagai objek humor dengan cara menirunya, atau perubahan konsep cerita. Berger membahagi kategori ini menjadi 9 teknik, iaitu:

- 1) *Irreverent behavior*: Tidak menghormati autoriti atau standard yang berlaku.
- 2) *Malicious pleasure*: berjenaka dengan kecelakaan orang lain, menjadikan orang lain sebagai mangsa humor.

⁷⁷ *Ibid.*, 20

- 3) *Absurdity*: Bercakap kosong, situasi yang bertentangan dengan semua aturan logik.
- 4) *Coincidence*: Jenaka berdasarkan sesuatu yang kebetulan dan tidak disangka.
- 5) *Conceptual surprise*: Mengelirukan penonton dengan suatu perubahan konsep yang tak disangka atau tiba-tiba.
- 6) *Disappointment*: Situasi yang mengarah kepada kekecewaan.
- 7) *Ignorance*: Seseorang yang bertindak atau berkelakuan dengan cara yang bodoh naif, atau kekanak-kanakan.
- 8) *Repetition*: Pengulangan dari situasi yang sama.
- 9) *Rigidity*: Seseorang yang berfikir konservatif dan tidak fleksibel.⁷⁸

III. *Identity*.

Pada kategori ini, humor diciptakan atau dimunculkan melalui identiti diri pemain. Misalnya karakter yang dimainkan atau penampilan yang digunakan. Berger membahagi kategori ini menjadi 11 teknik, iaitu:

- 1) *Anthropomorphism*: Benda atau binatang dengan ciri-ciri manusia.
- 2) *Eccentricity*: Seseorang yang menyimpang dari norma, sebuah karakter aneh.
- 3) *Embarrassment*: Situasi yang canggung di mana seseorang merasa tidak selesa, gelisah, atau malu.
- 4) *Grotesque appearance*: Seseorang yang memiliki penampilan aneh atau mengerikan).
- 5) *Imitation*: Meniru penampilan atau gerakan seseorang sambil menjaga identiti diri pada masa yang sama.
- 6) *Impersonation*: Mengambil identiti orang lain, sengaja atau tidak sengaja.

⁷⁸ *Ibid.*,21

- 7) *Parody*: Meniru gaya atau genre sastera atau media lain.
- 8) *Scale*: Objek yang berukuran sangat besar atau kecil, diluar logik manusia.
- 9) *Stereotype*: Stereotaip atau generalisasi.
- 10) *Transformation*: Seseorang atau sesuatu yang mengambil bentuk lain atau mengalami metamorfosis.
- 11) *Visual surprise*: Perubahan visual atau fizikal yang tidak dijangka.⁷⁹

IV. *Action.*

Pada kategori ini, humor dimunculkan atau ditimbulkan melalui tindakan fizikal atau komunikasi bukan verbal seperti gerakan tangan atau kaki, aksi, atau ekspresi. Berger membahagi kategori ini menjadi 10 teknik, iaitu:

- 1) *Clownish behavior*: Membuat gerakan yang kuat menggunakan lengan /kaki atau menunjukkan perlakuan fizikal berlebihan dan tidak teratur.
- 2) *Clumsiness*: Sikap canggung/kekok/kaku.
- 3) *Chase*: Mengejar seseorang atau sesuatu.
- 4) *Exaggeration*: Beraksi dengan cara yang berlebihan.
- 5) *Peculiar face*: Membuat ekspresi wajah yang lucu.
- 6) *Peculiar music*: Muzik yang tidak biasa/lucu.
- 7) *Peculiar sound*: Bunyi yang tidak biasa, seperti dalam animasi kartun.
- 8) *Peculiar voice*: Suara yang tidak biasa/lucu,
- 9) *Slapstick*: jenaka yang kasar secara fizikal.
- 10) *Speed*: Bercakap atau bergerak dengan sangat cepat atau sangat lambat.⁸⁰

⁷⁹ *Ibid.*, 22

⁸⁰ *Ibid.*, 23

1.5 Kesimpulan

Setelah meneliti perbincangan mengenai konsep *al-Mizāh* dalam dakwah Islam, dapatlah difahami bahawa *al-Mizāh* membawa maksud sesuatu yang dapat membuat seseorang tersenyum atau ketawa dengan tujuan dan fungsi yang berbeza. Selain itu, pengkaji dapat menyimpulkan *al-Mizāh* yang mahmudah adalah yang dibenarkan oleh syarak dan tidak menyeleweng daripada mengingati Allah manakala *al-Mizāh* yang mazmumah adalah yang diharamkan oleh syarak malahan jenis ini yang dibimbangi oleh para agamawan ilmuwan sekiranya ia menyeleweng dari hukum harus. Oleh itu, pentingnya untuk mengetahui metode *al-Mizāh* dalam dakwah dari segi teori dan tekniknya dalam ilmu komunikasi kerana dakwah berkait rapat dalam ilmu komunikasi. Maka pengkaji mendapati teori humor komunikasi yang dikemukakan oleh Jalaluddin Rakhmat dan teknik humor dalam media audiovisual yang dikemukakan oleh Berger lebih menepati untuk mengukur tahap aplikasi *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah.

BAB DUA

ANALISIS HADITH-HADITH YANG BERKAITAN DENGAN *AL-MIZĀH* DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH* DAN PEMAHAMANNYA DARI PERSPEKTIF *FIQH AL-HADITH*

2.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan memilih, menyenarai, membuat saringan dan menganalisis hadith-hadith yang berkaitan dengan *al-Mizāh* di dalam *al-Kuttub al-Sittah*. Dalam mencapai objektif kajian, ia akan dikaji melalui beberapa sudut dan tema yang telah pengkaji letakkan dalam kategori-kategori khusus.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih hadith-hadith yang tergolong dalam hadith yang berkaitan dengan *al-Mizāh* yang hanya terdapat dalam *al-Kuttub al-Sittah* dan menyaring hadith-hadith yang terdapat pengulangan dan yang tidak berkaitan dengan kajian pengkaji.

2.1 Bentuk dan Jenis Hadith-Hadith Pilihan

Sebelum menjalankan analisis, pengkaji perlu menegaskan bahawa pemilihan hadith-hadith berhubung *al-Mizāh* dalam *al-Kuttub al-Sittah* adalah tertakluk kepada beberapa pembahagian:

[Pertama]: Hadith yang menjelaskan gurauan Rasulullah SAW dari segi *language*

[Kedua]: Hadith yang menjelaskan gurauan Rasulullah SAW dari segi *logic*

[Ketiga]: Hadith yang menjelaskan gurauan Rasulullah SAW dari segi *identity*

[Keempat]: Hadith yang menjelaskan gurauan Rasulullah SAW dari segi *action*

Keseluruhannya, dapat difahami bahawa bentuk-bentuk hadith pilihan adalah berasaskan konsep mengetahui setiap cara gurauan dan ketawa Rasulullah SAW dengan pelbagai golongan sama ada dari segi *language, logic, identity* dan *action*.

2.2 Metode dalam Memilih dan Menganalisis Hadith

Dalam memilih hadith-hadith berkaitan *al-Mizāh* dalam *al-Kuttub al-Sittah*, pengkaji telah menetapkan beberapa aspek pemilihan iaitu:

Pengkaji mengutamakan hadith-hadith berdasarkan kepada bentuk dan jenis hadith yang telah ditetapkan sebelum ini. Hal ini supaya skop kajian dapat difokuskan dan tidak tersasar daripada objektif yang ditetapkan.

Pengkaji mendahulukan matan-matan hadith riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim berbanding hadith-hadith riwayat baki empat Imam yang lain (Abū Dawud. Al-Tirmīdhī, al-Nasā'i dan Ibn Mājah). Jika terdapat matan yang sama, maka pengkaji akan mendahului matan daripada riwayat al-Bukhāri dan Muslim. Namun, jika terdapat hadith-hadith yang bukan diriwayatkan oleh al-Bukhāri dan Muslim, maka hadith-hadith tersebut akan dilakukan penelitian taraf hadith agar kenyataan dan hujah yang dikemukakan dapat diketahui kesahihannya sama ada diterima atau ditolak.⁸¹

Keseluruhan hadith-hadith yang dikenal pasti akan dikumpul disertakan berdasarkan tajuk-tajuk khusus yang menyentuh tentang *al-Mizāh* dan perbincangan yang berkaitan dengannya. Akan terdapat hadith-hadith berulang memandangkan sebahagian dari hadith-hadith tersebut menjelaskan perkara yang sama.

⁸¹ Metode penelitian bagi menetapkan sesuatu hukum atau taraf bagi sesuatu hadith adalah dengan merujuk dan meneliti beberapa perndapat ulama terhadap hadith sama ada diterima atau ditolak serta penelitian pengkaji terhadap aspek hadith. Penelitian sanad hadith adalah merujuk kepada aspek al-jarh wa al-ta'dil terhadap perawi hadith itu manakala penelitian matan adalah dengan penilaian daripada pelbagai aspek yang berkaitan dengan matan iaitu keganjilan atau percanggahan dari aspek matan dan *fiqh al-hadith* serta lain-lain.

Terdapat beberapa perkara yang diberi penekanan oleh pengkaji untuk memahami hadith dan fokus hadith tersebut. Perkara-perkara yang diberi penekanan tersebut ialah membentangkan matan (teks) hadith berserta nama perawi al-A'la (iaitu dari kalangan sahabat RA) yang dipilih, Terjemahan hadith, sumber hadith dari al-Kutub al-Sittah, dan penerangan hadith.

Dalam penerangan hadith, pengkaji merujuk kepada kitab-kitab ulasan hadith untuk menjelaskan dan membahaskan hadith. Pengkaji sedaya upaya menjelaskan penerangan hadith secara ringkas dan tepat supaya penerangan hadith berkaitan tidak meleret dan tidak menyeleweng.

2.3 Analisis Hadith-hadith *al-Mizāh* dalam al-Kutub al-Sittah.

Disini pengkaji sertakan jadual-jadual mengenai hadith-hadith *al-Mizāh* yang telah pengkaji rekodkan hasil dari analisis hadith yang berkaitan dengan *al-Mizāh* dalam *al-Kutub al-Sittah*

Jadual 2.1: Bilangan hadith-hadith *al-Mizāh* yang terkumpul di dalam *al-Kutub al-Sittah*

Bil	<i>Al-Kutub al-Sittah</i>	Bilangan Hadith
1.	Şahīh al-Bukhārī	76
2.	Şahīh Muslim	36
3.	Sunan Abū Dāwud	34
4.	Sunan al-Tirmidhī	20
5.	Sunan al-Nasā'i	20
6.	Sunan Ibn Mājah	21
Jumlah keseluruhan		207

Sumber:Hasil analisis pengkaji

Setelah dianalisis dan direkodkan pengkaji mendapat terdapat 207 hadith yang berkaitan dengan *al-Mizāh* di dalam *al-Kutub al-Sittah*. Daripada jumlah tersebut 76 hadith yang direkodkan adalah dari Şahīh al-Bukhārī, 36 hadith dari Şahīh Muslim, 34 hadith dari Sunan Abū Dāwud, 20 hadith dari Sunan al-Tirmidhī , 20 hadith dari Sunan al-Nasā'i dan 21 hadith dari Sunan Ibn Mājah. Namun perekodan ini adalah dari analisis awal secara keseluruhan tidak termasuk analisis setelah disaring dan ditakhrijkan.

Jadual 2.2: Senarai nama kitab yang disusun⁸²

Bil	Nama Kitab	Bilangan Hadith
1.	Permulaan Wahyu (بِدْءُ الْوَحْيِ)	1
2.	Iman (إِيمَانٌ)	6
3.	Solat (الصَّلَاةُ)	8
4.	Jumaat (الْجُمُعَةُ)	2
5.	Azan (الْأَذْنُ)	3
6.	Al-Kusuf (الْكُسُوفُ)	3
7.	Al-Sahwi (السَّهْوِيُّ)	2
8.	Al-Janaiz (الْجَنَائِزُ)	3
9.	Zakat (الزَّكَرُ)	1
10.	Haji (الْحَجَّ)	4
11.	Puasa (الصَّوْمُ)	8
12.	Juz' u al-Soidi (جُزُءُ الصَّوْدِيِّ)	1
13.	Jual Beli (الْبَيْعُ)	1
14.	Sewa beli (إِلَجَارَةُ)	1
15.	Pertanian (الْمَزْرِعَةُ)	1
16.	Penyaksian (الْشَّاهِدَاتُ)	1
17.	Wasiat (الْوَصْيَةُ)	1
18.	Jihad (الْجَهَادُ)	16
19.	Fardhu lima (فُرْضُ الْخَمْسِ)	1
20.	Permulaan makhluk (بِدْءُ الْمَخْلُوقِ)	1
21.	Hadith-hadith para Rasulullah (أَحَادِيثُ الرَّسُولِ)	2
22.	al-Manāqib (الْمَنَاقِبُ)	10
23.	Peperangan (الْمُغَازِيُّ)	3
24.	Tafsir al-Quran (تَفْسِيرُ الْقُرْآنِ)	10
25.	Nikah (النِّكَاحُ)	4
26.	Talak ⁸³ (اِطَالِقُ)	3
27.	Nafkah (النَّفَقَةُ)	1
28.	Makanan (الْطَّعُومُ)	2
29.	al-Daḥāyā (الاضْجَافُ)	1
30.	Perubatan (الْطَّبِيبُ)	1
31.	Adab (الآدَابُ)	35
32.	Keizinan (السَّيِّدانُ)	1
33.	Lemah lembut (الْرَّقَاقُ)	4
34.	Sumpah dan Nazar (إِيمَانٌ لِّيَنْ ذُورٍ)	3
35.	Hudud (الْحُدُودُ)	2
36.	Al-T'abīr (التَّبَعِيرُ)	1
37.	Fitnah-fitnah (الْفَتْنَةُ)	3
38.	Hukum hakam (الْحُكْمُ)	1
39.	Tauhid (تَوْحِيدُ)	5
40.	Mimpi (الْمَرْءَى)	1
41.	Sifat (صَفَةٌ)	6
42.	Penyusuan (الرَّضَاعُ)	1
43.	Kelebihan-kelebihan (الْفَضْلُ)	1
44.	Zuhud (الْزُّهُدُ)	2
45.	Pemerintahan (الْمَارَةُ)	1
46.	Taubat (الْتَّوبَةُ)	1
47.	Sunnah ⁸⁴ (الْسُّنْنَةُ)	1
48.	Kebersihan (الْطَّهَارَةُ)	8
49.	Al-Malāhim (الْمَلَاهِيمُ)	1
50.	Al-Khaud (الْخَوْضُ)	1

⁸²Berdasarkan susunan dalam *Sahīh al-Bukhārī*

⁸³Bermula susunan tajuk kitab berdasarkan kepada *Sahih Muslim*. Ini disebabkan hadith ini tidak terdapat dalam kitab talak *Sahīh al-Bukhārī*.

⁸⁴Susunan berdasarkan tajuk kitab dalam *Sunan Abu Dāwud*. Tajuk yang seterusnya juga berdasarkan susunan kitab ini.

51.	Doa ⁸⁵ (الدعا)	1
52.	Mukadimah ⁸⁶ (المقدمة)	3
53.	Bai'ah ⁸⁷ (البيعة)	1
Jumlah Keseluruhan		154 (hadith yang tidak berulang)

Sumber: Hasil analisis pengkaji

Hasil analisis dan takhrij pengkaji mendapati terdapat 53 kitab yang membabitkan hadith *al-Mizāh*. Kesemua jumlah hadith (yang tidak berulang) yang terkumpul dalam kitab-kitab tersebut adalah sebanyak 154 hadith dan daripada jumlah tersebut *Kitab Adab* mencatatkan jumlah yang paling banyak iaitu sebanyak 35 hadith, diikuti oleh *Kitab Jihad* sebanyak 16 hadith, kemudian *Kitab al-Manaqib* dan *Kitab Tafsir* masing-masing mencatatkan 10 hadith dan yang lain-lain hanya mencatatkan jumlah yang kecil.

Jadual 2.3: Taburan Hadith *al-Mizāh* mengikut kategori (Teknik Humor-Language, Logic, Identity dan Action)

Bil	Kategori ⁸⁸	Matan Hadith
1.	<i>Language</i>	<p>قُدْ فَعَلْنَا قُدْ فَعَلْنَا</p> <p>إِنَّا حَامِلُوكَ عَلَىٰ وَلَيْ نَاقِهَ</p> <p>أَكُلُّي يَا رَسُولَ اللَّهِ</p> <p>فَرْسِ لَهُ جَنَاحَانِ</p> <p>يَا أَبَا عُمَيْرٍ مَا فَعَلَ النُّعَيْرِ</p> <p>يَا ذَا الْأَذْنَيْنِ</p> <p>أَنْتِ هَيْهِ؟ قَدْ كِبِرْتِ، لَا كِبِيرَ سِنُّكِ</p>
2.	<i>Logic</i>	<p>تَأْكِلُهُمْ وَلَكَ رَجْدُ</p> <p>مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُشَاكُ شَوَّكَةً</p> <p>فَإِنَّمَا كُنْتُ أَمْرُخُ مَعْكُمْ</p> <p>كُنْتُ عِنْدَ النَّحَاشِيِّ فَقَرَأَ ابْنُ لَهُ آيَةً</p> <p>وَقُلْلَ لِلَّدُوْيِيْ يُجَدِّثُ فَيَنْكِبُ لِيُصْبِحَ لِهِ الْقَوْمُ</p> <p>أَنَا رَعِيمٌ بَيْتِيْ فِي رَضْنِ الْجَنَّةِ</p> <p>لَا يَحْلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يُرُوَّعَ مُسْلِمًا</p> <p>ثَلَاثُ جَدُّهُنَّ جَدُّ، وَهُرْهُنَّ جَدُّ</p> <p>لَا يَأْخُذُنَّ أَحَدُكُمْ مَتَاعَ أَخِيهِ لَا عِنَّا، وَلَا حَاجَّاً</p>

⁸⁵Susunan berdasarkan kepada kitab Sunan al-Tirmidhi.

⁸⁶Susunan berdasarkan tajuk kitab Sunan Ibnu Mājah

⁸⁷Susunan berdasarkan tajuk kitab Sunan al-Nasā'i.

⁸⁸Berdasarkan Kategori Humor menurut Asa Arthur Berger dalam bab sebelumnya.

3.	<i>Identity</i>	ثُمَّ وَعَظَهُمْ فِي الصَّحَّاحِ مِنَ الضَّرَبَةِ
4.	<i>Action</i>	أَنَّ رَجُلًا مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ اسْتَأْذَنَ رَبَّهُ فِي الزَّرْعِ
		أَنْ رِفَاعَةَ الْفُرْطَى طَلَقَ امْرَأَتَهُ فَبَثَ طَلَاقَهَا
		نَعَمْ، إِذَا رَأَتِ الْمَاءَ
		وَأَقْلَ الصَّحَّاحَ، فَإِنَّ كَثْرَةَ الصَّحَّاحِ تُبْيِثُ الْقَلْبَ

Sumber: Hasil analisis pengkaji

Jadual 2.3 menunjukkan taburan Hadith *al-Mizāh* mengikut kategori (Bentuk Humor- *Language*, *Logic*, *Identity* dan *Action*). Kategori *Language* merekodkan terdapat sebanyak tujuh hadith manakala dari segi kategori *Logic* mencatatkan sebanyak sembilan hadith. Seterusnya, kategori *Identity* hanya merekodkan satu hadith dan yang terakhir dari segi *Action* mencatatkan empat hadith yang termasuk dalam kategori tersebut.

Jadual 2.4: Taburan Hadith *al-Mizāh* (yang telah disaring mengikut Kajian Pengkaji) dalam al-Kutub al-Sittah.

Bil	Matan Hadith	Hadith Dalam al-Kutub al-Sittah					
		B	M	AD	T	N	IM
1.	قَدْ فَعَلْنَا قَدْ فَعَلْنَا	-	-	1	-	-	-
2.	إِنَّا حَامِلُوكُ عَلَىٰ وَلَدِ نَاقَةٍ	-	-	1	1	-	-
3.	أَكُلَّى يَا رَسُولَ اللَّهِ	-	-	1	-	-	-
4.	ثُكُلُنْ تَمْرًا وَبِكَ رَمْدٌ	-	-	-	-	-	2
5.	أَنَّ رَجُلًا مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ اسْتَأْذَنَ رَبَّهُ فِي الزَّرْعِ	2	-	-	-	-	-
6.	أَرْسِعِيهِ	3	1	1	-	1	2
7.	أَنَّ رِفَاعَةَ الْفُرْطَى طَلَقَ امْرَأَتَهُ فَبَثَ طَلَاقَهَا	3	1	-	1	2	1
8.	نَعَمْ، إِذَا رَأَتِ الْمَاءَ	4	1	-	-	1	1
9.	فَرِسْ لَهُ حَتَّاخَانِ	-	-	1	-	-	-
10.	يَا أَبَا عُمَيْرٍ مَا فَعَالَ النَّعْيَرُ	2	2	1	2	-	2
11.	يَا ذَا الْأَذْنَينِ	-	-	1	2	-	-
12.	آتَتْ هِيَةً؟ لَقَدْ كَبِرْتِ، لَا كَبِيرْ سِنُّكِ	-	1	-	-	-	-
13.	إِلَيْنِي لَا أَقُولُ إِلَّا حَمَّاً	-	-	-	1	-	-
14.	فَإِنَّمَا كُثُثَ أَمْرَخُ مَعَكُمْ	-	-	-	-	-	1
15.	وَأَقْلَ الصَّحَّاحَ، فَإِنَّ كَثْرَةَ الصَّحَّاحِ تُبْيِثُ الْقَلْبَ	-	-	-	-	-	2
16.	كُثُثَ عِنْدَ التَّحَاشِيِّ فَقَرَأَ ابْنُ لَهُ آيَةً	-	-	1	-	-	-
17.	ثُمَّ وَعَظَهُمْ فِي الصَّحَّاحِ مِنَ الضَّرَبَةِ	3	1	-	1	-	1
18.	وَيْلٌ لِلَّذِي يُحَدِّثُ فَيُكَذِّبُ بِالصَّحَّاحِ بِهِ الْقُوَّمُ	-	-	1	1	-	-
19.	لَا يَأْخُذَنَ أَحَدُكُمْ مَتَاعَ أَخْيَهِ لَا عِيَّا، وَلَا حَادِداً	-	-	1	1	-	-
20.	أَنَّ رَجِيمَ يَبْيَسِتُ فِي رَضْنِ الْجَنَّةِ	-	-	1	-	-	-

21.	لَا يَجِدُ الْمُسْلِمُ أَنْ يُرَوَّعَ مُسْلِمًا	-	-	1	-	-	-
22.	لَا تَأْتِي حَدُّهُنَّ حَدُّ، وَكَمْنُهُنَّ حَدُّ	-	-	1	1	-	1
Jumlah Keseluruhan		17	7	13	11	4	13
				65			

Singkatan Abjad: B (al-Bukhārī), M (Muslim), AD (Abu Dāwud), T (al-Tirmidhī), N (al-Nasā'ī) dan IM (Ibn Mājah)

Sumber: Hasil analisis pengkaji

Setelah direkodkan dan melalui proses penyaringan dan pentakhrijan khusus berdasarkan kajian pengkaji maka sebanyak 22 hadith dicatatkan dan dari jumlah itu sebanyak 65 hadith yang berulang dikumpulkan. 17 hadith daripada Sahīh al-Bukhārī iaitu jumlah terbanyak dijumpai dalam kajian ini, 7 Sahīh Muslim, 13 Sunan Abu Dāwud, 11 Sunan al-Tirmidhī, 4 hadith daripada Sunan al-Nasā'ī dan 13 hadith daripada Sunan Ibn Mājah.

Jadual 2.5: Taburan Bilangan Darjat Hadith

Darjat Hadith	Hadith yang berulang (78 hadith)	Hadith yang tidak berulang (22 hadith)
Sahīh	72	15
Hasan	10	6
Da‘īf	1	1
Tiada asal	0	0
Jumlah	83	22

Sumber: Hasil analisis pengkaji

Seterusnya pengkaji merekodkan taburan bilangan darjat hadith yang terkumpul dari hadith yang berulang dan tidak berulang. Hadith yang berulang merekodkan sebanyak 72 hadith sahīh, 10 hasan dan 1 ḫasan manakala darjat hadith yang tiada asal mencatatkan sifar menjadikan jumlah yang terkumpul adalah sebanyak 83 hadith. Manakala hadith yang tidak berulang iaitu sebanyak 22 hadih direkodkan. Sebanyak 15 hadith yang berdarjat sahīh, 6 ḫasan dan 1 ḫa‘īf. Bilangan sifar dicatatkan untuk hadith yang tiada asal.

2.4 Himpunan hadith- hadith berkaitan *al-Mizāh* dan takhrij ringkas

2.4.1 Hadith yang berkaitan *al-Mizāh* Rasulullah SAW dari segi *language*

Seterusnya, pengkaji mendatangkan teks-teks hadith yang berkaitan *al-Mizāh*

Rasulullah SAW dari segi *language* samaada dengan golongan lelaki, wanita dan kanak-kanak.

Hadith 1: Gurauan Rasulullah SAW dengan Abū Bakr tentang isu perangai 'Aishah terhadap Rasulullah SAW dengan ungkapan "kami telah lakukan, kami telah lakukan"

عَنِ النُّعْمَانَ بْنِ بَشِيرٍ، قَالَ: اسْتَأْذَنَ أَبُو بَكْرٍ رَحْمَةً اللَّهِ عَلَيْهِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَمِعَ صَوْتَ عَائِشَةَ عَالِيَا، فَلَمَّا دَخَلَ تَنَاوِلَهَا لِيُلْطِمَهَا، وَقَالَ: أَلا أَرَاكِ تَرْعِينَ صَوْتَكِ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَجَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَحَجَّرُ، وَخَرَجَ أَبُو بَكْرٍ مُعْضِبًا، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ خَرَجَ أَبُو بَكْرٍ «كَيْفَ رَأَيْتِي أَنْقَدْتُكِ مِنَ الرَّجُلِ؟» قَالَ: فَمَكَثَ أَبُو بَكْرٍ أَيَّامًا، ثُمَّ اسْتَأْذَنَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَجَدَهُمَا قَدِ اصْطَلَحَا، فَقَالَ لَهُمَا: أَذْخِلَانِي فِي سِلْمِكُمَا كَمَا أَذْخَلْتُمَا فِي حَرْبِكُمَا، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «قَدْ فَعَلْنَا قَدْ فَعَلْنَا»

Terjemahan: Dari Nu'mān bin Bashīr dia berkata, "Abū Bakr ra memohon izin untuk menemui Rasulullah SAW, tetapi ketika beliau masuk, beliau mendengar suara 'Aishah meninggi (seperti orang marah). Maka Abū Bakr masuk dan memegang 'Aishah untuk memukulnya seraya berkata, "Kenapa aku melihat kamu mengeraskan suara di hadapan Rasulullah SAW! Lalu Rasulullah SAW menghalanginya hingga Abu Bakar keluar dalam keadaan marah. Saat Abū Bakr keluar, Rasulullah SAW bersabda: "Bagaimana pendapatmu ketika aku selamatkan kamu dari seorang lelaki (murka Abū Bakr)?" Nu'man berkata, "Abū Bakr lalu berdiam diri di dalam rumah selama beberapa hari, setelah itu ia memohon izin lagi untuk menemui Rasulullah SAW, dan beliau mendapati keduanya telah berbaik. Lantas beliau berkata kepada keduanya, "Sertakanlah aku dalam kedamaian kalian sebagaimana kalian telah menyertakanku dalam kemarahan kalian." Rasulullah SAW berkata: "Kami telah lakukan, kami telah lakukan."

Sumber Hadith:

1. Sunan Abū Dāwud, (Kitab Adab, Bab Ma Jā'a Fī al-Mizāh, no hadith 4999)⁸⁹.

Penerangan Hadith:

Dalam Sharh Sunan Abū Dāwud menceritakan Abū Bakr adalah seorang yang terkenal dengan kasih sayang, orang yang halus dan orang yang sangat berlemah lembut. Namun begitu, beliau juga terkenal dengan ketegasannya.⁹⁰ Dalam hadith ini, dapat dilihat ketegasan Abū Bakr semasa memarahi anaknya ‘Aishah disebabkan kelantangan suara kepada suami beliau iaitu Rasulullah SAW. Oleh itu, di dalam hadith ini terdapat peringatan dan larangan kepada seorang isteri iaitu tidak boleh meninggikan atau mengeraskan suara dengan suami seperti mana yang dilakukan oleh ‘Aishah kepada Rasulullah SAW. Selain itu, hadith ini juga sebagai larangan untuk memukul anak perempuan walaupun mereka berbuat silap. Dalam kitab sharh ‘Aun Ma’būd menerangkan maksud (ketika aku selamatkan kamu dari seorang lelaki) iaitu menyelamatkan dari dipukul dan ditampar dan di dalam hadith ini lelaki yang dimaksudkan itu adalah Abū Bakr, bapa ‘Aishah⁹¹.

Seterusnya dalam hadith ini juga menerangkan cara-cara menenangkan seseorang melalui gurauan atau jenaka secara lisan. Ini dapat dilihat Rasulullah SAW menenangkan Abū Bakr dengan kata-kata gurauan dengan ungkapan «قَدْ فَعَلْنَا قَدْ فَعَلْنَا» yang bermaksud “kami telah lakukan, kami telah lakukan”⁹².

⁸⁹ Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud*, 4:300. Al-Albānī menghukumkan hadith ini ḏ‘aīf. Perawi tertinggi ialah Nu’man bin Bashīr

⁹⁰ ‘Abd Muhsīn bin Ḥamad bin ‘Abd Muhsīn bin ‘Abd Allāh bin Hamad al-Ibad al-Badr, *Sharh Sunan Abū Dāwud*,) 19:568.

⁹¹ Abū ‘Abd Rahman, ‘Aun Ma’būd Fī Sharh Sunan Abū Dāwud, 13: 279

⁹² Ibid.,13:279

Bentuk gurauan dari segi *language* disini menggunakan teknik *Pun* iaitu dengan memainkan kata-kata. Rasulullah SAW bijak memainkan kata-kata sebagai gurauan untuk menenangkan Abu Bakar r.a yang sedang marah.

Hadith 2: Gurauan Rasulullah SAW dengan seorang lelaki mengenai unta dengan ungkapan “Kami akan memberimu anak unta”

عَنْ أَنَّسٍ، أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، احْجُلْنِي، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ حَامِلُوكَ عَلَى وَلَدِ نَاقَةٍ» قَالَ: وَمَا أَصْنَعْ بِوَلَدِ النَّاقَةِ؟ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «وَهَلْ تَلِدُ الْإِبَلَ إِلَّا النُّوقُ»

Terjemahan: Dari Anas berkata, "Seorang lelaki datang kepada Rasulullah SAW dan berkata, "Wahai Rasulullah, berilah aku unta yang boleh aku kendarai." Rasulullah SAW bersabda: "Kami akan memberimu anak unta." Lelaki itu bertanya, "Apa yang boleh aku lakukan dengan anak unta?" Rasulullah menjawab: "Bukankah unta dewasa juga dilahirkan sebagai anak unta?"

Sumber Hadith:

1. Sunan Abū Dāwūd, (Kitab Adab, Bab Fī La‘ab bi al-Banāt, no hadith 4932)⁹³.
2. Sunan al-Tirmidhī (Kitab Adab, Bab Mā Jā’ a Fī al-Mizāh, no. hadith 1991) ⁹⁴

Penerangan Hadith:

Suatu hari ada salah seorang sahabat mendatangi Rasulullah SAW. Dia meminta bantuan Rasulullah SAW agar dipinjamkan unta baginda kerana memindahkan barang-barangnya. Rasulullah SAW berkata, "Pindahkan barang-barangmu dengan anak unta sahaja! Sahabat itu bingung kerana dia berfikir, mustahil anak unta mampu untuk membawa barang-barangnya yang berat. Dia terus berkata, "Wahai utusan Allah, barang-barang yang hendak aku pindahkan bebannya sangat berat dan mustahil boleh diangkat

⁹³ Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud*, 4:283. Al-Albānī menghukumkan hadith ini ṣaḥīḥ.

⁹⁴ Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* 4:357 Al-Tirmidhī mengatakan hadith ini ṣaḥīḥ ghārīb manakala al-Albānī menghukumkannya ṣaḥīḥ. Perawi yang tertinggi adalah Anas bin Malik.

anak unta.” Rasulullah berkata kepada sahabat itu, “Aku tidak mengatakan anak unta yang masih kecil. Aku hanya kata pindahkan barang-barangmu dengan anak unta!” Sahabat itu berkata, “Aku tidak melihat engkau mempunyai anak unta. Engkau hanya miliki unta dewasa. Sambil ketawa Rasulullah SAW berkata, “Bukankah setiap unta lahir daripada unta betina? Dan setiap unta dewasa pasti pernah mengalami menjadi anak unta.” Mendengar kata-kata Rasulullah SAW, sahabat itu ketawa. Dia baru sedar Rasulullah SAW telah bergurau dengannya.”⁹⁵

﴿إِنَّا حَامِلُوكَ عَلَىٰ وَلَدِ نَاقَةٍ﴾ “Pindahkan barang-barangmu dengan anak unta sahaja” membawa maksud gurauan atau jenaka Rasulullah SAW.⁹⁶

Di sini jelas dapat dilihat bahawa gurau senda Rasulullah SAW adalah dalam bentuk pendidikan dan pembelajaran serta ilmu yang bermanfaat. Asal kelahiran semua unta sama ada besar ataupun kecil adalah daripada unta betina iaitu ibu unta. Gurau senda Rasulullah SAW adalah dari sudut kelahiran unta dan bukan dari sudut saiz unta tersebut.

Sesungguhnya Rasulullah SAW adalah seorang yang sangat teliti dalam berbicara. Bahkan, setiap bicara Rasulullah SAW pasti memberi ilmu, bimbingan dan manfaat kepada orang yang mendengarnya. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW akan bercakap secara jelas dan tegas satu persatu, tidak terlalu cepat sehingga mampu masuk ke dalam hati dan dapat dihafaz kalimah demi kalimah. Itu adalah antara tanda keberkatan yang ada pada Rasulullah SAW.

Bentuk gurauan dari segi *language* disini menggunakan teknik *Repartee* jenaka bijak secara verbal. Ini dapat dilihat dalam jenaka Rasulullah SAW tentang anak unta sebenarnya adalah unta. Sebelum digelar unta maka digelar dulu anak unta maka unta

⁹⁵ Ahmad Ibn Ḥanbal, *al-Musnād* (Beirut: Dār al-Kutūb al-Ilmiāh, 1984) 3:201-202.

⁹⁶ Ibid.

yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW adalah unta dewasa bukan anak unta yang kecil secara langsung.

Hadith 3: Gurauan Rasulullah SAW dengan ‘Auf bin Malik al-Ashja'yī dengan ungkapan “semua badanmu boleh masuk”

عَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ الْأَشْجَعِيِّ، قَالَ: أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي عَرْوَةَ تَبُوكَ وَهُوَ فِي قُبَّةٍ مِنْ أَدَمٍ، فَسَلَّمَ فَرَدَ وَقَالَ: «اذْخُلْ» فَقُلْتُ: أَكُلُّ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: «كُلْ» فَدَخَلْتُ

Terjemahan: Dari ‘Aūf bin Mālik al-Ashja'yī dia berkata, "Aku mendatangi Rasulullah SAW ketika terjadi perang Tabuk, waktu itu beliau sedang berada dalam sebuah khemah yang diperbuat daripada kulit. Maka aku ucapkan salam dan baginda menjawabnya. Baginda bersabda: "Masuklah." Aku bertanya, "Wahai Rasulullah, apakah semua badanku boleh masuk?" Baginda menjawab: "Ya. Semua badanmu boleh masuk." Lalu aku masuk.

Sumber Hadith:

1. Sunan Abū Dāwūd, (Kitab Adab, Bab Mā Jā'ā Fī al-Mizāḥ, no hadith 5000)⁹⁷.

Penerangan Hadith:

Dalam kitab Sharh Sunan Abū Dāwud menceritakan satu hari Rasulullah SAW berada dalam sebuah khemah lelaki yang diperbuat daripada kulit maka datanglah ‘Aūf bin Mālik al-Ashja'yī berjumpa baginda dan meminta izin untuk masuk. Maka Rasulullah SAW mengatakan “Masuklah” dan ‘Aūf bertanya kesemuanya sambil merujuk kepada khemah Rasulullah SAW yang kecil lalu Rasulullah SAW bergurau dengan mengatakan “kesemuanya” iaitu keseluruhan badan ‘Aūf boleh memasuki khemah yang kecil itu.⁹⁸ Ini disebabkan ‘Aūf adalah seorang yang bertubuh kecil dan khemah Rasulullah SAW

⁹⁷ Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud*, 4:300. Al-Albānī menghukumkan hadith ini ṣaḥīḥ.

⁹⁸ ‘Abd al-Muhsin bin Ḥamad al-‘Ibad al-Badr, *Sharh Sunan Abū Dāwūd*, (Beirut: Shabkah Islam, t.t) 1:2

juga kecil dan tidak besar ditambah pula badan ‘Aūf yang kecil maka semestinya dia boleh memasuki kesemua badannya di dalam khemah berkenaan. Dalam hadith ini dapat difahami bahawa boleh mengajukan pertanyaan dalam bentuk gurauan atau jenaka dan menjawab pertanyaan dengan gurauan atau jenaka untuk menghiburkan orang yang bertanya seperti mana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dengan ‘Aūf.

«كُلُّكَ» dalam Sharh Sunan Abū Dāwūd menerangkan kata-kata jenaka Rasulullah SAW sebagai tindak balas kepada persoalan yang bersifat gurauan oleh ‘Aūf dan tidak bermaksud kepada sesuatu yang serius⁹⁹.

Bentuk gurauan yang dapat dilihat dari segi *language* disini menggunakan teknik *Repartee* iaitu sejenis jenaka yang digunakan secara verbal yang mana kebiasaan teknik ini digunakan untuk membala jenaka pertanyaan orang lain secara bijak.

Hadith 4: Gurauan Rasulullah SAW dengan ‘Aishah tentang patung kuda Aishah dengan ungkapan "Kuda mempunyai dua sayap?"

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: قَدِيمٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ عَرْوَةَ تَبُوكَ،
أَوْ خَيْرٌ وَفِي سَهْوَتِهَا سِتْرٌ، فَهَبَتْ رِيحٌ فَكَسَفَتْ نَاجِيَةَ السِّتْرِ عَنْ بَنَاتِ لِعَائِشَةَ لُعْبٍ،
فَقَالَ: «مَا هَذَا يَا عَائِشَةُ؟» قَالَتْ: بَنَاتِي، وَرَأَى بَيْنَهُنَّ فَرَسًا لَهُ جَنَاحَانِ مِنْ رِفَاعٍ،
فَقَالَ: «مَا هَذَا الَّذِي أَرَى وَسْطَهُنَّ؟» [ص: 284] قَالَتْ: فَرْسٌ، قَالَ: «وَمَا هَذَا
الَّذِي عَلَيْهِ؟» قَالَتْ: جَنَاحَانِ، قَالَ: «فَرْسٌ لَهُ جَنَاحَانِ؟» قَالَتْ: أَمَا سَمِعْتَ أَنَّ
إِسْلَيْمَانَ خَيْلًا لَهَا أَجْنِحَةٌ؟ قَالَتْ: فَضَحِكَ حَتَّى رَأَيْتُ نَوَاجِذَهُ

Terjemahan: Dari ‘Aishah ra, dia berkata, "Rasulullah SAW tiba dari perang Tabuk atau Khaibar, sementara bilik ‘Aishah ditutup dengan kain. Ketika ada angin yang bertiup, kain itu tersingkap hingga patung permainan ‘Aishah terlihat. Lalu baginda bertanya: "Wahai ‘Aishah, ini apa?" ‘Aishah menjawab, "Anak-anak patung mainanku." Lalu baginda

⁹⁹ Ibid., 1:2

juga melihat patung kuda yang mempunyai dua sayap. Baginda bertanya: "Apakah itu yang ada di antara mainan ini?" ‘Aishah menjawab, "Kuda." Baginda bertanya lagi: "Lalu yang ada di bahagian atasnya ini apa?" ‘Aishah menjawab, "Dua sayap." Baginda bertanya lagi: "Kuda mempunyai dua sayap?" ‘Aishah menjawab, "Tidakkah engkau pernah mendengar bahawa Rasulullah Sulaiman mempunyai kuda bersayap?" ‘Aishah berkata, "Maka Rasulullah ketawa hingga aku dapat melihat giginya."

Sumber Hadith:

1. Sunan Abū Dāwud, (Kitab Adab, Bab Fī La’ab bil Banāt, no hadith 4932)¹⁰⁰.

Penerangan Hadith:

Di dalam hadith ini menjelaskan Sunnah untuk bergurau dengan kanak-kanak perempuan dengan cara melayani percakapan mereka. Disunnahkan bergurau dan melayani kerendah dan perbualan anak-anak perempuan. Dibolehkan ketawa apabila merasa terhibur atau gembira seperti Rasulullah SAW ketawa kerana terhibur dengan jawapan ‘Aishah ra. Selain itu, dapat dilihat hukum bermain dengan anak patung permainan yang berbentuk haiwan yang mana kanak-kanak dibolehkan untuk bermain dengan anak patung permainan¹⁰¹.

«مَا هَذَا يَا عَائِشَةُ؟» adalah pertanyaan Rasulullah SAW yang bersifat gurauan¹⁰².

Oleh itu, pengkaji mendapati bentuk gurauan atau jenaka yang dilakukan oleh Rasulullah SAW termasuk dalam kategori *language* dari segi teknik *outwitting* iaitu jenaka yang dilakukan dengan melontarkan pertanyaan atau tindak balas. Gurauan atau jenaka dengan teknik outwitting boleh dilakukan untuk memulakan percakapan dengan seseorang.

¹⁰⁰ Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd* 4:283. al-Albānī menghukumkan hadith ini Sahih.

¹⁰¹ ‘Ali bin Muhammad Abū al-Hassan Nūr al-Dīn al-Malā al-Harawi al-Qārī, *Marqat al-Mafatih Sharh Masykat al-Masabih*, (Beirut: Dār al-Fikr, 2002) 5:2128

¹⁰² Ibid.

Hadith 5: Rasulullah SAW mengembirakan hati Abu 'Umair dengan pertanyaan “Wahai Abu 'Umair apa yang sedang dilakukan Nughair?”

عَنْ أَبِي التَّيَّاحِ، قَالَ: سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ يَقُولُ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يُخَالِطُنَا حَتَّى يَقُولَ لِأَخِيهِ صَغِيرٍ: يَا أَبا عُمَيْرٍ مَا فَعَلَ النُّعِيرُ؟ ” قَالَ: وَكِيعٌ: يَعْنِي طَيْرًا كَانَ يَلْعَبُ بِهِ

Terjemahan: dari Abu al-Tayyah dia berkata; saya mendengar Anas bin Malik berkata; "Rasulullah SAW duduk bersamaku sampai beliau bersabda kepadaku: "Wahai Abu 'Umair apa yang sedang dilakukan Nughair (burung kecil)?" Waqi' berkata; "Yang di maksud adalah seekor burung yang biasa bermain dengannya."

Sumber Hadith:

1. Sahīh al-Bukhārī¹⁰³ (Kitab al-Adāb, Bāb al-Inbisāt Ilā Nas, no hadith 6129)¹⁰³.
(Kitab Adab, Bab Kunniyah Lisabbi wā Qabla An Yulad lirajul, no.hadith 6203)¹⁰⁴
2. Sunan Abū Dāwud, (Kitab Adab, Bab Mā Jā'a Fī al-Rajul Yatakuni wa laisa Lahu Walad, no hadith 4969)¹⁰⁵.
3. Sunan al-Tirmidhī (Kitab Solat, Bab Mā Jā'a Fī Solat 'Ala Basat, no. hadith 333)
¹⁰⁶4:357 (Kitab al-Birr, Bab Mā Jā'a Fī al-Mizāh, no.hadith 1989)¹⁰⁷
4. Sunan Ibn Mājah, (Kitab Adab, Bab al-Mizāh, no. hadith 3720)¹⁰⁸. (Kitab Adab, Bab al-Rajūl Yukani Qabla An Yūlad Lahu, no. hadith 3740)¹⁰⁹

¹⁰³ Al-Bukhārī, *Jamī' Al-Musnad Al-Sahīh*, 8: 30

¹⁰⁴Ibid.,8:45

¹⁰⁵ Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd* 4: 293

¹⁰⁶ Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 1:435

¹⁰⁷ *Ibid.*, 4:357 al-Tirmidhi mengatakan hadith ini hasan saih manakala al-Albānī menghukumkannya saih.

¹⁰⁸ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah* 2: 1226

¹⁰⁹ *Ibid.*,2: 1231

Penerangan Hadith:

Hadith ini menerangkan hukum dan galakan mengunjungi sahabat. Lelaki boleh mengunjungi perempuan bukan mahram jika sudah tua dan aman dari fitnah. Banyak berkunjung tidak mengurangi kasih sayang. Adapun sabdanya

زَرْغُبًا تَزَدَّ حِبًا
(berkunjunglah sesekali nescaya bertambah kecintaan) dikecualikan darinya orang yang sangat diharapkan kunjungannya. Pemimpin boleh mengkhususkan kunjungan kepada sebahagian rakyatnya, bergaul dengan sebahagian rakyat tanpa yang lainnya. Keutamaan bagi keluarga Abu Talhah dan rumahnya kerana dalam rumah mereka diketahui arah kiblat dengan pasti. Hadith ini juga menunjukkan keharusan bersikap lembut terhadap sahabat, baik yang muda maupun yang tua menanyakan kepadanya dan larangan membuat anak kecil menangis.

Akhir sekali, dijelaskan hukum anak kecil boleh bermain dan mengurung burung dalam sangkar serta boleh membelanjakan harta untuk permainan anak kecil

Selain itu, ungkapan (يَا أَبَا عُمَيْرٍ مَا فَعَلَ النَّعَيْرُ؟) di dalam hadith ini juga menjelaskan dibenarkan berjenaka dengan anak kecil yang belum masuk usia tamyiz.¹¹⁰

Bentuk jenaka yang terdapat dalam hadith di atas termasuk dalam kategori *language* kerana menggunakan teknik *outwitting* iaitu jenaka dengan pertanyaan.

¹¹⁰ Ibid.,

Hadith 6: Gurauan Rasulullah SAW dengan Anas dengan ungkapan “Wahai pemilik dua telinga”

عَنْ أَنَسٍ، قَالَ: قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «يَا ذَا الْأَذْنَيْنِ»

Terjemahan: Dari Anas ia berkata, "Rasulullah SAW bersabda kepadaku: "Wahai si pemilik dua telinga."

Sumber Hadith:

1. Sunan Abū Dāwud, (Kitab Adab, Bāb Mā Ja’ā Fī al-Mizāh, no hadith 5002)¹¹¹
2. Sunan al-Tirmidhī (Kitab al-Birr wa al-Silah, Bāb Mā Ja’ā Fī al-Mizāh, no. hadith 1992)¹¹² (Kitab Manaqib, Bab Manaqib Anas bin Malik ra, no.hadith 3828) ¹¹³

Penerangan Hadith:

Di dalam Ma‘alīm al-Sunan “Sharh Sunan Abū Dāwud menerangkan jenaka Rasulullah SAW adalah jenaka yang tidak dimasukkan perkataan dusta dan tidak berlebih-lebihan. Rasulullah SAW memanggil Anas «يَا ذَا الْأَذْنَيْنِ» yang bermaksud “wahai pemilik dua telinga” adalah untuk bergurau dan gurauan yang dilakukan baginda adalah benar kerana setiap manusia mempunyai dua telinga.¹¹⁴

Dalam bentuk yang lain ia boleh jadi bukan bermaksud untuk berjenaka tetapi ia bermaksud untuk mendorong dan peringatan untuk pendengaran yang baik, lembut kepada orang dikatakan dan diajarkan kepadanya serta dinamakan (wahai pemilik dua telinga) mendengar dengan pancaindera telinga, Allah telah menciptakan kepadanya dua

¹¹¹ Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd* 4: 301 al-Albani menghukumkannya sahih.

¹¹² Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 4: 358

¹¹³ *Ibid.*, 5:681. Al-Tirmidhī mengatakan hadith ini hasan gharib manakala al-Albānī menghukumkannya sahih. Lafaz hadith yang dinukilkan adalah menurut Abū Dāwud.

¹¹⁴ Abū Sulaimān Ḥamad bin Muhammad bin Ibrāhīm bin al-Khattāb al-Bustī, al-Khitabi, *Ma‘alīm al-Sunan “Sharh Sunan Abū Dāwud”*, (Riyadh, Maktabah al-Maa’rif , 2010) 3: 602

telinga untuk mendengar setiap satu dari keduanya dan menjadikan kedua-dua telinga sebagai hujah kepadanya maka tidak ada alasan atau keuzuran kedua-duanya sekiranya lalai untuk mendengar dan tidak diperbaiki kesedaran baginya.¹¹⁵

Pengkaji mendapati jenaka yang dilakukan oleh Rasulullah SAW di atas termasuk dalam kategori *language* dari segi teknik *Irony* iaitu mengatakan sesuatu yang bermakna sesuatu yang lain atau terbalik dari apa yang dikatakan seperti Rasulullah SAW memanggil Anas «يَا ذَا الْأَذْنَيْنِ» yang bermaksud “wahai pemilik dua telinga” adalah untuk bergurau dan gurauan yang dilakukan baginda adalah benar kerana setiap manusia mempunyai dua telinga.

Hadith 7: Gurauan Rasulullah SAW dengan seorang anak perempuan yatim dengan ungkapan “usiamu tidak akan pernah dewasa”

حَدَّى نِي أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ، قَالَ: كَانَتْ عِنْدَ أُمِّ سُلَيْمٍ يَتِيمَةً، وَهِيَ أُمُّ أَنْسٍ، فَرَأَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْيَتِيمَةَ، فَقَالَ: «أَنْتِ هِيَةٌ؟ لَعَذْ كَبِيرٌ، لَا كَبِيرٌ سِنُّكِ» فَرَجَعَتِ الْيَتِيمَةُ إِلَى أُمِّ سُلَيْمٍ تَبْكِي، فَقَالَتْ أُمُّ سُلَيْمٍ: مَا لَكِ؟ يَا بُنْيَةً قَالَتِ الْجَارِيَةُ: دَعَا عَلَيَّ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنْ لَا يَكْبُرَ سِنِّي، فَالآنَ لَا يَكْبُرَ سِنِّي أَبَدًا، أَوْ قَالَتْ قَرْنِي فَخَرَجَتِ أُمُّ سُلَيْمٍ مُسْتَعْجِلَةً تَلْوُثُ حِمَارَهَا، حَتَّى لَقِيَتِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَا لَكِ يَا أُمُّ سُلَيْمٍ» فَقَالَتْ: يَا نَبِيُّ اللَّهِ أَدْعَوْتَ عَلَى يَتِيمَتِي قَالَ: «وَمَا ذَاكِ؟ يَا أُمُّ سُلَيْمٍ» قَالَتْ: رَعَمْتُ أَنَّكَ دَعَوْتَ أَنْ لَا يَكْبُرَ سِنُّهَا، وَلَا يَكْبُرَ قَرْنِهَا، قَالَ فَضَحِكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، ثُمَّ قَالَ: " يَا أُمَّ سُلَيْمٍ أَمَا تَعْلَمِينَ أَنَّ شَرْطِي عَلَى رَبِّي، أَنِّي اشْتَرَطْتُ عَلَى رَبِّي فَقُلْتُ: إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ، أَرْضَى كَمَا يَرْضَى الْبَشَرُ، وَأَعْصَبَ كَمَا يَعْصَبُ الْبَشَرُ، فَإِنِّي أَحَدٌ دَعَوْتُ عَلَيْهِ، مِنْ أُمَّتِي، بِدَعْوَةٍ لَيْسَ لَهَا بِأَهْلٍ، أَنْ يَجْعَلَهَا لَهُ طَهُورًا وَرَكَاهًا، وَقُرْنَاهُ يُمْرِئُهُ بِهَا مِنْهُ بَوْمَ الْقِيَامَةِ " وَقَالَ أَبُو مَعْنَ: يُتَيَّمَةٌ، بِالتَّصْبِيرِ، فِي الْمَوَاضِيعِ الْثَّلَاثَةِ مِنَ الْحَدِيثِ

Terjemahan: Anas bin Malik menceritakan tentang kisah ibunya. Waktu itu, Ummu Sulaim mengasuh seorang anak perempuan yatim

¹¹⁵ Ibid., 603

iaitu Ummu Anas. Lalu Rasulullah SAW melihat si yatim tersebut sambil berkata: “Wahai kamu, badanmu telah membesar, akan tetapi usiamu tidak akan pernah dewasa.” Mendengar perkataan Rasulullah ini, maka si yatim tersebut menangis dan mengadu kepada Ummu Sulaim. “Wahai puteriku, apa yang terjadi kepadamu?” Tanya Ummu Sulaim. “Rasulullah mengatakan bahawa usiaku tidak akan pernah dewasa. Mulai sekarang usiaku atau generasiku tidak akan pernah bertambah dewasa,” jawabnya. Ummu Sulaim pun segera keluar dengan tergesa-gesa menarik keldainya hingga bertemu dengan Rasulullah. “Wahai Ummu Sulaim, angina apa yang membawamu ke mari?” Tanya Rasulullah menyambut Ummu Sulaim ketika melihat kedatangannya. Kemudian Ummu Sulaim menjawab, “Wahai Rasulullah, apakah engkau memanggil anak yatimku?” “Wahai Ummu Sulaim, panggilan apa yang kamu maksudkan?” Tanya Rasulullah. “Dia mengadu bahawa engkau telah mengatakan bahawa usianya tidak akan pernah dewasa atau generasinya tidak akan pernah dewasa.” Rasulullah pun ketawa mendengar penjelasan Ummu Sulaim, lalu baginda berkata, “Wahai Ummu Sulaim, tidakkah kamu mengetahui bahwasanya ada beberapa perjanjian telah aku sepakati dengan Tuhanmu. Di antara perjanjian itu adalah aku hidup seperti manusia biasa, aku boleh gembira sebagaimana orang lain gembira dan aku boleh marah sebagaimana orang marah. Siapa pun dari umatku yang telah aku panggil dengan sebutan tertentu, maka panggilan tersebut akan menjadikannya bersih dan suci serta dapat mendekatkan dirinya kepada Allah pada Hari Kiamat.”

Sumber Hadith:

1. *Sāhiḥ Muslim* (Kitab al-Bir wa al-Šilah wa al-Adāb, Bab Man La‘anahu Nabī SAW Aw Sabbahu Aw Da‘ā ‘Alaīhi walaisa huwa Ahlān lizalika Kāna Lahu Zakātan wa Ajrān wa Rahmatān , no. hadith 2603)¹¹⁶

Penerangan Hadith:

Hadith ini menjelaskan tentang lakanat atau panggilan tertentu oleh Rasulullah SAW adalah merupakan kafarah dan rahmat.¹¹⁷ Hal ini bahawa penghormatan dan penjagaan Rasulullah SAW dari segi kata-katanya. Baginda SAW telah meminta daripada Tuhananya iaitu membuat perjanjian sekiranya dia berdoa atau mengkeji seseorang,

¹¹⁶ Muslim, *Sāhiḥ Muslim* 4:2009

¹¹⁷ Muhammad bin ‘Alī bin Adam Musa al-Isyubī al-Walawi, *Dakhirat al-Uqba Fi Syarah al-Mujtaba “Sharh Sunan al-Nasā’i”* (t.t.p: Dār al-Birum,2003) 36:354

sekiranya orang yang dikeji atau didoakan tidak berhak dengan itu maka Allah akan menjadikan dirinya suci serta menjadikannya dekat dengan Allah.¹¹⁸

لَأَنْتِ هِيَهُ لَقَدْ كَبِرْتِ، لَا كِبِيرَ سِنُّكِ «آتِيْتِ وَهِيَهُ لَقَدْ كَبِرْتِ، لَا كِبِيرَ سِنُّكِ

usiamu tidak akan pernah dewasa.” Ungkapan ini merupakan kata-kata Rasulullah SAW untuk bergurau. Al-Sabuti menyebut dalam kitabnya gurauan Rasulullah SAW disini bermaksud mendoakan sesuatu yang baik kepada pemiliknya bukan mengkejinya. Manakala ketawa adalah untuk menenangkan Ummu Sulaim yang gelisah.¹¹⁹

Gurauan Rasulullah SAW disini termasuk dalam kategori *language* dari segi teknik *Misunderstanding* iaitu jenaka yang menyebabkan salah faham kerana bermaksud di sebaliknya.

2.4.2 Hadith yang berkaitan *al-Mizāh* Rasulullah SAW dari segi *logic*

Jenaka atau gurauan secara *logic* menurut Arthur Asa Berger diciptakan melalui hasil pemikiran. Jenaka dan gurauan seperti inilah yang dilarang oleh Rasulullah gurauan yang seperti ini membawa kepada hukum makruh serta haram. Hadith larangan tersebut seperti berikut:

Hadith 8: Gurauan Rasulullah SAW dengan Suhaib dengan ungkapan “Wahai Suhaib, awas kulitmu berubah menjadi coklat”

عَنْ جَدِّهِ صُهَيْبٍ، قَالَ: قَدِمْتُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَبَيْنَ يَدَيْهِ حُبْزٌ وَمُرْ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «اذْنُ فَكُلْ» فَاحْدَثْتُ أَكْلًا مِنَ التَّمْرِ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «تَأْكُلُ تَمْرًا وَبِكَ رَمْدًا؟» قَالَ، فَقُلْتُ: إِنِّي أَفْضُلُ مِنْ نَاجِحَةٍ أُخْرَى، فَتَبَسَّمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

¹¹⁸ Yahyā bin Hubaīrah bin Muhammad bin Hubairah al-Zuhli al-Syaibani Abu al-Muzaffar‘Aūn al-Din, *Ifsah An Ma’ani al-Sihah*, (t.t.p, Dār al-Watan, 1417H) 5:339

¹¹⁹ Iyad bin Musā bin ‘Iyad bin al-Amrun al-Yazbi al-Sabutī, *Sharh Sahih Muslim li Qādī ‘Iyad ‘Ikmal al-Mu’alim bi Fawāid Muslim*” e.d Yahya Isma’il, (Mesir: Dār al-Wafā’, 1998) 8:74.

Terjemahan: Dari Suhaib, katanya: Suatu hari, aku datang ke kota Madinah untuk menemui Rasulullah SAW Semasa bertemu, baginda sedang makan buah kurma dan menyuruhku makan hidangan kurmanya. Kami pun makan bersama-sama dan aku bersemangat memakannya. Ketika sedang makan kurma, Rasulullah berkata kepadaku, “Wahai Suhaib, awas kulitmu berubah menjadi coklat kerana banyak makan kurma!” Aku menjawab, “Wahai utusan Allah, aku makan kurma pada bahagian yang tidak berwarna coklat.” Maka Rasulullah tersenyum.

Sumber Hadith:

1. Sunan Ibn Mājah, (Kitab Adab, Bab *al-Mizāh* no. hadith 3720)¹²⁰. (Kitab Tibb, Bab al-Himyah, no. hadith 3443)¹²¹

Penerangan Hadith:

Tidak terdapat penerangan hadith dalam terperinci dalam kitab Sharh Hadith mengenai hadith ini juga tidak terdapat penerangan ulama' mengenainya. Pengkaji mendapati dalam hadith di atas dapat dilihat contoh gurauan Rasulullah SAW dengan Suhaib.

Ibn Majah hanya menerangkan sedikit tentang «تَأْكُلُ تَمْرًا وَبَكْ رَمَدٌ؟» yang dengan mengatakan ia adalah gurauan atau jenaka Rasulullah SAW dengan sahabat beliau, Suhaib¹²².

Pengkaji mendapati bentuk gurauan atau jenaka yang dilakukan oleh Rasulullah SAW termasuk dalam kategori *logic* dari segi teknik coincidence iaitu jenaka yang dilakukan berdasarkan sesuatu yang kebetulan dan tidak disangka. Gurauan seperti ini tidak dilarang malah diharuskan kerana dapat merapatkan hubungan. Dibolehkan dengan gurauan yang dapat mengeratkan silaturahim dan tidak menyakiti hati.

¹²⁰ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 2: 1226. Al-Albānī menghukumkan hadith ini ḥasan.

¹²¹ Ibid., 2:1139

¹²² Ibid.

Hadith 9: Rasulullah SAW melarang untuk mengetawakan kesakitan orang lain dengan ungkapan 'Tidaklah seorang muslim tertusuk duri atau yang lebih kecil dari itu, melainkan akan ditulis baginya satu darjat dan akan dihapus satu kesalahannya.'

عَنِ الْأَسْوَدِ، قَالَ: دَخَلَ شَبَابٌ مِنْ قُرَيْشٍ عَلَى عَائِشَةَ وَهِيَ بِحَمْىٍ، وَهُمْ يَضْسِحُونَ، فَقَالَتْ: مَا يَضْسِحُكُمْ؟ قَالُوا: فُلَانٌ حَرَّ عَلَى طُنْبِ فُسْطَاطٍ، فَكَادَتْ عُنْقُهُ، أَوْ عَيْنُهُ أَنْ تَذَهَّبَ، فَقَالَتْ: لَا تَضْسِحُكُمْ، فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُشَاءُكُ شَوَّكَةً، فَمَا فَوْقَهَا إِلَّا كُتِبَتْ لَهُ كَارِبَةٌ، وَخُجِّيَتْ عَنْهُ كَمَا خَطِيَّةٌ»

Terjemahan: Dari al-Aswad, dia berkata; "Pada suatu hari, seorang pemuda Quraisy mengunjungi 'Aishah, isteri Rasulullah, ketika ia sedang berada di Mina. Kebetulan saat itu para sahabat sedang ketawa, hingga 'Aishah merasa hairan dan bertanya; 'Mengapa kalian ketawa? 'Mereka menjawab; 'Si fulan jatuh menimpa tali sabut hingga lehernya (atau matanya) hampir tercabut.' 'Aishah berkata; 'Janganlah kalian ketawa terbahak-bahak! Kerana sesungguhnya aku pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda: 'Tidaklah seorang muslim tertusuk duri atau yang lebih kecil dari itu, melainkan akan ditulis baginya satu darjat dan akan dihapus satu kesalahannya.'

Sumber Hadith:

1. *Sahih Muslim* (Kitab al-Birr wā al-Silah wa al-Adāb, Bab Thawāb al-Mukmin fīmā Yuṣībuhu min Marād aw Ḥuzn aw Nahwī dhalika ḥatta al-Shawkatī Yushākuha, no. hadith 2572)¹²³

Penerangan Hadith:

Larangan ketawa atas kesakitan dan kesulitan orang lain. Di dalam kitab *Minhāj Sharh Sahih Muslim* menerangkan perkataan *لَا تَضْسِحُكُوا* membawa maksud larangan.

¹²³ Muslim, *Sahih Muslim*, 4:1991 perawi yang tertinggi ialah 'Aishah.

Sesungguhnya ‘Aishah telah mlarang para sahabat ketawa atas kesakitan orang lain kerana ketawa seperti ini adalah mazmumah kecuali ketawa yang tidak disengajakan, sekiranya sengaja maka ia berdosa kerana dapat memalukan muslim yang lain dan menyebabkan hati terpesong.¹²⁴

Dalam kitab *Ikmāl al-Mu’ālim bī al-Fawāid Muslim* pula menerangkan tentang 'Tidaklah seorang Muslim tertusuk duri atau yang lebih kecil dari itu, melainkan akan ditulis baginya satu darjat dan akan dihapus satu kesalahannya.' Sesungguhnya, kesakitan dan kesulitan adalah sebagai penghapus dosa dan diangkat satu darjat. Terdapat dua perbezaan pendapat iaitu pihak pertama mengatakan bahawa musibah yang ditimpa seseorang menjadi kafarah dosanya dan tidak dicatatkan pahala. Pihak kedua pula mengatakan dihapuskan dosa dan diberi pahala bahkan diangkat darjat seseorang disebabkan musibah yang ditimpakan ke atasnya¹²⁵. Pengkaji lebih cenderung kepada pendapat kedua berdasarkan hadith di atas.

Oleh itu, gurauan mestilah tiada unsur penghinaan atau kejian terhadap orang lain sama ada dari segi bentuk rupa paras,nama atau mengajuk perkataan semata- mata untuk bergurau atau untuk mengetawakannya. Firman Allah Taala

يَأَيُّهَا الْذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخِرُ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَىٰ أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ

al-Hujuraat 49:11

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah suatu kaum menghina kaum yang lain, kerana barangkali mereka yang dihina itu lebih baik dari mereka yang menghina".

¹²⁴ Abū Zakariyā Muhyī al-Dīn Yahyā bin Sharf al-Nawawī, *Minhāj Sharh Saḥīḥ Muslim*, (t.t.p: al-Mawaqi’ al-Islam, t.t) 8:374.

¹²⁵ ‘Iyād bin Musā bin ‘Iyād bin al-Amrun al-Yazbī al-Sabutī, *Sharh Saḥīḥ Muslim lī Qādī ‘Iyād ‘Ikmāl al-Mu’ālim bī al-Fawāid Muslim* e.d Yahyā Ismā’il, (Mesir: Dār al-Wafa’, 1998) 8:41

Bentuk jenaka yang dilarang oleh Rasulullah SAW disini *ialah Malicious pleasure* iaitu membuat jenaka atau bergurau atas penderitaan orang lain. Disini dapat jelas mengenai larangan untuk mengetawakan atau membuat jenaka atas kesakitan orang lain.

Hadith 10: Rasulullah SAW mlarang untuk mematuhi arahan yang bersifat gurauan dengan ungkapan “Barangsiapa yang memerintahkan kalian untuk bermaksiat kepada Allah, maka janganlah kalian taat kepadanya”.

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ عَلِقَمَةَ بْنَ مُجَرِّزٍ عَلَى بَعْثٍ، وَأَنَا فِيهِمْ، فَلَمَّا انْتَهَى إِلَى رَأْسِ غَرَاتِهِ، أَوْ كَانَ بِعَضُ الظَّرِيقِ، اسْتَأْذَنَتْهُ طَائِفَةٌ مِنَ الْجُنُوشِ، فَأَذِنَ لَهُمْ، وَأَمْرَرَ عَلَيْهِمْ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ حُذَافَةَ بْنَ قَيْسِ السَّهْمِيِّ، فَكُنْتُ فِيمَنْ عَزَّ مَعْهُ، فَلَمَّا كَانَ بِعَضُ الظَّرِيقِ، أَوْقَدَ الْقَوْمُ نَارًا لِيَصْطَلُوا، أَوْ لِيَصْنَعُوا عَلَيْهَا صَنِيعًا، فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ: وَكَانَتْ فِيهِ دُعَابَةٌ: أَلَيْسَ لِي عَلَيْكُمُ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ؟ قَالُوا: بَلَى، قَالَ: فَمَا أَنَا بِأَمْرِكُمْ بِشَيْءٍ، إِلَّا صَنَعْتُمُوهُ؟ قَالُوا: نَعَمْ، قَالَ: فَإِنِّي أَعْزُمُ عَلَيْكُمْ، إِلَّا تَوَاثِّنُمْ فِي هَذِهِ النَّارِ، فَقَامَ نَاسٌ، فَتَحَجَّرُوا، فَلَمَّا ظَنَّ أَنَّهُمْ وَاثِّونَ، قَالَ: أَمْسِكُو عَلَى أَنْفُسِكُمْ، فَإِنَّمَا كُنْتُ أَمْرَخُ مَعْكُمْ، فَلَمَّا قَدِمْنَا ذَلِكَ لِلنَّجِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ أَمْرَكُمْ مِنْهُمْ بِمَعْصِيَةِ اللَّهِ، فَلَا ثُطِيعُوهُ»

Terjemahan: Dari Abū Sa‘īd al-Khudrī, sesungguhnya Rasulullah SAW mengutus ‘Alqamah bin Mujazzir dalam satu rombongan dan aku di dalamnya. Ketika telah sampai di penghujung perang atau di pertengahan jalan, sekelompok bala tentera meminta izin. Rasulullah memberikan izin kepada mereka, lalu pasukan dipimpin oleh ‘Abd Allāh Hudhāfah bin Qais al-Sahmī. Aku termasuk orang yang ikut berperang bersama dengannya. Setelah sampai di pertengahan jalan, sekelompok kaum menyalaikan api untuk menghangatkan tubuh atau untuk membuat sesuatu. ‘Abd Allāh berkata (untuk sekadar bergurau): “bukankah kalian harus mendengarkan dan taat kepadaku?” Mereka berkata; ‘Tentu’ Dia berkata; ‘Tidakkah yang aku perintahkan tentang sesuatu kepada kalian, pasti kalian lakukan?’ Mereka menjawab; ‘Tentu.’ ‘Abd Allāh berkata; ‘Aku ingin kalian meloncat ke dalam api ini.’ Sekelompok orang berdiri dan saling bersiap-siap. Ketika dia mengira bahawa mereka akan melompat, dia berkata; ‘Berhentilah kalian, kerana sesungguhnya aku hanya bergurau dengan kalian.’ Ketika kami tiba dan memberitahu kepada Rasulullah SAW. Baginda SAW bersabda; ‘Barangsiapa yang memerintahkan kalian untuk bermaksiat kepada Allah, maka janganlah kalian taat kepadanya.’

Sumber Hadith:

1. Sunan Ibn Mājah, (Kitab al-Jihād, Bab Lā Ta‘at Fī M‘aṣiat Allāh, no. hadith 2863)¹²⁶.

Penerangan Hadith:

Di dalam kitab *Hāshiyah al-Sanadī ‘Alā Sunan Ibn Mājah* menerangkan tentang hadith ini bahawa Abd Allāh Ḥudhāfah telah memimpin sekumpulan bala tentera dalam satu perang dan di pertengahan jalan, Abd Allāh telah membuat satu arahan yang bersifat gurauan kepada mereka dengan menyuruh mereka melompat ke dalam api. Namun begitu, apabila hampir sahaja mereka ingin mengikuti arahan, Abd Allāh menghentikan mereka dan mengatakan bahawa dia bergurau¹²⁷. Muhammad Fuad Abdul Bāqi telah menerangkan makna ﴿أَمْنَحْ مَعْكُمْ﴾ iaitu bergurau atau main-main.¹²⁸ Lalu apabila kumpulan di bawah pimpinan Abd Allāh itu tiba mereka menceritakan kepada Rasulullah SAW lalu Rasulullah bersabda sebagaimana hadith diatas.¹²⁹

Maksud 'Barangsiapa yang memerintahkan kalian untuk bermaksiat kepada Allah, maka janganlah kalian taat kepadanya.' Menunjukkan larangan Rasulullah SAW untuk mentaati pemimpin yang memerintahkan untuk bermaksiat kepada Allah. Maksiat disini membawa maksud gurauan yang membawa kecelakaan kepada diri seseorang¹³⁰.

Bentuk jenaka secara *logic* yang terdapat dalam hadith diatas ialah *Absurdity* yang mana jenaka yang dilakukan adalah sesuatu yang mengarut dan bertentangan dengan

¹²⁶ Ibn Majah, *Sunan Ibn Mājah*, 2: 955). Al-Albānī menghukumkan hadith ini hasan. Fu’ad ‘Abd al-Bāqī pula mengatakan isnad hadith ini sahih.

¹²⁷ Muhammad bin Abd al-Hadi al-Tahtawī Abū Hassan Nur al-Dīn al-Sanadī, *Hāshiyah al-Sanadī ‘Alā Sunan Ibn Mājah*, (Beirut: Dār al-Fikr, t.t) 2:201.

¹²⁸ *Ibid.*, 201.

¹²⁹ *Ibid.*,202.

¹³⁰ *Ibid.*

aturan logik yang mana Abd Allāh bergurau dengan sesuatu yang bertentangan dengan Allah.

Bentuk gurauan yang terdapat dalam hadith di atas ialah *Irrevent Behaviour* iaitu tidak menghormati autoriti atau standard yang berlaku. Oleh itu, jenaka atau gurauan seperti ini dilarang oleh Rasulullah SAW.

Hadith 11: Larangan ketawa dengan Kalam Allah dengan ungkapan "Akankah kamu mengetawakan kalamullah?"

عَنْ عَامِرِ بْنِ شَهْرٍ، قَالَ: «كُنْتُ عِنْدَ النَّجَاشِيِّ فَقَرَاً ابْنَ لَهُ آيَةً مِنَ الْإِنجِيلِ فَضَحِّكْتُ فَقَالَ أَتَضْحِكُ مِنْ كَلَامِ اللَّهِ»

Terjemahan: Dari Amir bin Shahr ia berkata, "Saat aku sedang bersama Najas Najāshī, salah seorang anaknya membaca ayat dalam kitab Injil hingga aku pun ketawa. Namun Najāshī berkata, "Akankah kamu mengetawakan kalamullah?"

Sumber Hadith:

1. Sunan Abū Dāwud, (Kitab al-Sunnah, Bab Fī al-Qurā'n, no hadith 4736)¹³¹.

Penerangan Hadith:

Hadith ini menunjukkan Pengaruh Najāshī yang menghormati Kalamullah di dalam Injil. Kalamullah bukan hanya di dalam al-Qur'an tetapi dalam semua Kitab yang diturunkan iaitu Zabur, Taurat, Injil dan Al-Qur'an.¹³² Hadith ini menjadi dalil haram mengetawakan atau membuat jenaka dengan Kalamullah atau Rasulullah. Ini bertepatan dengan dalil al-Qur'an dalam surah al-Taubah;

¹³¹ Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud*, 4: 235 al-Albānī menghukumkan hadith ini sahih.

¹³² 'Abd Muhsin bin Hamad, *Sharh Sunan Abū Dāwud*, 536:7.

وَلِئِن سَأَلْتُهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخْوْضُ وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِاللَّهِ وَعَائِتِهِ وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ

٢٥
تَسْتَهْزِئُونَ

Al-Taubah 9:65

Terjemahan: Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main. Katakanlah: Patukkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta RasulNya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?

Maka dapatlah dilihat di sini segala kaitan dengan Kalam Allah, hadith Nabi mahupun segala yang berkaitan dengan akidah, dilarang sama sekali untuk bergurau atau berjenaka.

Bentuk gurauan yang terdapat dalam hadith di atas ialah *Irrevent Behaviour* iaitu tidak menghormati autoriti atau standard yang berlaku. Oleh itu, jenaka atau gurauan seperti ini dilarang oleh Rasulullah SAW.

Hadith 12: Rasulullah SAW melarang berdusta dalam jenaka dengan ungkapan "Celakalah bagi orang yang berbicara lalu berdusta untuk membuat orang lain ketawa. Celakalah ia, celakalah ia."

عَنْ بَهْزِ بْنِ حَكِيمٍ ، قَالَ: حَدَّثَنِي أَيُّ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ

وَسَلَّمَ يَقُولُ: «وَيْلٌ لِلَّذِي يُحَدِّثُ فَيَكْذِبُ لِيُضْحِكَ بِهِ الْقَوْمَ، وَيْلٌ لَهُ وَيْلٌ لَهُ»

Terjemahan: Dari Bahz bin Ḥakīm ia berkata; telah menceritakan kepadaku Bapaku dari Bapanya dia berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Celakalah bagi orang yang berbicara lalu berdusta untuk membuat sebuah kaum ketawa. Celakalah dia (si pembuat dusta), celakalah dia."

Sumber Hadith:

1. Sunan Abū Dāwud, (Kitab Adab , Bāb Tasydīd fī Kazib, no hadith 4990)¹³³
2. Sunan al-Tirmidhī (Kitab Zuhud, Bāb Fīman Yatakalām Bi Kalimah Yaḍḥak Bihā Al-Nās,no. hadith 2315) ¹³⁴

Penerangan Hadith:

Haram membuat sesuatu kejenakaan atau lawak dengan berbohong untuk membuatkan orang lain ketawa. Rasulullah telah bersabda :

(إِيَّاكُمْ، وَالْكَذِبَ، فَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ، وَالْفُجُورُ يَهْدِي إِلَى النَّارِ)

Terjemahan: Jauhilah dusta sesungguhnya dusta membawa kepada dosa, dan dosa membawa kepada neraka).¹³⁵

Rasulullah menyebut sebanyak tiga kali perkataan “celakalah ia” untuk menegaskan betapa hal ini dilarang sama sekali dan memberi amaran¹³⁶ untuk menjauhi dusta samada untuk bergurau atau dalam keadaan serius. Dusta adalah benda yang haram maka ketawa kerana sesuatu perkara yang dusta adalah perkara yang keji dan tercela.¹³⁷

Bentuk jenaka yang dilarang oleh Rasulullah SAW terdapat dalam teknik *Irrevent Behaviour* iaitu jenaka yang tidak menghormati autoriti atau standard yang berlaku.

¹³³ Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud*, 4:297 al-Albānī menghukumkannya hasan.

¹³⁴ Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* 4:557 Al-Tirmidhī mengatakan hadith ini hasan manakala al-Albānī juga menghukumkannya hasan.

¹³⁵ Muhammad bin Ismaīl Bin Solah bin Muhammad al-Husnī, *Subulus Salam*, (t.t.p: Dār al-Hadith, t.t) 2:683.

¹³⁶ ‘Abd Muhsin bin Ḥamad, *Sharh Sunan Abū Dāwud*, 567:22.

¹³⁷ Muhammad bin Ismaīl Bin Solah bin Muhammad al-Husnī, *Tanwir Syarh Jami’ al-Saghīr*, (Riyadh: Dar al-Salam, 2011) 11:48.

Hadith 13: Rasulullah SAW melarang berdusta dalam bergurau dengan ungkapan

“...Aku juga menjamin rumah di tengah syurga bagi seseorang yang meninggalkan kedustaan meskipun bersifat gurau.”

عَنْ أَبِي الْمَامَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَنَا زَعِيمٌ بَيْتٍ فِي رَضِيَ الْجَنَّةَ لِمَنْ تَرَكَ الْمُهَرَّاءَ وَإِنْ كَانَ مُحِقًّا، وَبَيْتٍ فِي وَسْطِ الْجَنَّةِ لِمَنْ تَرَكَ الْكَذِبَ وَإِنْ كَانَ مَازِحًا وَبَيْتٍ فِي أَعْلَى الْجَنَّةِ لِمَنْ حَسَنَ خُلُقَهُ»

Terjemahan: Dari Abu Umamah ia berkata, "Rasulullah SAW bersabda: "Aku akan menjamin rumah di tepi syurga bagi seseorang yang meninggalkan perdebatan meskipun benar. Aku juga menjamin rumah di tengah syurga bagi seseorang yang meninggalkan kedustaan meskipun bersifat gurau, dan aku juga menjamin rumah di syurga yang paling tinggi bagi seseorang yang berakhlak baik."

Sumber Hadith:

1. Sunan Abū Dāwud, (Kitab Adāb, Bab Fī Husnu al-Kholqi, no hadith 4800)¹³⁸.

Penerangan Hadith:

Dalam kitab *Ma ‘alīm al-Sunan* menerangkan perkataan “Jaminan” adalah diambil daripada firman Allah Taala dalam suarah Yusuf ayat 72 (وَأَنَا بِهِ زَعِيمٌ).¹³⁹ Didalam hadith ini Rasulullah SAW memberi tiga jaminan. Pertama, jaminan rumah di tepi syurga bagi seseorang yang meninggalkan perdebatan walaupun benar. Hal ini menunjukkan kepada galakan untuk meninggalkan perdebatan.

Kedua, Rasulullah SAW menjamin rumah di tengah syurga bagi seseorang yang meninggalkan kedustaan meskipun bersifat gurau. Disini terdapat dua larangan iaitu larangan berdusta dalam apa jua keadaan pun dan larangan bergurau dengan sesuatu yang bersifat dusta.¹⁴⁰

¹³⁸ Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud* 4: 253 al-Albānī mengatakan hadith ini hasan. Ini kerana sanadnya mauquf. Perawi yang tertinggi adalah Abu Umamah

¹³⁹ *Ibid.*, *Ma ‘alīm al-Sunan*, 4:110.

¹⁴⁰ *Ibid.*

Ketiga, Rasulullah SAW menjamin rumah di syurga yang paling tinggi bagi seseorang yang berakhlak baik. Maka dapat dilihat betapa pentingnya akhlak yang baik sehingga Rasulullah SAW menjamin rumah di syurga yang paling tinggi.¹⁴¹

Bentuk jenaka yang dilarang oleh Rasulullah SAW terdapat dalam teknik *Malicious pleasure* iaitu berjenaka dengan kecelakaan orang lain atau menjadikan orang lain sebagai mangsa humor.

Hadith 14: Rasulullah SAW melarang membuat kejutan dengan ungkapan “Tidak halal bagi seorang Muslim membuat kejutan sesama saudaranya yang Muslim.”

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي لَيْلَى، قَالَ: حَدَّنَا أَصْحَابُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّهُمْ كَانُوا يَسِيرُونَ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَنَامَ رَجُلٌ مِّنْهُمْ، فَأَنْطَلَقَ بَعْضُهُمْ إِلَيْهِ حَبْلٌ مَعَهُ فَأَخْدَدَهُ، فَفَزَعَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يُرُوِّغَ مُسْلِمًا»

Terjemahan: Dari 'Abd Rahman bin Abi Laila ia berkata, "Para sahabat Muhammad SAW menceritakan kepadaku bahwa saat mereka sedang berjalan bersama Rasulullah SAW, salah seorang dari mereka tertidur. Lalu ada sebahagian sahabat mengambil dan menarik tali yang ada bersamanya hingga orang yang tertidur itu terkejut. Maka Rasulullah SAW bersabda: "Tidak halal bagi seorang Muslim membuat kejutan sesama saudaranya yang Muslim."

Sumber Hadith:

1. Sunan Abū Dāwud, (Kitab Adāb, Bab Mā Ya'kuzu Shai'in 'Alā al-Mizāh, no hadith 5004)¹⁴².

¹⁴¹ Ibid.

¹⁴² Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud*, 4: 301 al-Albānī mengatakan hadith ini sahih. Perawi yang tertinggi adalah 'Abd Rahman bin Abi Laila

Penerangan Hadith:

Hadith ini menunjukkan larangan membuat kejutan (prank) kepada saudaranya hanya untuk bergurau sehingga menyebabkan saudaranya terkejut dan membahayakannya. al-Manāwī mengatakan ia adalah gurauan yang menakut-nakutkan sehingga membawa kepada menyakiti.¹⁴³Tidak halal bagi seorang Muslim menyakiti saudara Muslimnya yang lain dalam bentuk samada perkataan ada perbuatan yang tidak sepatutnya ¹⁴⁴sebagaimana firman Allah Taala:

وَالَّذِينَ يُؤْذُنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِغَيْرِ مَا أَكْتَسَبُواْ فَقَدِ احْتَمَلُواْ

بُهْتَنَّا وَإِنَّمَا مُبَيِّنًا ﴿٥﴾

Al-Ahzab 33:58

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang menganggu dan menyakiti orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya maka sesungguhnya mereka telah membuta kesalahan menuduh secara dusta dan berbuat dosa yang nyata.

Al-Nawawi pula dalam kitab beliau al-Azkar menerangkan maksud ‘kejutan’ dalam hadith diatas iaitu sama ada dilakukan secara bergurau, main-main atau tidak adalah haram kerana mengejutkan orang Islam adalah haram dari semua keadaan.¹⁴⁵Oleh itu, jelas dapat dilihat larangan dan pengharaman mengejutkan saudara Muslim yang lain samada untuk bergurau atau sebaliknya.

Bentuk jenaka yang dilarang oleh Rasulullah SAW terdapat dalam teknik *Malicious pleasure* iaitu berjenaka dengan kecelakaan orang lain atau menjadikan orang lain sebagai mangsa humor.

¹⁴³Abū ‘Abd Rahman, ‘Aun Ma ‘bud Sharah Sunnah Abū Dāwud, (Beirut: Daār al-Kutub al-‘Ilmiah, 1415H) 13:236.

¹⁴⁴Zainuddin ‘Abd Rahman bin Ahmad bin Rejab bin al-Hassan al-Salmi al-Baqdadi al-Hanbali, *Jami’ al-‘Ulum Wa al-Ahkam Fi Syarh Khomsina Hadithan Min Jawami’ al-Kalam*, (Beirut: Mua’sasah al-Risalah, 2001) 2:282.

¹⁴⁵Hassan Abd Ghani Abu Ghadah, *Al-Mizāh fī Islam*, 70

Hadith 15: Rasulullah melarang bergurau dalam dalam perkara yang serius dengan ungkapan “Tiga perkara apabila dibuat serius maka ianya serius...”

"عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ - رضي الله عنه - قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صلى الله عليه وسلم - : ثَلَاثٌ جَدُّهُنَّ جَدُّ، وَهَزْمُهُنَّ جَدُّ: النِّكَاحُ، وَالطَّلاقُ، وَالرَّجْعَةُ"

Terjemahan: Dari Abu Hurairah ra, berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Tiga perkara apabila dibuat serius maka ianya serius, dan apabila bergurau (bermain-main) dengannya juga dianggap serius iaitu: Nikah, Talak dan Rujuk”

Sumber Hadith:

1. Sunan Abū Dāwud (Kitab Talak, Bab Fī Talak A’la Hazl, no hadith 2194)¹⁴⁶.
2. Sunan al-Tirmidhī (Kitab Talak Wā Li ‘an, Bab Mā Ja’ā Fī al-Jid wa Hazal Fi Talak, no. hadith 1184)¹⁴⁷
3. Sunan Ibn Mājah (Kitab Talak , Bab Man Talak au Nakahā au Rajī’ La ‘ibān, no. hadith 2039)¹⁴⁸

Penerangan Hadith:

Terdapat tiga perkara apabila serius ia serius dan apabila bergurau ia juga merupakan perkara serius iaitu dalam bab nikah, talak dan rujuk. Ibn Ibād menjelaskan dalam kitab beliau Sharh Sunan Abu Dawud bahawa sekiranya seseorang mentalakkan isterinya kemudian dia berkata dia hanya bergurau kemudian dia ketawa maka talaknya tetap jatuh dalam keadaan dia merasakan itu hanya gurauan semata-mata¹⁴⁹.

¹⁴⁶ Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud*, 2:259, al-Albānī menghukumkan hadith ini hasan.

¹⁴⁷ Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 3: 482 al-Albānī menghukumkannya hasan.

¹⁴⁸ ‘Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah* 1:658 al-Albānī menghukumkan hadith ini hasan.

¹⁴⁹ Abd Muhsin bin Ḥamad bin ‘Abd Muhsin bin ‘Abd Allah bin Ḥamad al-Ibad al-Badr, *Sharh Sunan Abū Dāwud*, 1:2

Ahli Ilmu telah bersepakat bahawa talak yang dilafazkan secara gurauan jatuh kerana ia dilafazkan oleh orang yang baligh yang berakal dan lafaznya jelas.¹⁵⁰

Bentuk jenaka yang dilarang oleh Rasulullah SAW terdapat dalam teknik *Irrevent Behaviour* iaitu jenaka yang tidak menghormati autoriti atau standard yang berlaku.

Hadith 16: Rasulullah SAW mlarang mengambil barang milik orang lain walaupun sekadar untuk bergurau dengan ungkapan "Jangan sekali-kali salah seorang dari kalian mengambil barang milik saudaranya, sama ada bergurau atau sungguh-sungguh."

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ السَّائِبِ بْنِ يَزِيدَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: «لَا يَأْخُذَنَّ أَخَدُكُمْ مَتَاعَ أَخِيهِ لَا عِبَّا، وَلَا حَادَّ» وَقَالَ سُلَيْمَانُ: «لَعِبَّا وَلَا حَادَّ» وَمَنْ أَخْدَ عَصَّا أَخِيهِ فَلْيُرِدَّهَا»

Terjemahan: Dari Abdullah bin al-Sai'b bin Yazid, dari bapanya, dari datuknya bahawa dia pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Jangan sekali-kali salah seorang dari kalian mengambil barang milik saudaranya, sama ada bergurau atau sungguh-sungguh." Sulaiman berkata, "untuk bergurau atau sungguh-sungguh. Maka barangsiapa mengambil tongkat milik saudaranya hendaklah ia kembalikan."

Sumber Hadith:

1. Sunan Abū Dāwud, (Kitab Adāb, Bab Mā Ya'kuzu Shai'in 'Alā al-Mizāh, no hadith 5003)¹⁵¹.

¹⁵⁰ Abu 'Ala Muhammad 'Abd Rahman bin 'Abd Rahim al-Mabarkifari, *Tuhfatul al-Ahwazi bi Syarah Jami' al-Tirmidhi*, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah t.t) 3:268.

¹⁵¹ Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud*, 4: 301 al-Albānī mengatakan hadith ini hasan.

2. Sunan al-Tirmidhi e.d Ahmad Muhammad Syakir, (Kitab al-Fitan, Bab Mā Jā'a An Yarwi' Muslim, no. hadith 2160)¹⁵²

Penerangan Hadith:

Larangan mengambil barang milik saudaranya tanpa izin sama ada bergurau atau sungguh-sungguh. Hal ini kerana perkara ini akan mendatangkan perbalahan walaupun kecil. Sekiranya mengambil barang milik saudara maka hendaklah memulangkan dan meminta maaf. Maksud "Jangan sekali-kali salah seorang dari kalian mengambil barang milik saudaranya, sama ada bergurau atau sungguh-sungguh." Adalah mengambil barang kepunyaan saudara sama ada bergurau atau sungguh kemudian mengejek atau mengutuk dan tidak mengembalikan kepada mereka.¹⁵³

Bentuk jenaka yang dilarang oleh Rasulullah SAW terdapat dalam teknik *Malicious pleasure* iaitu berjenaka dengan kecelakaan orang lain atau menjadikan orang lain sebagai mangsa humor.

2.4.3 Hadith yang berkaitan *al-Mizāḥ* Rasulullah SAW dari segi *Identity*

Kemudian, pengkaji mendatangkan teks-teks hadith yang berkaitan *al-Mizāḥ* Rasulullah SAW dari segi *identity*.

Hadith 17: Rasulullah SAW melarang ketawa atas hal-hal yang memalukan dengan ungkapan "Atas alasan apa salah seorang dari kalian ketawa disebabkan apa yang dia lakukan?"

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ زَمْعَةَ أَنَّهُ سَيَعْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ فِي خُطْبَتِهِ وَهُوَ يَذْكُرُ النَّافَّةَ، وَمَنْ عَفَرَهَا . فَقَالَ: {إِذْ ابْعَثْتَ أَشْعَانَهَا} (الشمس: 12) ابْعَثْتَ لَهَا رَجْلَ عَارِمٍ عَزِيزٌ مَنِيعٌ فِي رَهْطِهِ مِثْلُ أَبِي زَمْعَةَ، ثُمَّ ذَكَرَ النِّسَاءَ فَقَالَ: "أَلَا لَمْ يَجِدُ أَحَدُكُمْ امْرَأَةً

¹⁵² Al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, 4:462 al-Albānī menghukumkannya hasan. Perawi yang tertinggi adalah Yazid

¹⁵³ Abū Sulaimān Ḥamad bin Muḥammad bin Ibrāhīm bin al-Khattāb al-Bustī, al-Khitabī, *Ma 'alīm al-Sunan "Sharh Sunan Abū Dāwud"* 4:136.

جَلْدُ الْعَبْدِ وَلَعْلَةُ يُضَاجِعُهَا فِي آخِرِ يَوْمِهِ "ثُمَّ وَعَظَمُهُمْ فِي الصَّحْلِ مِنَ الصَّرْطَةِ، فَقَالَ:
"أَلَا لَمْ يَضْحَكُ أَحَدُكُمْ مِمَّا يَفْعَلُ"

Terjemahan: Dari Abdullah bin Zam'ah, ia berkata; saya mendengar Rasulullah SAW pada suatu hari menyebutkan seekor unta dan orang yang menyembelihnya. Baginda bersabda: "Ketika bangkit orang yang paling celaka di antara mereka, (al-Shams: 12), iaitu seorang lelaki yang perkasa dan kuat diantara kelompoknya seperti Abu Zam'ah." Kemudian aku dengar baginda menyebut nasib para wanita (sebagai kritik atas suami-suaminya), baginda berkata: "Atas alasan apa salah seorang dari kalian memukul isterinya seperti memukul seorang hamba, dan kemungkinan ia gauli pada akhir hari (malam) nya?" Abdullah bin Zam'ah berkata; kemudian baginda mengkritik mereka mengenai ketawa mereka ketika kentut. Beliau berkata: "Atas alasan apa salah seorang dari kalian ketawa disebabkan apa yang dia lakukan?"

Sumber Hadith:

1. Sahīh al-Bukhārī” (Kitab Tafsir, Bab Surah Al-Syamsi Waduhaha, no hadith 4942)¹⁵⁴. (Kitab Nikah, Bab Apa yang dibenci dari Memukul Wanita, no.hadith 5204) ¹⁵⁵ (Kitab Adab, Bab Qala Allah Taala, no. hadith 6042)¹⁵⁶
2. Sahīh Muslim, (Kitab Jannah, Bab al-Nar Yadkhuluha al-Jabarun Wa Jannah Yadkhula Dua’fa’,no.hadith 2855)¹⁵⁷
3. Sunan al-Tirmidhī (Kitab Tafsir al-Qur'an, Bab Min Surah al-Syams, no. hadith 3343) ¹⁵⁸
4. Sunan Ibn Mājah, (Kitab Nikah, Bab Memukul Wanita, no. hadith 1983)¹⁵⁹

¹⁵⁴ Al-Bukhārī, *Jamī' Al-Musnad Al-Sahīh*, 4:148

¹⁵⁵ *Ibid.*, 7:32.

¹⁵⁶ *Ibid.*, 8:15.

¹⁵⁷ Muslim, *Sahīh Muslim*, 4:2191

¹⁵⁸Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* 5:297 al-Tirmidhi mengatakan hadith ini sahīh gharib manakala al-Albānī menghukumkannya sahīh. 5:297.

¹⁵⁹ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 1:638 al-Albānī menghukumkannya sahīh

Penerangan Hadith:

Hadith ini menerangkan tentang larangan memukul isteri dengan pukulan yang kuat seperti menyeksa hamba dan larangan ketawa disebabkan kentut kerana suatu perbuatan yang memalukan dan tidak baik.

Dalam hadith diatas, bentuk gurauan yang dilarang oleh Rasulullah termasuk dalam bentuk *Identity* dengan penggunaan teknik *embarrassment* iaitu sesuatu yang memalukan orang lain

2.4.4 Hadith yang berkaitan *al-Mizāh* Rasulullah SAW dari segi *action*

Hadith 18: Rasulullah SAW ketawa dengan kata-kata lelaki Badawi “...Adapun kami bukanlah petani”

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَوْمًا يُحَدِّثُ، وَعِنْدَهُ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْبَادِيَةِ: "أَنَّ رَجُلًا مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ اسْتَأْذَنَ رَبَّهُ فِي الرَّزْعِ، فَقَالَ لَهُ: أَسْتَغْفِرُكَ فِيمَا شِئْتَ؟ قَالَ: بَلَى، وَلَكِنِّي أُحِبُّ أَنْ أَرْزَعَ، قَالَ: فَبَذَرَ، فَبَأَدَرَ الطَّرْفَ نَبَاتًا وَاسْتَوْأَدَهُ، فَكَانَ أَمْثَالَ الْجِبَالِ، فَيَقُولُ اللَّهُ: دُونَكَ يَا ابْنَ آدَمَ، فَإِنَّهُ لَا يُشْبِعُكَ شَيْءًَ،" فَقَالَ الْأَعْرَابِيُّ: وَاللَّهِ لَا يَجِدُهُ إِلَّا فُرْشَيَا، أَوْ أَنْصَارِيَا، فَإِنَّهُمْ أَصْحَابُ رَزْعٍ، وَأَمَّا نَحْنُ فَلَسْنَا بِأَصْحَابِ رَزْعٍ، فَضَحِّكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Terjemahan: Dari Abu Hurairah RA bahawa pada suatu hari, Rasulullah SAW menceritakan sebuah cerita dalam sebuah forum dan di antara mereka yang turut hadir ialah seorang Badawi. Rasulullah SAW berkata: “Ada seseorang dari penghuni syurga meminta izin kepada Tuhan untuk bercucuk tanam. Lalu Tuhan berkata kepadanya, “Bukankah kamu boleh mendapatkan segala sesuatu yang kamu inginkan?” “Ya, akan tetapi aku ingin bercucuk tanam,” jawab orang tersebut. Mendengar kesanggupan orang tersebut, maka Tuhan berkata, “Tebarkanlah benih.” Lalu benih itu pun segera tumbuh dan meninggi hingga dapat dipetik hasilnya. Tingginya mencapai setinggi gunung. Lalu Allah berkata, “Wahai manusia, semua itu tidak akan memuaskanmu.” Si Badawi tiba-tiba menyampuk cerita Rasulullah SAW dengan berkata, “Demi Allah, tidak ada yang boleh mendapatkan semua ini, kecuali kaum Quraisy atau Ansar kerana mereka adalah petani. Adapun kami bukanlah petani.” Maka Rasulullah pun ketawa.

Sumber Hadith:

1. Sahīh al-Bukhārī (Kitab al-Muzāra‘ah, Bab Kirā’ al-A’rd bi al-Dhahab wa Fiḍḍah), no hadith 2348)¹⁶⁰. (Kitab Tawhīd, Bab Kalām Rabbi Ma‘a Ahli al-Jannah , no. hadith 7519)¹⁶¹

Penerangan hadith:

Hadith ini menunjukkan kepada setiap orang yang mempunyai hobi kegemaran yang tidak menyibukkan dia dengan sesuatu walaupun keinginannya besar sehingga syurga dan segala apa yang ada didalamnya, tidak melupakan kecintaan lelaki ini untuk menanam maka dia meminta kepada tuhannya.¹⁶²

Disini dapat dilihat bentuk tarbiah dan akhlak Rasulullah SAW dalam menjawab dan melayani pertanyaan orang yang menyoalnya dalam majlis ilmu. Rasulullah SAW tidak marah bahkan tersenyum manis. Ini menunjukkan tingginya budi pekerti dan santunnya Baginda SAW.

Bentuk gurauan yang terdapat dalam hadith di atas termasuk dalam kategori *action* namun *action* yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dengan hanya tersenyum. Tersenyum merupakan salah satu teknik gurau senda dari segi perbuatan.

Hadith 19: Jawapan Rasulullah SAW dengan ungkapan “susukanlah dia”

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: جَاءَتْ سَهْلَةُ بِنْتُ سَهْلٍ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَرَى فِي وَجْهِ أُبِي حُذَيْفَةَ مِنْ دُخُولِ سَالِمٍ وَهُوَ حَلِيقُهُ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَرْضِيعِيهِ»، قَالَتْ: وَكَيْفَ أَرْضِيعُهُ؟ وَهُوَ رَجُلٌ كَبِيرٌ، فَتَبَسَّمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ: «قَدْ عِلِمْتُ أَنَّهُ رَجُلٌ كَبِيرٌ»، زَادَ عُمُرُهُ فِي حَدِيثِهِ: وَكَانَ قَدْ شَهِدَ بَدْرًا، وَفِي رِوَايَةِ ابْنِ أَبِي عُمَرَ: فَضَحِّكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

¹⁶⁰Al-Bukhārī, *Jamī' Al-Musnad Al-Sahīh*, 3:108.

¹⁶¹ Ibid., 9:151.

¹⁶² Hamzah Muhammad Qasim. *Manār al-Qarī Sharh Mukhtasar Shāfi‘i Bukhari*, (Damshik: Maktabah Dār al-Bayān, 1990) 3:337.

Terjemahan: Daripada ‘Aishah berkata: Sahlah binti Suhail datang menemui Rasulullah s.a.w maka dia mengadu: “Wahai Rasulullah sesungguhnya aku melihat muka masam Abū Hudhāfah ketika dia melihat Salim menemuiku, padahal Salim adalah teman baiknya.” Maka Rasulullah s.a.w berkata: “susukanlah dia”, dia (Sahlah) berkata: Bagaimana aku harus menyusuinya, sedangkan dia adalah seorang lelaki yang sudah tua.” Maka Rasulullah tersenyum dan berkata: “Aku tahu bahawa Salim adalah orang yang sudah tua.” Dalam sebuah hadith Amru menambahkan, “Salim adalah seorang yang ikut serta dalam perang Badar.” Dan dalam riwayat Ibn Abī Umar disebutkan “Kemudian Rasulullah s.a.w pun ketawa.”

Sumber Hadith:

1. Sahīh al-Bukhārī (Kitāb al-Adāb, Bāb al-Inbisāt Ilā an-Nās, no hadith 6129)¹⁶³.
(Kitab Harb, no.hadith 4000) ¹⁶⁴ (Kitāb an-Nikāh, Bāb Ikhfā’ Fī Dīn, no.hadith 5088)¹⁶⁵
2. Sāḥīḥ Muslim (Kitāb ar-Riḍ‘ā, Bāb al-Riḍ‘ā al-Kabīr, no. hadith 1453)¹⁶⁶
3. Sunan Abū Dāwud, (Kitāb an-Nikāh, Bāb Fī Man Haraman Bih, no hadith 2061)¹⁶⁷.
4. Sunan al-Nasā’i, (Kitāb an-Nikāh, Bāb al-Riḍ‘ā al-Kabīr, no hadith 3320)¹⁶⁸
5. Sunan Ibn Mājah, (Kitāb an-Nikāh, Bab Bāb al-Riḍ‘ā al-Kabīr, no. hadith 1943)¹⁶⁹

Penerangan Hadith:

Di dalam kitab Umdatul Qārī Sharh Sahih Bukhārī menerangkan hadith merupakan suruhan menyusukan orang dewasa yang hanya dikhkususkan untuk Sahlah binti Suhail sahaja. Pada asalnya diharamkan penyusuan kepada lelaki yang sudah dewasa untuk

¹⁶³ Al-Bukhārī, *Jamī’ Al-Musnad Al-Sahīh* 8: 30.

¹⁶⁴ *Ibid.*, 5:81.

¹⁶⁵ *Ibid.*, 7:7.

¹⁶⁶ Muslim, *Sāḥīḥ Muslim* 2:1076.

¹⁶⁷ Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwud*, 2:223 Al-Albānī menghukumkan hadith ini sahīh.

¹⁶⁸ Al-Nasā’i, *Sunan al-Nasā’i*, 6:104. Al-Albānī menghukumkan hadith ini sahīh.

¹⁶⁹ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*,1:625

dijadikan anak susuan tetapi hal ini dikecualikan hanya kepada Sahlah binti Suhail Penyusuan kepada Salim adalah untuk mengelakkan fitnah. Oleh itu dibolehkan.

Maksud ketawa atau tersenyum di dalam hadith ini sebagai gurauan untuk menenangkan dan menggembirakan hati Sahlah binti Suhail. ¹⁷⁰

Bentuk gurauan yang terdapat dalam hadith di atas termasuk dalam kategori *action* namun *action* yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dengan hanya tersenyum.

Hadith 20: Rasulullah SAW menjawab persoalan Rifā‘ah al-Quraziyya dengan senyuman dengan ungkapan “Tidak, hingga engkau merasakan madunya dan dia merasakan madunya”

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ رِفَاعَةَ الْفُرَاطِيِّ طَلَقَ امْرَأَتَهُ فَبَتَّ طَلاقَهَا، فَتَزَوَّجَهَا بَعْدَهُ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ الرَّبِّيرِ، فَجَاءَتِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ [ص: 23] فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّهَا كَانَتْ عِنْدَ رِفَاعَةَ فَطَلَقَهَا آخِرَ ثَلَاثَ تَطْلِيقَاتٍ، فَتَزَوَّجَهَا بَعْدَهُ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ الرَّبِّيرِ، وَإِنَّهُ وَاللَّهِ مَا مَعَهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِلَّا مِثْلُ هَذِهِ الْمُدْبَبَةِ، لِهُدْبَبَةٍ أَحَدَتْهَا مِنْ جُلْبَاهَا، قَالَ: وَأَبُو بَكْرٍ جَالِسٌ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَابْنُ سَعِيدٍ بْنِ الْعَاصِ جَالِسٌ بِبَابِ الْحَجَرَةِ لِيُؤْدَنَ لَهُ، فَطَفِقَ خَالِدٌ يُنَادِي أَبَا بَكْرٍ: يَا أَبَا بَكْرٍ، أَلَا تَزْجُرُ هَذِهِ عَمَّا يَنْهَا بِهِ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَمَا تَرِيدُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى التَّبَسِّيمِ، ثُمَّ قَالَ: «لَعَلَّكِ تُرِيدُنَّ أَنْ تَرْجُعِي إِلَى رِفَاعَةَ، لَا، حَتَّى تَدْوُقِي عُسِيَّلَةَ، وَيَدُوقَ عُسِيَّلَةَ»

Terjemahan: Dari ‘Aishah ra bahawa Rifā‘ah al-Quraziyya telah menceraikan isterinya setelah perceraianya berlalu, Abdurrahman bin Zubair menikahi isterinya Rifā‘ah. Lalu isterinya Rifā‘ah datang kepada Rasulullah SAW, ‘Aishah melanjutkan; "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya wanita tersebut adalah isterinya Rifā‘ah, Rifā‘ah menceraikannya hingga jatuh talak tiga. Setelah itu, isterinya Rifā‘ah menikah dengan Abd al-Rahman bin Az-Zubair. Dan dia, demi Allah wahai Rasulullah, tidaklah bersamanya melainkan seperti hujung kain yang ini." sambil mengambil hujung jilbabnya- Urwah melanjutkan; "waktu itu Abu Bakar duduk di sisi Rasulullah SAW sementara Khālid bin Sa‘id duduk di depan pintu kamar, supaya ia diizinkan masuk,

¹⁷⁰ Abū Muhammad Mahmud bin Ahmad bin Musa bin Ahmad bin Husain al-Ghitabī al-Hanafī Badruddin al-‘Aini, *Umdatul Qārī Sharh Sahih Bukhāri*, (Beirut: Dār at-Turath al-Arabi, t.t) 20:85

segera dia memanggil Abu Bakar dan berkata; "Wahai Abu Bakar, adakah kamu tidak mengherdik apa yang telah ia katakan dengan lantang di sisi Rasulullah SAW?" Rasulullah SAW tersenyum seraya bersabda: "Sepertinya engkau hendak kembali kepada Rifā'ah. Tidak, hingga engkau merasakan madunya dan dia merasakan madumu."

Sumber Hadith:

1. Sahīh al-Bukhārī” (Kitab Syahadat, Bab Syahadat al-MukhtabI, no hadith 2639)¹⁷¹. (Kitab Ṭalaq, Bab Idha Ṭalaqaha Thalāthā Thumma Tazawajat Ba‘da al-‘Iddah Zaujan Ghairahu Lam Yamasaha,no. hadith 5317)¹⁷², (Kitab Adab, Bab al-Ibtisam wa al-Dahak, no. hadith 6084)¹⁷³
2. Sāḥīḥ Muslim (Kitab al-Nikāh, Bab Lā Tahillu al-Mutalaqah al-Thalāsan limutaqliqiha ḥatta Tankiḥan Zaujan Qairahu, no. hadith 1433)¹⁷⁴.
3. Sunan al-Tirmidhī (Kitab al-Nikāh, Bab Ma Ja’ a Fiman Yatliku Imraatihi Salasah, no. hadith 1118)¹⁷⁵
4. Sunan al-Nasā’i, (Kitab al-Nikāh, Bab al-Nikāh alazi tahlilu bi al-Mutalaq (Kitab Ṭalak , Bab Talak Battah, no hadith 3409)¹⁷⁶ (Kitab Talak, Bab Ijlal Mutalak Salasah,no. hadith 3413)¹⁷⁷
5. Sunan Ibn Mājah, (Kitab al-Nikāh, Bab al-Rajul Yuṭaliq Imra’atihu Thalāthān, no. hadith 1932)¹⁷⁸.

¹⁷¹ al-Bukhārī, *Jami’ Al-Musnad Al-Sahīh* 3:168

¹⁷² *Ibid.*,7:56

¹⁷³ *Ibid.*,8:22

¹⁷⁴ Muslim, *Sāḥīḥ Muslim*,2:1055

¹⁷⁵ Al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī 3:418 al-Tirmidhī mengatakan hadith ini ḥasan ṣahīh manakala al-Albānī menghukumkannya sahih.

¹⁷⁶ Al-Nasā’i, *Sunan al-Nasā’i*, 6:146, al-Albānī menghukumkan hadith ini sahih

¹⁷⁷ *Ibid.*, 6:148.

¹⁷⁸ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 1:621 al-Albānī menghukumkan hadith ini sahih

Penerangan Hadith:

Keseluruhan hadith ini Ibnu Battal menjelaskan dalam *Sharh Sahih al-Bukhari Li Ibn Battal* tentang hukum seorang isteri yang telah dicerai talak tiga tidak boleh dirujuk oleh suaminya semula sehingga dia bernikah dengan lelaki lain dan disetubuh kemudian diceraikan, maka selepas itu dibolehkan rujuk semula dengan suami pertama yang menceraikannya dengan talak tiga.¹⁷⁹

Senyuman Rasulullah SAW disini bermaksud untuk menenangkan kegelisahan hati isteri Rifa'ah.¹⁸⁰

Bentuk gurauan yang terdapat dalam hadith di atas termasuk dalam kategori *action* namun *action* yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dengan hanya tersenyum.

Hadith 21: Rasulullah SAW menyantuni pertanyaan Ummu Salamah dengan ungkapan “Ya, lantas kerana alasan apa seorang anak boleh mirip orang tuanya?”

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ، أَنَّ أُمَّ سُلَيْمَ، قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي مِنَ الْحَقِّ فَهَلْ عَلَى
الْمَرْأَةِ الْعَسْلُ إِذَا احْتَلَمَتْ؟ قَالَ: «نَعَمْ، إِذَا رَأَتِ الْمَاءَ» فَصَحَّحَتْ أُمُّ سَلَمَةَ، فَقَالَتْ:
خَتَّلَتِ الْمَوْأِدَةُ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «فَإِنْ يُشْبِهُ الْوَلَدُ

Terjemahan: Dari Ummu Salamah sesungguhnya Ummu Sulaim berkata; Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah tidak pernah malu (dalam menerangkan) kebenaran. Apakah seorang wanita wajib mandi bila bermimpi?”. Baginda menjawab: "Ya, jika dia melihat air". Ummu Salamah ketawa lalu berkata; "Apakah wanita juga bermimpi?". Maka Rasulullah SAW menjawab: "Ya, lantas kerana alasan apa seorang anak boleh mirip orang tuanya?"

¹⁷⁹ Ibn Battal Abu al-Hassan ‘Ali bin Kholaf bin ‘Abd Malik, *Sharh Sahih al-Bukhari Li Ibn Battal*, e.d Abu Tamim Yasir bin Ibrahim, (Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 2003) 7:479.

¹⁸⁰ *Ibid.*, 7:481

Sumber Hadith:

1. Sahīh al-Bukhārī (Kitab Ahadith al-Anbiya', Bab Khalqi Ādam Ṣalawātu Allāh 'Alaihi wa zuriyatihi, no hadith 3328)¹⁸¹. (Kitab Adab, Bab at-Tabasam wa al-Dahik, no. hadith 6091)¹⁸², (Kitab Mandi, Bab Apabila Perempuan Ihtilam, no. hadith 282)¹⁸³, 8:29 (Kitab Adab, Bab Kebenaran Yang Tidak Malu Untuk Belajar Di Dalam Agama, no. hadith 6121)¹⁸⁴
2. Sāḥīḥ Muslim (Kitab Haid, Bab Wajib Mandi Bagi Perempuan Yang Mengeluarkan Mani, no. hadith 313)¹⁸⁵
3. Sunan al-Nasā'i, (Kitab al-Taharah, Bab Ghasli al-Mar'ati Tarā fī Manāmihā ma Yarā ar-Rajul, no hadith 197) ¹⁸⁶
4. Sunan Ibn Mājah, (Kitab Taharah, Bab Apabila Perempuan melihat Lelaki dalam Mimpiinya, no. hadith 600)¹⁸⁷.

Penerangan Hadith:

Hadith ini menunjukkan jangan malu bertanya hal yang berkaitan dengan ilmu sekiranya tidak tahu. Dalam riwayat yang lain, ‘Aishah yang berada sekali dengan Rasulullah SAW semasa Ummu Salamah bertanya telah menegur Ummu Salamah dengan mengatakan “engkau telah membuka aib bagi wanita.” Kerana soalan seperti itu biasanya memalukan bagi wanita. Namun Ummu Salamah bertanya disebabkan dia tidak tahu dan tidak malu bertanya untuk mengetahui jawapan.¹⁸⁸ Malah Rasulullah SAW

¹⁸¹ Al-Bukhārī, *Jamī' Al-Musnad Al-Sahīh*, 4:132

¹⁸² Ibid., 8:24

¹⁸³ Ibid., 1:64

¹⁸⁴ Ibid., 8:29

¹⁸⁵ Muslim, *Sāḥīḥ Muslim* 2:766

¹⁸⁶ Al-Nasā'i, *Sunan al-Nasā'i*, 1:114

¹⁸⁷ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 1:197

¹⁸⁸ Abū Muhammad Mahmud bin Ahmad bin Musa bin Ahmad bin Husain al-Ghitabī al-Hanafī Badruddin al-‘Aini, *Umdatul Qari Syarah Sahih Bukhari*, (Beirut: Dar at-Turath al-Arabi, t.t) 2:212.

tidak memarahi Ummu Salamah yang ketawa apabila menanyakan soalan, oleh itu dibolehkan bagi pelajar perempuan untuk ketawa atau senyum apabila bertanya kepada gurunya sesuatu soalan yang memalukan tetapi untuk ilmu yang bermanfaat. Hadith ini juga menerangkan persoalan ibadah iaitu lelaki atau wanita yang bermimpi basah perlu mandi wajib. Selain itu, hadith ini menjawab persoalan anak mirip kedua ibu bapanya. Hal ini telah diterangkan dalam satu hadith yang panjang menjawab persoalan-persoalan pendeta yahudi.¹⁸⁹ Salah satu pertanyaan pendeta yahudi kepada Rasulullah SAW adalah mengenai anak.

Hadith tersebut ialah:

قَالَ: حِثْ أَسْأَلُكَ عَنِ الْوَلَدِ؟ قَالَ: «مَاءُ الرَّجُلِ أَبْيَضُ، وَمَاءُ الْمَرْأَةِ أَصْفَرُ، فَإِذَا اجْتَمَعَا، فَعَلَا مَنِيُّ الرَّجُلِ مِنِيَّ الْمَرْأَةِ، أَذْكُرَ إِيَّادِنَ اللَّهِ، وَإِذَا عَلَا مَنِيُّ الْمَرْأَةِ مِنِيُّ الرَّجُلِ، آتَنَا يِيَادِنَ اللَّهِ

Terjemahan: Dia berkata: “Aku datang dengan sebuah pertanyaan mengenai anak”. Baginda menjawab: “Air mani seorang lelaki berwarna putih dan air mani seorang wanita berwarna kuning, jika keduanya menyatu lalu air mani si lelaki lebih dominan atas air mani wanita maka janin itu akan berkelamin laki-laki dengan izin Allah. Namun jika air mani wanita lebih dominan atas air mani si lelaki maka janin itu akan berkelamin wanita dengan izin Allah.”

Bentuk gurauan yang terdapat dalam hadith di atas termasuk dalam kategori *action* namun *action* yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dengan hanya tersenyum.

Hadith 22: Rasulullah SAW melarang banyak ketawa dengan ungkapan “...sedikitkanlah ketawa, kerana banyak ketawa akan mematikan hati”

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ: قَالَ: رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَا أَبَا هُرَيْرَةَ كُنْ وَرِعًا، تَكُنْ أَعْبَدَ النَّاسِ، وَكُنْ قَنِيقًا، تَكُنْ أَشْكَرَ النَّاسِ، وَأَحِبَّ لِلنَّاسِ مَا تُحِبُّ لِنَفْسِكَ، تَكُنْ مُؤْمِنًا،

¹⁸⁹ Abū Umar Yusuf bin ‘Abd Allah bin Muhammad bin ‘Abd Bari bin ‘Asim al-Numurī al-Qurtubī, al-Istizkar, (Beirut: Dār Kutub al-Ilmiah, 2000 (1:294)

وَأَحْسِنْ جَوَارَ مَنْ جَاهَرَكَ، تَكُنْ مُسْلِمًا، وَأَقْلَعَ الصَّحَّكَ، فَإِنَّ كَثْرَةَ الصَّحَّكَ تُبَيِّثُ
الْقَلْبَ"

Terjemahan: dari Abu Hurairah dia berkata; Rasulullah SAW bersabda: "Wahai Abu Hurairah, Jadilah kamu seorang yang warak, nescaya kamu menjadi manusia yang paling beribadah. Jadilah kamu menjadi seorang yang merasa cukup, nescaya kamu menjadi manusia yang paling bersyukur. Cintailah manusia seperti kamu mencintai dirimu sendiri, nescaya kamu akan menjadi seorang mukmin. Perbaikilah hubungan kejiranan dengan jiranmu, nescaya kamu akan menjadi seorang yang berserah diri. Dan sedikitkanlah ketawa, kerana banyak ketawa akan mematikan hati."

Sumber Hadith:

1. Sunan Ibn Mājah, (Kitab Zuhud, Bab al-Huzn wa al-Bukā', no. hadith 4193)¹⁹⁰. (Kitab al-Zuhud, Bab al-Wara' wa al-Takwā, no. hadith 4217¹⁹¹)
2. Sunan al-Tirmidhī (Kitab Tafsir al-Qur'an, Bab Min Surah al-Syams, no. hadith 3343) ¹⁹²

Penerangan Hadith:

Suruhan untuk menjadi orang yang warak. Suruhan untuk menjadi orang yang sentiasa merasa cukup dan bersyukur. Suruhan untuk menyayangi manusia seperti mencintai diri sendiri¹⁹³. Dianjurkan sedikit ketawa kerana ketawa yang sedikit dapat melembutkan dan membaiki jiwa dari kesedihan dan muram dan dilarang ketawa banyak dan berlebihan kerana akan mematikan hati untuk beribadat serta melalaikan dari mengingati Allah.

¹⁹⁰ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 2:1403 al-Albānī menghukumkan hadith ini sahih.

¹⁹¹ *Ibid.*, 2:1410

¹⁹² Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* 5:297 Al-Tirmidhī mengatakan hadith ini ḥaḍīth gharib manakala al-Albānī menghukumkannya ṣaḥīḥ. 5:297.

¹⁹³ Zain al-Dīn Muḥammad al-Mad'u al-Manawī al-Qahīrī, *al-Taīṣīr bi Sharh al-Jām'i al-Saghīr*, (Riyadh: Maktabah al-Imām Shafī'e, 1988) 1:27

Digunakan perkataan “mati” untuk menggambarkan keadaan gelap gelita, benda yang tidak membawa sebarang manfaat.¹⁹⁴

Bentuk jenaka yang dilarang oleh Rasulullah SAW dalam hadith di atas ialah *exaggeration* iaitu jenaka yang berlebihan. Hukum asal ketawa dan jenaka adalah harus namun jika dilakukan dengan berlebihan maka akan mematikan hati.

2.5 Fiqh al-Hadith berkaitan al-Mizāh

Setelah diteliti hadith-hadith di atas pengkaji akan membahagikan dua bahagian iaitu bahagian dakwah dan bahagian jenaka untuk menerangkan mengenai hadith yang dibincangkan.

Pertama; gurauan atau jenaka dalam hadith-hadith Rasulullah SAW terbahagi kepada empat kategori iaitu, *language*, *logic*, *identitiy* dan *action*.

Dari segi *language*, terdapat tujuh hadith direkodkan tergolong dalam kategori ini. Contohnya dalam hadith pertama. Bentuk gurauan dari segi *language* menggunakan teknik *Pun* iaitu dengan memainkan kata-kata. Rasulullah SAW bijak memainkan kata-kata sebagai gurauan untuk menenangkan Abu Bakar r.a yang sedang marah. Seterusnya dalam hadith ini juga menerangkan cara-cara menenangkan seseorang melalui gurauan atau jenaka secara lisan. Ini dapat dilihat Rasulullah SAW menenangkan Abū Bakr dengan kata-kata gurauan dengan ungkapan «فَعْلَنَا فَعْلَنَا فَعْلَنَا» yang bermaksud “kami telah lakukan, kami telah lakukan

Kemudian dalam hadith kedua menggunakan teknik *Repartee* jenaka bijak secara verbal. Ini dapat dilihat dalam jenaka Rasulullah SAW

¹⁹⁴ Ibid.

«إِنَّ حَامِلُوكَ عَلَىٰ وَلَدِ نَاقَةٍ» Pindahkan barang-barangmu dengan anak unta sahaja”

membawa maksud gurauan atau jenaka Rasulullah SAW. tentang anak unta sebenarnya adalah unta. Sebelum digelar unta maka digelar dulu anak unta maka unta yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW adalah unta dewasa bukan anak unta yang kecil secara langsung.

«كُلُّكَ» dalam Sharh Sunan Abū Dāwūd menerangkan kata-kata jenaka Rasulullah SAW sebagai tindak balas kepada persoalan yang bersifat gurauan oleh ‘Aūf dan tidak bermaksud kepada sesuatu yang serius¹⁹⁵.

Hadith ketiga menggunakan teknik *Repartee* iaitu sejenis jenaka yang digunakan secara verbal yang mana kebiasaan teknik ini digunakan untuk membalas jenaka pertanyaan orang lain secara bijak.

«مَا هَذَا يَا عَائِشَةُ؟» adalah pertanyaan Rasulullah SAW yang bersifat gurauan¹⁹⁶.

Oleh itu, pengkaji mendapati bentuk gurauan atau jenaka yang dilakukan oleh Rasulullah SAW termasuk dalam kategori *language* dari segi teknik outwitting iaitu jenaka yang dilakukan dengan melontarkan pertanyaan atau tindak balas. Gurauan atau jenaka dengan teknik outwitting boleh dilakukan untuk memulakan percakapan dengan seseorang.

Seterusnya bagi kategori *logic*, sebanyak sembilan hadith direkodkan. Contoh hadith seperti hadith lapan iaitu tentang «تَأْكُلُ تَمْرًا وَبَكَ رَمْدُ؟» yang dengan mengatakan ia adalah gurauan atau jenaka Rasulullah SAW dengan sahabat beliau, Suhaib¹⁹⁷. Pengkaji

¹⁹⁵ Ibid., 1:2

¹⁹⁶ Ibid.

¹⁹⁷ Ibid.

mendapati bentuk gurauan atau jenaka yang dilakukan oleh Rasulullah SAW termasuk dalam kategori *logic* dari segi teknik coincidence iaitu jenaka yang dilakukan berdasarkan sesuatu yang kebetulan dan tidak disangka. Gurauan seperti ini tidak dilarang malah diharuskan kerana dapat merapatkan hubungan. Dibolehkan dengan gurauan yang dapat mengeratkan silaturahim dan tidak menyakiti hati.

Kemudian, bagi kategori *identity* hanya terdapat satu hadith yang menggunakan teknik yang terdapat dalam kategori ini seperti larangan ketawa disebabkan kentut kerana suatu perbuatan yang memalukan dan tidak baik.

Dalam hadith diatas, bentuk gurauan yang dilarang oleh Rasulullah termasuk dalam bentuk *Identity* dengan penggunaan teknik embarrassment iaitu sesuatu yang memalukan orang lain.

Seterusnya, dalam kategori action mencatatkan lima hadith. Contoh yang terdapat dalam hadith 18, Hadith ini menunjukkan kepada setiap orang yang mempunyai hobi kegemaran yang tidak menyibukkanya dan melalaikan dia dengan sesuatu walaupun keinginannya besar sehingga syurga dan segala apa yang ada didalamnya, tidak melupakan kecintaan lelaki ini untuk menanam maka dia meminta kepada tuhannya.¹⁹⁸

Disini dapat dilihat bentuk tarbiah dan akhlak Rasulullah SAW dalam menjawab dan melayani pertanyaan orang yang menyoalnya dalam majlis ilmu. Rasulullah SAW tidak marah bahkan tersenyum manis. Ini menunjukkan tingginya budi pekerti dan santunnya Baginda SAW.

Bentuk gurauan yang terdapat dalam hadith di atas termasuk dalam kategori *action* namun *action* yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dengan hanya tersenyum. Tersenyum merupakan salah satu teknik gurau senda dari segi perbuatan.

¹⁹⁸ Hamzah Muhammad Qasim. *Manār al-Qārī Sharh Mukhtasar Ṣaḥīḥ Bukhari*, (Damshik: Maktabah Dār al-Bayān, 1990) 3:337.

Untuk gambaran yang lebih jelas dan mudah, pengkaji datangkan penerangan dalam bentuk jadual seperti di bawah;

Bil	Kategori Humor	Matan Hadith	Teknik Humor
1.	<i>Language</i>	قَدْ فَعَلْنَا قَدْ فَعَلْنَا	<i>Pun</i>
		إِنَّا حَابِلُوكَ عَلَىٰ وَلَدِ نَاقَةٍ	<i>Repartee</i>
		أَكْلَيْ يَا رَسُولَ اللَّهِ	<i>Repartee</i>
		فَرِسْ لَهُ جَنَاحَانِ	<i>Outwitting</i>
		يَا أَبَا عُمَيْرٍ مَا فَعَلَ النُّعَيْرِ	<i>Outwitting</i>
		يَا ذَا الْأَذْنَيْنِ	<i>Irony</i>
		آتَ هِيَهُ؟ لَقَدْ كَبِرْتِ، لَا كَبِيرَ سِنُّكِ	<i>Misunderstanding</i>
2.	<i>Logic</i>	ثُلَّكُلُنْ تَمَرَا وَبَكَ رَمَدْ	<i>Coincidence</i>
		مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُشَاكُ شَوْكَةً	<i>Malicious Pleasure</i>
		فَإِنَّمَا كَنْتُ أَمْرَخُ مَعْكُمْ	<i>Irrevent Behaviour</i>
		كُنْتُ عِنْدَ النَّحَاشِيِّ فَقَرَأَ ابْنُ لَهَ آيَةً	<i>Irrevent Behaviour</i>
		وَيْلٌ لِلَّذِي يُحَدِّثُ فَيُكَذِّبُ لِيُضْحِكَ بِهِ الْقَوْمُ	<i>Irrevent Behaviour</i>
		أَنَا زَعِيمٌ بِبَيْتٍ فِي رَضْنِ الْجَنَّةِ	<i>Malicious Pleasure</i>
		لَا يَجِدُ لِمُسْلِمٍ أَنْ يُرُوغَ مُسْلِمًا	<i>Malicious Pleasure</i>
		ثَلَاثٌ جَدُّهُنَّ جَدٌّ، وَهَرُونٌ جَدٌّ	<i>Irrevent Behaviour</i>
3.	<i>Identity</i>	لَمْ وَعَظَمُوهُمْ فِي الصَّحَاحِ مِنَ الضَّرَّطَةِ	<i>Embarassment</i>
		أَنَّ رَجُلًا مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ اسْتَأْذَنَ رَبَّهُ فِي الرَّزْعِ	<i>proper</i> ¹⁹⁹
4.	<i>Action</i>	أَنَّ رَفَاعَةَ الْقُرْطَيِّ طَلَقَ امْرَأَتَهُ فَبَثَ طَلَاقَهَا	<i>Proper</i>
		تَعَمَّ، إِذَا رَأَتِ الْمَاءَ	<i>proper</i>
		وَأَقَلَ الصَّحَاحَ، فَإِنَّ كُثْرَةَ الصَّحَاحِ تُبَيِّثُ الْقُلُوبَ	<i>proper</i>

Sumber: Hasil analisis pengkaji

Kedua; *al-Mizāh* Rasulullah SAW dengan semua golongan tidak kira lelaki, wanita dan kanak-kanak, individu mahupun secara masyarakat, tua ataupun muda. Ini memperlihatkan kepada kita bahawa gurauan dibenarkan untuk semua dan merupakan perkara yang fitrah.

¹⁹⁹ Rasulullah *proper action in humor*

Ketiga; bentuk–bentuk yang terdapat dalam hadith-hadith *al-Mizāh* seperti berikut:

- i. Hadith-hadith yang di dalamnya *al-Mizāh* Rasulullah SAW di dalam bentuk kasih sayang dan kemesraan

Sifat kasih sayang dan kemesraan adalah satu daripada sifat yang ada pada Rasulullah SAW. Ada kalanya Baginda menzahirkannya melalui gurau senda dengan para sahabat sama ada lelaki, wanita atau kanak-kanak, secara penuh berhikmah. Dengan cara tersebut, para sahabat dapat merasakan betapa dekat Rasulullah SAW dengan mereka dan betapa mulianya akhlak Rasulullah SAW.²⁰⁰

- ii. *al-Mizāh* Rasulullah dalam bentuk Pendidikan (tarbiah)

Ini adalah antara tujuan besar gurau senda Rasulullah SAW bersama para sahabat Baginda. Adakalanya, hati manusia sukar menerima nasihat dan pelajaran melalui nasihat yang ditujukan secara terus kepada mereka. Namun, manusia mudah menerima nasihat sekiranya ia berlaku dalam suasana harmoni dan tenang.²⁰¹ Oleh sebab itu, gurau senda dijadikan salah satu medan memberi nasihat dan pelajaran yang berguna kepada para sahabat Baginda dan dapat diterima dengan baik. Inilah yang disebut sebagai berhikmah dalam memberi nasihat dan teladan.

- i. *al-Mizāh* dalam bentuk belas kasihan dan simpati

Seterusnya, pengkaji melihat terdapat bentuk belas kasihan dan simpati dalam guruan Rasulullah SAW. Sekiranya ada dalam kalangan para sahabat Baginda yang berada dalam keadaan sedih dan berdukacita, Rasulullah SAW akan mendatanginya dan menghiburkannya dengan gurau senda yang sangat berhikmah. Antara gurau senda Rasulullah SAW dalam bentuk ini dapat dilihat dalam hadith di mana Rasulullah SAW menghiburkan anak kepada Abu Talhah yang dipanggil Abu Umair yang baru kematian

²⁰⁰ Sheikh Muhd Mujahid, *Manisnya Tawa dan Gurau Senda Rasulullah SAW*, (Selangor: Must Read Sdn Bhd, 2014) 19

²⁰¹ *Ibid.*, 19.

teman permainannya iaitu seekor burung kecil berparuh merah. Tujuan gurauan Rasulullah SAW tersebut adalah untuk menzahirkan sifat kasih sayang dan simpati Baginda terhadap Abu Umair.²⁰²

Seterusnya, setelah meneliti hadith-hadith berkaitan dengan *al-Mizāh* yang pengkaji dapati secara umum ia sesuai untuk dijadikan garis panduan kepada para pendakwah dan umat Islam khususnya. Oleh itu berpandukan hadith-hadith di atas, pengkaji menyenaraikan beberapa garis panduan seperti berikut:-

1. Tidak ketawa atas penderitaan orang lain
2. Tidak berdusta atau berbohong dalam bergurau
3. Tidak bergurau dalam memberi arahan
4. Bersederhana dalam bergurau
5. Gurauan yang tiada unsur penghinaan terhadap agama Islam. (Tidak bergurau dengan ayat al-Qur'an, al-hadith dan sewaktu dengannya)
6. Tidak ketawa atau bergurau dalam hal-hal yang memalukan dan jijik
7. Tidak mempunyai unsur penghinaan
8. Tidak menakut-nakutkan Muslim yang lain.
9. Tidak bergurau dalam hal yang serius
10. Menggunakan bahasa yang sopan dalam berjenaka

2.6 Kesimpulan

Dalam bab ini, pengkaji berusaha memenuhi objektif kajian yang seterusnya iaitu menganalisis teks-teks hadith yang berkaitan *al-Mizāh*. Dalam bab kedua ini, terdapat 27 hadith direkodkan berkaitan dengan kajian pengkaji dalam *al-Kuttub al-Sittah*. Sebanyak 20 hadith yang berdarjat sahīh, 6 ḥasan dan 1 ḏa‘īf. Bilangan sifar dicatatkan untuk hadith yang tiada asal. Seterusnya, dari segi *Fiqh al-Hadith* menunjukkan *al-Mizāh*. Rasulullah SAW mempunyai etika dan larangan tertentu dalam mengaplikasikannya seperti tidak boleh berbohong dan berlebihan dalam bergurau senda. Keputusan dari analisis-analisis yang pengkaji dapati dari bab ini akan dilanjutkan dalam bab seterusnya untuk dilihat perkaitannya dalam penyampaian dakwah.

²⁰² Sheikh Muhd Mujahid. *Ibid.*, 19.

BAB TIGA

APLIKASI *AL-MIZĀH* DALAM PENYAMPAIAN DAKWAH DI MALAYSIA DALAM KALANGAN PENDAKWAH PILIHAN

3.0 Pendahuluan

Di dalam bab ketiga ini, pengkaji mengemukakan aplikasi *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah oleh pendakwah pilihan kajian. Pengkaji telah meletakkan beberapa kategori untuk melihat aplikasi *al-Mizāh* yang digunakan dalam dakwah secara ceramah atau kuliah dalam laman sesawang *YouTube*.

Dalam mengkaji aspek aplikasi *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah di Malaysia, pengkaji hanya menumpukan pendakwah terkenal dalam kalangan masyarakat dan media sosial, iaitu Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias, dan Ustaz Haslin Baharim sahaja. Pengkaji membuat pemerhatian secara rawak melalui ceramah-ceramah para pendakwah ini yang berlegar di laman sesawang *YouTube*, iaitu dari tahun 2012-2016, merangkumi keseluruhan 45 klip video.

3.1 Metode dalam Penentuan Sample dan Instrumen Kajian

Pengkaji telah memilih tiga orang pendakwah pilihan iaitu Ustaz Azhar Idrus (UAI), Ustaz Kazim Elias (UKE) dan Ustaz Haslin Baharim (UHB)²⁰³ sebagai sampel kajian setelah mereka melepassi beberapa syarat atau kriteria seperti berikut:

- i. Mengaplikasikan *al-Mizāh* di dalam kuliah atau ceramah agama.
- ii. Menghasilkan klip video ceramah atau kuliah yang mempunyai view count di *Youtube* lebih dari 300 ribu view.
- iii. Dikategorikan sebagai pendakwah selebriti kerana dikenali oleh masyarakat di Malaysia. Pendakwah Selebriti yang pengkaji maksudkan adalah mereka yang

²⁰³ Selepas ini pengkaji hanya menggunakan singkatan UAI, UKE dan UHB sahaja.

dikenali oleh masyarakat di Malaysia dengan penampilan mereka di televisyen dan radio, menghasilkan buku dan mempunyai kuliah atau jemputan ceramah yang sangat banyak dari tahun 2012-2016.

Manakala instrumen kajian yang digunakan dalam mengumpul data berbentuk aplikasi *al-Mizāh* dalam dakwah tertumpu kepada pemerhatian klip video-video di laman sesawang *YouTube* kerana laman ini merupakan media audiovisual dan media komunikasi yang paling popular digunakan terutama oleh generasi muda²⁰⁴, selain itu terdapat butang view count yang memudahkan pengkaji untuk membuat pemilihan pendakwah yang banyak mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam dakwahnya dengan menggunakan butang ‘search options’ dan memilih sort by ‘view count’.

3.2 Metode dalam Memilih dan Menganalisis Klip-klip Video Kajian


Dalam memilih klip-klip video kajian, pengkaji meletakkan tiga kriteria iaitu:

- i. Klip video kuliah atau ceramah yang disampaikan bermula dari 2012-2016
- ii. Klip video yang mencatatkan 300 ribu view count ke atas di laman sesawang *YouTube*
- iii. Klip video yang tidak berulang dan yang mempunyai unsur *al-Mizāh* sahaja.


Kemudian, setelah klip-klip video dipilih dan dicatatkan, pengkaji akan menganalisis klip-klip video tersebut berdasarkan kepada tiga bentuk utama iaitu;

1. Teknik *al-Mizāh* atau humor berdasarkan teknik yang dikemukakan oleh Arthur Asa Berger dalam 4 bentuk utama iaitu:

²⁰⁴ Norizah Aripin, et.al, “Youtube” Dan Generasi Muda Islam: Satu Pendekatan Kelompok Fokus Dalam Kalangan Pelajar Universiti, *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* 32 (2016) 165.



2. Metode dakwah yang meliputi bentuk, skop bidang, sasaran, tujuan dan medium bahasa dakwah yang digunakan oleh pendakwah pilihan kajian dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*.



3.3 Biodata Responden Pendakwah yang dipilih sebagai sample kajian

Seterusnya, pengkaji telah memilih tiga pendakwah pilihan yang telah memenuhi dan bertepatan dengan kriteria yang pengkaji gariskan di atas. Pendakwah pilihan tersebut ialah Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias dan Ustaz Haslin Baharim. Disini pengkaji sertakan biodata diri pendakwah-pendakwah pilihan kajian.

3.3.1 Ustaz Azhar Idrus

Ustaz Azhar Idrus dikenali juga dengan ringkasan nama UAI lahir 12 Februari 1964 di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Mempunyai tiga orang isteri dan tujuh orang anak.²⁰⁵

Ustaz Azhar Idrus mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Hj. Mohd Sharif, Alor Star, Kedah. Selepas tamat pengajian di peringkat rendah, beliau menyambung pengajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Darulaman, Alor Star, Kedah sampai ke tingkatan 2. Apabila beliau memasuki ke tingkatan 3, beliau berpindah ke negeri kelahirannya di sekolah Inggeris, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu sampai tamat pengajian tingkatan 6.²⁰⁶

Beliau mulai belajar agama sekitar tahun 1990 setelah rakan muziknya menghilang dan belajar agama di Patani. Sejak itu beliau mula belajar secara talaqqi lebih kurang dengan lapan orang guru dalam tempoh 12 tahun. Antara guru beliau ialah Tuan Guru Hj Syed Mokhtar; (40 buah kitab-kitab jawi secara talaqi); Tuan Guru Mohd Tahir (Khatam kitab jawi juga lebih kurang 26 tahun); Tuan Guru Mohd Hakim (Nahu, Sorof, Usul Fiqh, Mustolah Hadith, Usul Quran dan Balaghoh); Tuan Guru Hj Hasyim (Nahwu, Sorof, Fiqah, Tafsir dan Faraidh); Tuan Guru Hj Ibrahim Mesir (Sirah Nabawi dan

²⁰⁵Azhar Idrus. *Anda Bertanya Ustaz Azhar Idrus Menjawab Berkenaan Permasalahan Semasa*. (Selangor: PTS Islamika. 2011) Biodata Penulis.

²⁰⁶ Ustaz Azhar Idrus menceritakan di dalam kuliah beliau. Lihat Ustaz Azhar Idrus, “Pengalaman Ustaz Azhar Idrus Mendalami Agama” laman sesawang *YouTube HambaFaqir Channel*, dicapai 3 Oktober 2017, <https://www.youtube.com/watch?v=w-GCYItRgyY>.

Lughah Arabiyah); Tuan Guru Hj Muhammad Zubir (ilmu Fiqh & Nahu) dan Tuan Guru Hj Mohd Zain (Pondok Lubuk Pandan, Wakaf Tapai - ilmu Fiqh, Nahwu, Sorof, Tafsir dan Balahgoh)²⁰⁷.

Ustaz Azhar pernah menjadi seorang guru muzik pada tahun 1985²⁰⁸. pernah bekerja dengan Utusan Malaysia cawangan Kuala Terengganu sebagai artis grafik. Selepas berkahwin seminggu pada tahun 1990, Ustaz mengambil keputusan berhenti kerja dan bekerja sebagai mencanting batik dan ketika inilah beliau mempelajari bidang ilmu agama secara bersungguh-sungguh.²⁰⁹

Beliau juga menghasilkan buku yang bertajuk ‘Anda Bertanya Ustaz Azhar Idrus Menjawab Berkenaan Permasalahan Semasa’. Selain itu, filem lakonan beliau Ustaz, Mu Tunggu Aku Datang! Di bawah terbitan Metrowealth Pictures. 2013.

3.3.2 Ustaz Kazim Elias

Ustaz Mohammad Kazim bin Elias dilahirkan di Kampung Paya, Batu Kurau, daerah Selama, Perak pada 28 November 1972. Beliau merupakan anak ke 7 dari 9 adik beradik. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Tok Sajak, Batu Kurau Perak. Kemudian menyambung persekolahannya di Sekolah Kebangsaan Seri Besout, Felda Gunung Besout 1, Sungkai, Perak. Menyambung persekolahan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Besout di Felda Gunung Besout 1. Oleh kerana minatnya yang mendalam di dalam bidang agama, beliau telah memohon dan berjaya memasuki Sekolah Agama Syubbaniah, Batu Kurau selepas tingkatan 5 dan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia. Beliau kemudian menyambung pembelajarannya di Maahad Tahfiz

²⁰⁷ *Ibid.*,

²⁰⁸ Diceritakan oleh beliau sendiri dalam kuliah beliau. Lihat Ustaz Azhar Idrus, “Sejarah kehidupanku” laman sesawang YouTube *Syahiruldotcom*, dicapai 3 Oktober 2017, 2017 <https://www.youtube.com/watch?v=VEhXbJCdehk>.

²⁰⁹ Wawancara beliau bersama Majalah Anis. Lihat “*Di Sebalik Fenomena Ustaz YouTube*” Majalah Anis bilangan 175 Mac 2012, 33.

al-Qur'an & Qiraat Negeri Perak di Masjid Negeri Perak sehingga mendapat Diploma Tahfiz al-Qur'an.²¹⁰

Setelah menamatkan pengajian di Maahad Tahfiz al-Qur'an & Qiraat Masjid Negeri Perak, beliau mula mengajar sebagai guru sambilan di Maahad Tahfiz al-Qur'an Addin, Tualang Sekah, Malim Nawar, Perak pada tahun 1993. Disamping itu juga beliau telah dijemput untuk menjadi pensyarah di Pusat Perkhidmatan Keluarga Cawangan Negeri Perak iaitu pusat kaunseling keluarga pada tahun 1994. Di pusat inilah beliau mula didekah dengan pelbagai karenah dan permasalahan keluarga. Namun walaupun dalam usianya yang muda itu, pendekatan rohaniah dan agama yang digunakan beliau mampu untuk menyelesaikan isu & masalah keluarga dan melalui kejayaannya di situ, beliau telah dilantik untuk menjadi pengarah bagi pusat kaunseling tersebut pada tahun 1996. Selain itu juga beliau adalah merupakan Imam untuk Masjid al-Aulia yang terletak di jalan Kuala Kangsar, Ipoh, Perak sehingga tahun 2001.²¹¹

Walaupun telah bermula berdakwah pada awal tahun 1990 secara kecil kecilan di surau-surau dan madrasah, namun kegiatan dakwahnya mula mendapat sambutan yang luas apabila menubuhkan sebuah pusat dakwah yang diberi nama Sedaya Irham pada tahun 2001. Beliau yang juga merupakan Pengarah Urusan pusat itu juga mula berjinak dalam dunia perniagaan di mana beliau telah mula menjual produk-produk kesihatan dan keperluan muslim di pusat operasi Sedaya Irham di Jalan Tun Abdul Razak Ipoh. Sedaya Irham dan nama Ustaz Kazim mula mendapat perhatian masyarakat yang tertarik dengan ceramah dan hala tuju pusat kelolaannya itu. Atas kesungguhan beliau mengurus tadbir Sedaya Irham dan kekuatan usahanya untuk meluaskan syiar Islam, beberapa penduduk yang prihatin dengan perjuangan Ustaz Kazim dan bersama Ustaz telah menubuhkan

²¹⁰ Wawancara beliau bersama Majalah Anis. Lihat "Dugaan Sakit Peneguh Kasih Ustaz Kazim Elias dan Isteri" Majalah Anis bilangan 171 November 2011, 17.

²¹¹ *Ibid.*,18

sebuah pusat pendidikan Islam di sebuah lokasi di Kg Manjoi Ipoh Perak yang dinamakan Pusat Pendidikan al-Barakah pada tahun 2005.²¹²

3.3.3 Ustaz Haslin Baharim

Ustaz Haslin Baharim adalah pendakwah dan penceramah bebas yang terkenal yang berasal dari Taiping Perak yang lahir pada 1969²¹³. Bersekolah di Sekolah Rendah dan Menengah Gajah Madi, Pokok Sena, Kedah. Selepas SPM beliau mencari pekerjaan dengan keputusan SPM pangkat tiga. Beliau merupakan graduan lulusan Universiti Islam Abu Bakar, Karachi, Pakistan dalam bidang Pengajian Islam dan Pengajian Hadith²¹⁴. Merupakan kolumnis Metro Ahad sejak 2014 hingga kini menerusi segmen Zikir Zindagi²¹⁵. Isteri beliau bernama Hawa Mahmud. Beliau mempunyai 7 orang anak, 5 lelaki dan 2 perempuan yang diberi nama bermula dengan huruf H semuanya iaitu Huzaifah, Hanzolah, Harithah, Humaimah, Hazim, Hadilah dan Hatim.²¹⁶ Beliau terkenal dengan jolokan ‘*Ustaz Bollywood*’ dan terkenal dengan ‘*Zikir Zindagi*’ sehingga merakamkan album nasyid pertama beliau yang bertajuk ‘*Zikir Zindagi*’ dengan kerjasama Unicdotmy Pro Sdn Bhd.²¹⁷ Beliau mampu membaca al-Quran dalam pelbagai nada termasuk irama lagu Hindustan. Beliau sering muncul dalam rancangan televisyen tanyalah Ustaz di tv9 dan pernah mempunyai program TV sendiri iaitu ‘*Anta Tanya Ana Jawab*’ di astro Oasis. Beliau juga merupakan Duta Produk Qaseh Gold di bawah syarikat Nur Qaseh Network. Selain itu, beliau juga merupakan seorang pengkaji buku yang bertajuk ‘*Indahkanlah Akhlakmu- Titipan Rasulullah SAW Buat Wanita*’.

²¹² *Ibid.*,19

²¹³ Ustaz Haslin Baharim “Latar Belakang Ustaz Bollywood” laman sesawang YouTube Gedung Ilmu, dicapai 3 Oktober 2017, <https://www.youtube.com/watch?v=9tY3gr4AViA>.

²¹⁴ Diceritakan oleh beliau sendiri di kuliah beliau. Lihat “Ustaz Haslin (Bollywood)-Sejarah Beliau” laman sesawang YouTube Mediaalfatah dicapai 3 Oktober 2017 <https://www.youtube.com/watch?v=EMoHHKpiVi4>.

²¹⁵ Harian Metro 4 November 2016, Ustaz Bollywood sakit belakang, lihat laman sesawang Harian Metro diakses pada 5 September 2017.<https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20161104/281599535059972>.

²¹⁶ Diambil di laman sesawang Facebook Ustaz Haslin Baharim (Official).

²¹⁷ www.utusan.com.my

3.4 Aplikasi *al-Mizāh* dalam Dakwah Pendakwah Pilihan

3.4.1 Analisis klip video yang disampaikan dari Tahun 2012-2016

3.4.1.1 Ustaz Azhar Idrus

Berdasarkan carian yang telah dilakukan, bagi tahun 2012-2016, terdapat 25 video kuliah dan ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Azhar Idrus yang menjadi subjek kajian. Berikut adalah senarai tajuk video kajian di youtube yang mencapai view count lebih 300 ribu:

Jadual 3.1: Senarai Tajuk Video Ustaz Azhar Idrus

No.	Tajuk	Bilangan tontonan (View Count)	Tarikh dimuat naik	Pemuat naik	Durasi
1	Hukum Tertelan Mani Suami/Isteri ²¹⁸	lebih 4 juta	26 Ogos 2012	HambaFaqir Channel	8:46
2	Bolehkan Tidur Berbogel? Emm Pulok Dooohh ²¹⁹	lebih 2 juta	25 April 2013	HambaFaqir Channel	0:58
3	Zizan Raja Lawak Menangis Dengar Ceramah Ustaz Azhar Idrus.!Ambil Wuduk Bogel ²²⁰	lebih 1 juta	26 Jan 2012	Ramadhan84TV	4:49
4	Ustaz Azhar Idrus (Gelak Sampai Nangis hehe) ²²¹	lebih 1 juta	16 April 2013	koleksi Ustaz azhar idrus	1:33
5	Kenapa Perempuan Suka Pakai Ketat??'Mung Always Sexy!' ²²²	lebih 1 juta	20 Mac 2014	HambaFaqir Channel	7:37
6	Tiga Bulan Kahwin Masih Dara. 'Tongkat Ali 2 Minit' ²²³	Lebih 1 juta	5 November 2012	HambaFaqir Channel	7:07
7	Isteri Ketagih 'Main' dengan Lelaki Lain kerana Suami Mati Pucuk ²²⁴	Lebih 1 juta	26 Ogos 2012	HambaFaqir Channel	4:07
8	Malam Pertama ²²⁵	Lebih 1 juta	31 Mac 2015	Mohamad Hafiz	6:25
9	Bini Malas Jimak 'Sudoh Daahh???' ²²⁶	Lebih 1 juta	3 Jun 2012	HambaFaqir Channel	4:29
10	Guna Minyak Lintah Untuk Bersetubuh. 'Power Wanita' ²²⁷	Lebih 1 juta	31 Oktober 2012	HambaFaqir Channel	5:29
11	Nyunyunyunyunyut! Proses Keluar Air Mani ²²⁸	Lebih 1 juta	11 Mac 2012	HambaFaqir Channel	1:36

²¹⁸Ustaz Azhar Idrus, Dicapai pada 20 September https://www.youtube.com/watch?v=KL4fg_O6NbQ

²¹⁹ Ibid., <https://www.youtube.com/watch?v=0ItGviQvYO>

²²⁰ Ibid., <https://www.youtube.com/watch?v=nHrBElb5DOU>

²²¹ Ibid., https://www.youtube.com/watch?v=ZBIwnv_f9UQ

²²² Ibid., <https://www.youtube.com/watch?v=0ItGviQvYOE>

²²³ Ibid., <https://www.youtube.com/watch?v=Dqz2GqfPlaA>

²²⁴ Ibid., https://www.youtube.com/watch?v=wLfQ_5XX06M

²²⁵ Ibid., <https://www.youtube.com/watch?v=BBvjdhEcEi4>

²²⁶ Ibid., <https://www.youtube.com/watch?v=XXTCxsMGj3I>

²²⁷ Ibid., <https://www.youtube.com/watch?v=XXTCxsMGj3I>

²²⁸ Ibid., <https://www.youtube.com/watch?v=x-bJNaaQ8fl>

12	Isteri Kuat ‘Stamina’ Selalu Marah Kerana tak Puas ²²⁹	Lebih 1 juta	23 November 2012	HambaFaqir Channel	2:20
13	RXZ vs KAHWIN- lawak habis!!! ²³⁰	Lebih 1 juta	24 Oktober 2012	wan15143	5:43
14	Hukum Suami Isteri Bercium Mulut. ‘Tok Imam Keluar Belon’ ²³¹	Lebih 1 juta	11 Ogos 2012	HambaFaqir Channel	2:40
15	Adat Kahwin. ‘Dulu Molek Sekarang Dok Molek’ ²³²	Lebih 900 ribu	4 September 2013	HambaFaqir Channel	6:39
16	Tabiat Suka Tengok Perempuan. ‘Bukan Tabiat Mu Saje’ ²³³	Lebih 900 ribu	18 Ogos 2013	HambaFaqir Channel	8:40
17	Isteri Buat ‘Luv Bite’ Di Leher Suami ²³⁴	Lebih 900 ribu	17 Mei 2012	HambaFaqir Channel	4:15
18	Makmun was-was ‘Takbir Ultraman’ ²³⁵	Lebih 700 ribu	21 Julai 2012	HambaFaqir Channel	4:30
19	JKKK ugut Pok Mat ²³⁶	Lebih 600 ribu	20 Dec 2012	Kuliah Tv	10:29
20	Apa nak buat bila Nampak Hantu? ²³⁷	Lebih 600 ribu	22 Julai 2015	Galeri al-Mizan Official	15:25
21	Mulut Ternganga Tertelan air Hujan ²³⁸	Lebih 600 ribu	6 Ogos 2012	HambaFaqir Channel	6:11
22	Apa Hukum Rampas Awek Orang Lain? ²³⁹	Lebih 500 ribu	10 Ogos 2012	Kuliah Tv	7:15
23	Perempuan 15K Gila ke ape? ²⁴⁰	Lebih 400 ribu	22 Julai 2014	Ceramah UAI mantop	4:22
24	Kentut Tahap Kronik 142 Kali ²⁴¹	Lebih 300 ribu	12 Mac 2013	HambaFaqir Channel	3:12
25	Jubah Tok Imam Masuk Celah Punggung ²⁴²	Lebih 300 ribu	29 Mac 2013	HambaFaqir Channel	1:15

Sumber: Hasil Penelitian Observasi Pengkaji

Bentuk teknik yang terdapat dalam aplikasi *al-Mizāḥ* dalam penyampaian dakwah UAI adalah seperti berikut:

1. *Sexual allusion*

²²⁹ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=bwdlGs6y0f8>

²³⁰ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=0VizR6x8Rxo>

²³¹ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=ChgwpcNL6Ns>

²³² *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=DZuIZ1G1Bvs>

²³³ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=WXcHHKVOexo>

²³⁴ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=0kZyWrHXIQw>

²³⁵ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=YM3RjLoVw40>

²³⁶ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=7AUTDeaFNpI>

²³⁷ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=6277jAUIG6g>

²³⁸ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=LJw2EAAaBN8>

²³⁹ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=CRqFrEIHR9M>

²⁴⁰ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=UWzpjaZJoQ8>

²⁴¹ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=F6d3WsadBYk>

²⁴² *Ibid.*, https://www.youtube.com/watch?v=EagqSd_BcM8

Sexual allusion ialah teknik yang membuat referensi atau sindiran yang ditujukan kepada hal-hal yang bersifat seksual atau nakal. Teknik ini terdapat dalam klip video bertajuk *Hukum Tertelan Mani Suami atau Isteri*. Pada minit ke 1:26 hingga 1:34: “*dia tak jamah bini dia bila baik bini, dia pun latah, dia nk dengar ber ber*” . Ustaz mengulas mengenai nikmat hubungan suami isteri selain daripada nikmat seks. Minit ke 1:41 hingga 1:43 “*dia tokse dengar, dia senyap duk dale ngobok dia raba je*” Minit ke 3:20 hingga 3:34: “*haa, biar main tepi je, jage baik takut bok jatuh dalam tu, tak leh kire, doh mung tanye, aku jawab*” Pada minit ke 6:32 hingga 6:56: “*kabo doh kang tadi, jimak duk buleh, dubur pun dop buleh, tempat lain banyak lagi kan, side mirror, bumper depan, bumper belakang*” dan Minit ke 7:45 hingga 8:28: “*kita wat isteri kita kiasan macam motorsikal, isteri motorsikal, suami pemilik motorsikal, ada orang nak naik motorsikal start dulu baru naik, ada orang tongkat dua dulu baru start, ada orang start dulu baru tongkat, ada orang start doh turun balik, ada orang duduk saje tak start-start*”

Kemudian di dalam klip video bertajuk *Guna Minyak Lintah Untuk Bersetubuh ‘Power Wanita’* juga terdapat teknik *sexual allusion* yang dapat dilihat pada minit ke 1:48 hingga 1:52: “*orang luar panggil mati pucuk, orang ganu panggil; dok rok cetong*” 2:28 hingga 2:40: Ustaz menerangkan perbandingan nafsu batin lelaki dan perempuan “*orang puang napok lembik gitu, nyandar di mesin nyor, jangan tengok gitu, oo hero tu, orang laki jenis ‘bereh boh, bereh’ tok dae 3 minit sudoh*”

2. *Outwitting*

Outwitting ialah teknik jenaka dengan mengalahkan seseorang dengan melontarkan pertanyaan atas pertanyaannya. Teknik ini terdapat dalam klip video kedua dan ketiga yang memaparkan jawapan kepada soalan mad’u yang dijawab secara jenaka yang bijak. Klip video bertajuk “*Bolehkah Tidur Berbogel? Emm Pulok Dooohh*” Minit ke 0:17 hingga 0:22: Ustaz menjawab soalan mad’u tentang hukum tidur berbogel

“hukumnya haram berdosa besar tido berbogel di masjid kalu duk sorang ikut mung”

Dalam klip video bertajuk “*Zizan Raja Lawak Menangis Dengar Ceramah Ustaz Azhar Idrus.!!- Ambil Wuduk Bogel*” Pada minit ke 0:20 hingga 1:17: Ustaz menjawab soalan mad’u yang dibaca oleh Zizan *“hukumnya haram dan berdosa besar dan kena laknat seperti amik wuduk bogel di kolah-kolah masjid kerana orang tengok aurat dia, (contoh) dia Tok Bilal, dia gi amik wuduk dalam keadaan bogel orang tengok angry bird dia.*

3. *Anthropomorphism*

Anthropomorphism ialah teknik jenaka dengan merujuk kepada benda atau binatang kepada manusia. Teknik ini dapat dilihat dalam klip video bertajuk *Ustaz Azhar Idrus (Gelak Sampai Nangis hehe)*. Pada minit yang 0:02 hingga 1:00: Ustaz bertanya: *“sapa nak panjang umur kalau nak berapa nak? Ada hadirin menjawab 100 lalu Ustaz ketawa nak menjawab “150 nak umur, nangis aku, sedih. 100 pun mace bewok doh jalang, nak 150 tergamak dia”*

4. *Imitation*

Imitation ialah teknik jenaka dengan meniru penampilan seseorang atau gerakan sambil tetap menjaga identiti dirinya. Teknik *imitation* dapat dilihat di dalam klip video bertajuk *Kenapa Perempuan Suka Pakai Ketat?? 'Mung Always Sexy!* pada minit yang ke 2:37: Ustaz meniru gaya seorang nenek berusia 70 tahun memakai gincu. Kemudian teknik ini juga terdapat dalam klip video bertajuk *Isteri Ketagih ‘Main’ dengan Lelaki Lain kerana Suami Mati Pucuk*. Pada minit ke 2:08: *melainkan dia nak walaupun dia tahu mati pucuk* (contoh, Ustaz meniru suara seorang ibu bertanyakan anak perempuannya) *“mek eh, hok mung nok nikoh male esok, abe Leh tu mati pucuk”* *“biarlah hok mati pucuk tu hok kito nok”*

5. *Pun*

Pun adalah teknik jenaka dengan sindiran menjadi makna yang berganda. Teknik *pun* dapat dilihat dalam klip video bertajuk *Kenapa Perempuan Suka Pakai Ketat??' Mung Always Sexy!* Pada minit ke 3:53: “*Mung always sexy*” 4:12: “*Orang laki tak de sexy, ada ke orang cakap ‘oo, sexy Tok Bilal, ada? Tak de*” 4:32: *Orang laki wat sexy? sexy dop? (contoh) tok siak tubik pasar malam pakai skirt baju ketat, gincu merah, buang tebiat.*

6. *Satire*

Satire ialah teknik jenaka dengan sindiran yang memalukan sesuatu perkara dan situasi yang dialami oleh masyarakat atau orang yang dikenali masyarakat seperti artis. Teknik *satire* dapat dilihat dalam klip video bertajuk *Kenapa Perempuan Suka Pakai Ketat??' Mung Always Sexy!* Minit ke 6:09 hingga 7:24: Ustaz menceritakan kisah tuk imam yang tua bernama tok ngah dan tok sue sambil meniru suara orang lelaki n perempuan tua. “*Tok ngah nak pergi tahlil, bini dia tok sue pakai sexy, bibir merah nyala dalam bilik, tok sue tanya tok ngah “nak gi ane abang haji” “nak gi tahlil” “mari lah tengok dulu ni” tok ngah gi lah tengok dale bilik tok sue gincu merah, eyeshadow hijau. Pakat tak gi terus tahlil*” Juga terdapat dalam Klip video bertajuk *Malam Pertama* terdapat pada minit berikut 0:13 hingga 0:25: Ustaz Azhar mengusik hadirin di depan dengan bertanyakan “*berapa kali jadi pengantin?*” lalu ada yang menjawab sekali dan Ustaz Azhar bergurau dengan mengatakan “*sekali je? Sekali lah lagi, jangan marah deh bukan gurau tu, serius*” 0:48: “*bukan bini mung je, bini JKJKK pun gitu*” 1:00 hingga 1:32: Ustaz meniru suara pengantin lelaki dan perempuan di malam pertama pernikahan dengan suara yang melucukan. “*Assalamualaikum*” si lelaki mengucapkan salam, “*Waalaikumsalam*” si perempuan menjawab dengan suara yang lembut. “*Leni gitu dop? Selepas 6 tahun, Assalamualaikum*” (suara lelaki) “*Waalaikumsalam*” (meniru suara perempuan yang garau) *jawab pun kasor je*” pada minit 1:52: “*buka sikit lagi, napok buku lali gelang kaki loceng aiskrim, keteng-keteng*” minit ke 3:55 hingga 4:23: “*dulu masuk tangan bawah*

bantal, seluk keluar ada daun pandan, wanginya. 6 tahun kahwin masuk tangan bawah bantal, sero lembik-lembik seluk keluar ada taik kucing”

Selain itu, klip video bertajuk *Bini Malas Jimak ‘Sudoh Daahh* juga memaparkan teknik satire yang dapat dilihat pada minit 2:02 hingga minit 2:30: Ustaz memberi contoh kepada dalil hadith iaitu isteri perlu melayani nafkah batin suami jika suami berkehendak walaupun semasa dia tengah memasak sekalipun “*Suami panggil Tijoh weih cepat sikit tak tahan doh ni. Isteri duk masok ketang ketung dapur wajib keno tinggal gi layan suami.*” Pada minit ke 3:35 hingga minit 4:00: “*Kelebihan orang puang ni pada nafsu batin dia. Napok jah lembik tapi dang dia nak lempar meja-meja. Suami napok je gagoh macam nak gi perang tapi 7 minit buat sudoh doh*”

7. *Peculiar face*

Peculiar face ialah teknik jenaka dengan membuat ekspresi wajah yang lucu. Klip video bertajuk *Bini Malas Jimak ‘Sudoh Daahh* juga memaparkan teknik *peculiar face* pada minit 3:25: “*misai mace kain tuala, pakat pulas gini* (menunjukkan cara pulas misai), *tiga minit siap*”

8. *Irony*

Irony ialah teknik jenaka dengan mengatakan sesuatu yang mempunyai banyak maksud. Teknik ini terdapat di dalam Klip video *RXZ vs Kahwin*. Pada minit ke 3.00 hingga 3:05: “*sapo laki-laki? Ayoh ko mok? Ayoh. Tak tahulah kalu ayoh pakai bra*” Minit 4:50 hingga 5:00: “*6 ribu? Baik aku beli RXZ baru, hari-hari boleh naik, yang ni ada hari tak leh naik’*”

9. *Embarrassment*

Embarrassment ialah teknik jenaka dengan menggunakan sesuatu yang memalukan. Teknik ini terdapat dalam klip video bertajuk *kentut tahap kronik, seminit*

142 kali pada minit ke 0:30: “kentut tahap kronik, seminit 142 kali dia kentut” dan pada minit 1:00: surau mana tu? Surau kentut.”

10. Parody

Parody ialah teknik jenaka dengan meniru gaya atau genre sastera atau media yang lain. Teknik ini terdapat dalam klip video bertajuk *Makmun Was-Was Takbir Ultraman*. Minit 1:25 hingga minit ke 1:43: Ustaz menceritakan tentang orang yang was-was dalam solat sambil membuat gaya “*Allahuakhabar, molek doh niat, bibir tertutup mulut Allahuakhabar pulop, 18 kali duk Allahuakhabar saje, tuk imam tahiyyat awal doh dia duk kekok lagi. Ni orang-orang molek wat persatuan was-was orang Malaysia, wat satu masjid, masjid was-was tuk imam pun was* (Ustaz buat gaya takbir ultraman). Teknik *parody* dapat dilihat apabila Ustaz membuat gaya seperti symbol ultraman.

11. Coincidence

Coincidence ialah teknik jenaka dengan suatu cerita yang berakhir dengan suatu yang tak terduga. Teknik ini dapat dilihat dalam klip video bertajuk *Hukum suami isteri bercium mulut ‘tok imam keluar belon* pada minit ke 2:10: “*pengantin gomen (cium mulut) terus depan tuk imam, tuk imam hok mati bini enam tahun doh, tubik belon terus kot hidung*”

Selain itu, juga terdapat dalam klip video bertajuk *Malam Pertama*. Unsur coincidence dapat dilihat pada minit ke 3:55 hingga 4:23: “*dulu masuk tangan bawah bantal, seluk keluar ada daun pandan, wanginya. 6 tahun kahwin masuk tangan bawah bantal, sero lembik-lembik seluk keluar ada taik kucing*”

3.4.1.2: Ustaz Kazim Elias

Jadual 3.2: Senarai klip video Ustaz Kazim Elias

No.	Tajuk	Bilangan tontonan	Tarikh dimuat naik	Pemuat naik	Durasi
1	Raja Lawak	Lebih 400 ribu	7 Jun 2012	740108yard	48:12
2	Hubungan Suami Isteri ²⁴³	Lebih 400 ribu	17 Jun 2012	740108yard	1:12:33
3	Ibu mertuaku ²⁴⁴	Lebih 400 ribu	17 Nov 2013	Azee Jazzy	22:17
4	Tengah sembahyang dengar ringtone Irwansyah ²⁴⁵	Lebih 300 ribu	24 Januari 2014	Greenboyz001	4:13
5	Kahwin Muda Bahagia atau Derita ²⁴⁶	Lebih 300 ribu	13 April 2012	Arief92	2:08:04
6	Disaat Kematian ²⁴⁷	Lebih 300 ribu	10 Ogos 2012	740108yard	1:00:05
7	Cara Halau Orang ²⁴⁸	Lebih 300 ribu	30 Oktober 2013	Jep rules	6:39
8	Ceramah Perdana Terbaru Ustaz Kazim Elias 2014 ²⁴⁹	Lebih 300 ribu	8 May 2014	Tentera Semut	1:53:05
9	Imam Baca Fatihah Laju Gila ²⁵⁰	Lebih 300 ribu	13 Julai 2014	Lensa Fareeth	5:34
10	Perangai Orang Perempuan	Lebih 300 ribu	17 April 2014	Zon Ustaz Kazim	7:58

Sumber: Hasil Penelitian Observasi Pengkaji

Dalam Jadual 3.2 di atas, terdapat sebanyak sepuluh klip video dari pelbagai durasi telah dicatatkan yang mencapai bilangan tontonan lebih dari 300 ribu tontonan.

Bentuk teknik *al-Mizāh* yang disampaikan oleh Ustaz Kazim Elias adalah seperti berikut:

1. *Satire*

Satire ialah teknik jenaka dengan sindiran yang memalukan sesuatu perkara dan situasi yang dialami oleh masyarakat atau orang yang dikenali masyarakat seperti artis. Teknik ini terdapat dalam klip video bertajuk *Perangai orang perempuan*. Pada minit ke 0:28 hingga 0:40: “*Satu bakul kain dia boleh seterika, dari berdiri sampai duduk bersila,*

²⁴³ Ustaz Kazim Elias, dicapai pada 22 September 2017
<https://www.youtube.com/watch?v=PKuhcbKzhRc>

²⁴⁴ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=wtvTFhNmEPY>

²⁴⁵ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=OgDTqYiJtzU>

²⁴⁶ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=OgDTqYiJtzU>

²⁴⁷ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=impw4C0Dpto>

²⁴⁸ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=lTFyMnkW89I>

²⁴⁹ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=QV5qeZSiFKw>

²⁵⁰ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=m7keL5qXI2U>

sampai tido sambil seterika kain, tidoo tuan-tuan”. “Apa seksa sangat ni mak? Untuk ayah kamu” Minit 0:42 hingga minit 1:02: dialog antara suami isteri. Suami: “Peah, ini borang tolong sign.” Isteri: “Borang apa ni bang?” Suami: “Abang ingat nak tambah satu lagi, madu untuk awak” Tunggulah malam nanti, diiron suami dia hingga hilang separuh kulit badan.

2. Irony

Irony ialah teknik jenaka dengan mengatakan sesuatu yang mempunyai banyak maksud. Teknik ini terdapat dalam klip video bertajuk *Hubungan suami isteri* Minit ke 1:58: *kita laki-laki tak pakai kopiah takpe, nak semayang kadang-kadang rambut terjuntai, dia minat kpop jadi bila nak rukuk rambut dia macam ni*

3. Imitation

Imitation ialah teknik jenaka dengan meniru penampilan seseorang atau gerakan sambil tetap menjaga identiti dirinya. Teknik ini terdapat klip video bertajuk *Tengah sembahyang dengar ringtone irwansyah*. ustaz meniru gaya remaja dengan rambut terjuntai dan gaya selak rambut. Selain itu, ustaz meniru gaya orang yang ingin menutup telefon bimbitnya dalam solat.

4. Bombast

Bombast ialah percakapan dalam nada tinggi rendah atau retorik. Teknik ini dapat dilihat dalam klip video bertajuk *Imam baca Fatihah Laju Gila* pada minit 0:12 hingga 0:30: “Ustaz, Imam kami semayang terawih cepat giler ustaz, orang giler pun tak laju macam ni.”

5. *Infantilism*

Infantilism ialah teknik dengan memainkan bunyi kata-kata. Teknik ini dapat dilihat dalam klip video bertajuk *Ibu Mertuaku* pada minit 5:50 iaitu perkataan “*Hek eleh*” dan pada minit 10:20 “*jarang-jarang, kadang-kadang*”.

6. *Peculiar voice*

Peculiar voice ialah teknik jenaka dengan membuat suara yang lucu. Teknik ini dapat dilihat apabila ustaz membuat suara wanita pertengahan umur di dalam klip video bertajuk *Imam baca Fatihah Laju Gila* pada minit ke 1:03: *ambil beg, ambil sejadah balik “Mana Leha? Balik!!”*(sambil membuat gaya perempuan menggalas beg tangan)

7. *Parody*

Parody ialah teknik jenaka dengan meniru gaya atau genre sastera atau media yang lain. Teknik ini terdapat di dalam klip video bertajuk *Imam baca Fatihah Laju Gila* pada minit 2:17: meniru gaya wanita yang angkat takbir sambil mengungkapkan Allahuakhbar secara berbisik. Selain itu, dalam klip video *Ibu Mertuaku*, ustaz meniru gaya lakonan P Ramlee dalam filem ibu mertuaku pada minit 15:28 hingga 17:17 tiru suara nyonya Mansur “*saudara kenapa saudara menangis di kubur ibu saya? teng, teng, teng, apa? Ibu saudara? Aku hairan kenapa dikau dijadikan manusia, kan lebih baik kau dijadikan haiwan?*”

3.4.1.3 Ustaz Haslin Baharim

Jadual 3.3 Senarai Video Ustaz Haslin Baharim

Bil	Tajuk	Bilangan tontonan	Tarikh dimuat naik	Pemuat naik	Durasi
1	Azan yang Seram ²⁵¹	Lebih 2 juta	12 Jan 2014	Zonkita zonkuliah	5:40
2	Bahana Facebook dan Porno ²⁵²	Lebih 600ribu	20 Nov 2012	Ikonoto2	43:54
3	Tok Imam baca fatihah, Makmum jadi sewel ²⁵³	Lebih 400 ribu	24 Mac 2013	TV Wau	2:14
4	Orang Perempuan Senang Masuk Syurga ²⁵⁴	Lebih 400 ribu	22 Jun 2012	zoothirAbdullah	26:00
5	Anak Isteri Yang Bertuah ²⁵⁵	Lebih 300 ribu	14 Dec 2012	cce31671	1:11:48
6	Oh Yeah ²⁵⁶	Lebih 300 ribu	10 Dec 2012	Wan15143	2:44
7	Sombong ²⁵⁷	Lebih 300 ribu	20 Nov 2012	EngkuHanan	2:45
8	Tak Mahu Anak Ramai ²⁵⁸	Lebih 300 ribu	20 Nov 2012	HambaFaqirChannel	19:12
9	Anak Muda Minat Agama.'Saya Ingat Ustaz Ganu Je Ramai!' ²⁵⁹	Lebih 300 ribu	22 April 2013	tintamusafir	6:50
10	Ustaz Haslin Bahrin Nyanyi Lagu Wali Band ²⁶⁰	Lebih 300 ribu	3 Feb 2014	UstazHaslin Baharim aka Ustaz Bollywood	1:45

Sumber: Hasil Penelitian Observasi Pengkaji

Jadual 3.3 di atas menunjukkan senarai video Ustaz Haslin Baharim di *YouTube* yang mencatatkan bilangan tontonan (view count) 300 ribu ke atas. Terdapat sepuluh video yang dicatatkan melepas syarat metode pendekatan yang digariskan oleh pengkaji.

1. Bombast

Bombast ialah teknik jenaka dengan percakapan yang menggunakan nada yang beralun, turun dan rendah atau kata-kata retorik. Teknik dapat dilihat dalam klip video yang bertajuk *Azan yang Seram*. Pada minit ke 0:41 di mana Ustaz Haslin memberi contoh

²⁵¹ Ustaz Haslin Baharim, dicapai pada 24 Sepetember 2017, <https://www.youtube.com/watch?v=0QrrdZPVcHA&t=156s>

²⁵² *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=WRO9AVteFP0&t=2234s>

²⁵³ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=eRIF66plQuI>

²⁵⁴ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=69fTHSxJ1z4>

²⁵⁵ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=nUVVb4AjWqc>

²⁵⁶ *Ibid.*, https://www.youtube.com/watch?v=2hZM_MmVI84

²⁵⁷ *Ibid.*, https://www.youtube.com/watch?v=2hZM_MmVI84

²⁵⁸ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=V9L1jFh2jOo>

²⁵⁹ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=LdjyNvLMeYE>

²⁶⁰ *Ibid.*, <https://www.youtube.com/watch?v=0wbxvgtW0B4>

azan dengan meniru suara sendawa dan bunyi kereta lumba formula one “*Allahuakbarrr berrrb*” dan pada minit ke 0:56 “*Allahuuuuu*” .

2. *Irony*

Irony ialah teknik jenaka dengan mengatakan sesuatu yang mempunyai banyak maksud. Teknik ini diaplikasikan dalam klip video yang bertajuk *Azan yang Seram*. Pada minit ke 2:29 kata-kata “*aku pakai merc je*” mendatangkan gelak ketawa para penonton dalam video tersebut. Seterusnya pada minit 4:09, Ustaz mengalunkan azan yang menyeramkan.

3. *Infantilism*

Infantilism ialah teknik jenaka dengan memainkan kata-kata. Teknik ini diaplikasikan dalam klip video bertajuk *Bahana Facebook dan Porno* pada minit ke 19:15 iaitu apabila Ustaz menggunakan perkataan “*forever, whatever, land rover*” kemudian pada minit ke 29:09 “*baby keluar bunyi ha, ha, ha*” kemudian pada minit ke 29:20 dengan kata-kata “*terkejut beruk doctor, kena sawang kucing jadinya*”.

4. *Pun*

Klip video yang bertajuk *Tok Imam baca fatihah, Makmum jadi sewel* mencatatkan bilangan tontonan sebanyak 400 ribu. Unsur pun dalam video ni tercatat pada minit 0:13 hingga 0:32 apabila Ustaz menyanyikan lagu 70 an seperti berikut: “*Abang sayang, abang di mana? Hati risau mengenang dikau, Abang sayang, hatiku risau. Lama tak jumpa, merantau. Dalam dalam rasa hati*” Kemudian pada minit yang ke 0:57, lagu rasa sayang hei didendangkan dan Ustaz mengatakan “*itu lagu mangkuk*” mendapati gelak tawa penonton. Pada minit ke 1:25 pula “*every baby bukan babi, masuk buaian laillahillah*” Ustaz mendendangkan zikir dengan nada lagu gong xi fa chai. Pada minit 1:29 hingga 2:03, Ustaz melarang membaca al-Fatihah dengan nada lagu Cindai “*Jangan dalam*

sembahyang buat lagu (baca fatihah rentak cindai), makmun belakang kata ‘mangkuk hayun betul tok imam ini” makmun belakang jadi sewel”

5. *Imitation*

Teknik ini dapat dilihat dalam klip video bertajuk *Orang Perempuan Senang Masuk Syurga* pada minit ke 0:15 hingga 1:04 Ustaz membacakan sebuah hadith dengan nada lagu Hindustan dan menterjemahkan dengan nada nasyid. Kemudian pada minit ke 2:16 hingga 2:45, Ustaz menceritakan ragam suami isteri dengan gaya bahasa yang melucukan. Beliau meniru mimik muka dan suara seorang isteri yang bekerja sementara suaminya suri rumah. Kata-kata beliau melucukan seperti berikut “*Dah balik dah yang? Haa dah balik dah*” “*Rajin sidai baju bang lang?*” “*Nak wat camne. Aku tak keje*”.

6. *Satire*

Satire ialah teknik jenaka dengan sindiran yang memalukan sesuatu perkara dan situasi yang dialami oleh masyarakat atau orang yang dikenali masyarakat seperti artis. Teknik ini dapat dilihat dalam klip video bertajuk *Orang Perempuan Senang Masuk Syurga* pada minit 4:36 pula Ustaz membuat jenaka tentang orang yang bernama Mashitah “*sapa yang ada anak nama Mashitah, tolong bagitahu dia buka salon*”. Minit 6:00 hingga 6:29 pula mencatatkan jenaka penceritaan tentang kisah Mashitah “*Boleh tak sekiranya kami meninggal, kami dikapangkan dalam kapan yang satu dan dikuburkan dalam lahang yang satu lalu Firaun menjawab* “*Baiklah yang penting awak mampus dulu*”. Kemudian pada minit 9:34-9:35 kata-kata Ustaz yang menarik perhatian gelak tawa penonton iaitu “*Jarang ada orang laki jadi pramugari berseluar pendek, burok benor, bulu betis macam beruk*”

7. Peculiar voice

Peculiar voice ialah teknik jenaka dengan membuat suara yang lucu. Teknik ini dapat dilihat dalam klip video bertajuk *Oh Yeah* pada minit ke 1:50 ustaz membuat suara seperti penyanyi rock dengan menyebut oh yeah.

8. Peculiar music

Peculiar music ialah teknik jenaka dengan membuat muzik yang lucu. Video bertajuk “Orang Perempuan Senang Masuk Syurga” pada minit ke 0:15 hingga 1:04 Ustaz membacakan sebuah hadith dengan nada lagu Hindustan dan menterjemahkan dengan nada nasyid. Seterusnya pada minit 3:19-4:07, Ustaz menceritakan tentang kisah kubur yang wangi dengan mendendangkan nasyid seperti berikut:

*Ketika Nabi diisrakkan Illahi, tercium wangi dari kubur di bumi
ditanya Jibril oleh kekasih Illahi “bau apakah ini” Lalu Jibril
berkata: “Ini lah bau wangi seorang penyikat rambut anak Firaun
dan anak-anaknya yang lain”*

3.4.2 Analisis metode dakwah yang digunakan dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*

Metode dakwah yang terdapat dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah UAI adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 3.4 Metode Dakwah dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*

Metode dakwah	UAI	UKE	UHB
Bentuk dakwah	Ceramah, kuliah agama	Ceramah, kuliah agama	Ceramah, kuliah agama
Skop bidang	Hubungan Suami isteri,Kemasyarakatan, perkara fardhu ain	Hubungan Suami isteri,Kemasyarakatan,perkara fardhu ain	Hubungan Suami isteri,Kemasyarakatan,perkara fardhu ain
Sasaran dakwah	Semua golongan	Semua golongan	Semua golongan
Tujuan	Sesi pengajaran, Menghilangkan mengantuk, Retorik dan Penyedap ceramah	Sesi pengajaran, Menghilangkan mengantuk, Retorik dan Penyedap ceramah	Sesi pengajaran, Menghilangkan mengantuk, Retorik dan Penyedap ceramah
Medium bahasa	Melayu (Terengganu)	Melayu (Perak dan Kedah)	Melayu (Perak dan Kedah) Urdu

Sumber: Hasil Penelitian Observasi Pengkaji

Jadual 3.4 berikut menunjukkan bentuk dakwah yang digunakan oleh UAI,UKE dan UHB dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah ialah ceramah atau kuliah agama yang disampaikan dalam satu majlis agama.

Dari segi skop bidang dakwah dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*, pengkaji mendapati skop bidang yang banyak UAI mengaplikasikan teknik *al-Mizāh* dalam skop bidang yang berkaitan hubungan suami isteri seperti klip video yang bertajuk *Malam Pertama*, kemasyarakatan seperti klip video bertajuk *JKKK ugut Pok Mat* dan perkara fardhu ain seperti klip video bertajuk *Ambil Wuduk Bogel*. Manakala UKE mengaplikasikan teknik *al-Mizāh* dalam skop bidang yang berkaitan hubungan suami isteri seperti klip video yang bertajuk *Hubungan Suami Isteri*, kemasyarakatan seperti klip video bertajuk *Cara Halau Orang* dan perkara fardhu ain seperti klip video bertajuk *Imam Baca Fatihah Laju Gila*. Seterusnya, skop bidang yang disampaikan UHB juga berkaitan dengan hubungan suami isteri seperti *Anak Isteri Yang Bertuah*, kemasyarakatan seperti *Bahana Facebook dan Porno*.

Seterusnya dari segi sasaran dakwah, pengkaji mendapati semua golongan dari kanak-kanak sampailah warga emas mendengar ceramah atau kuliah yang disampaikan UAI,UKE dan UHB berdasarkan soal selidik yang dijalankan oleh pengkaji pada Januari 2016 yang menunjukkan peratusan tertinggi dari kategori umur 30 hingga 39 tahun iaitu sebanyak 29% dan kedua tertinggi dari kategori umur 20 hingga 29 tahun iaitu sebanyak 27%²⁶¹.

Dari segi tujuan aplikasi *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah, pengkaji mendapati UAI, UKE dan UHB banyak menggunakan aplikasi ini dalam sesi pengajaran, menghilangkan mengantuk dan sebagai retorik atau penyedap ceramah yang disampaikan.

²⁶¹ Lihat lampiran soal selidik

Medium bahasa yang digunakan oleh para pendakwah memainkan peranan yang penting dalam menarik mad'u malah menjadi salah satu aspek dalam menghasilkan jenaka dalam ceramah dan kuliah agama. Berdasarkan metode observasi terhadap video-video ceramah dan kuliah di youtube, pengkaji mendapati medium bahasa yang digunakan oleh UAI majoriti ceramah dan kuliah beliau menggunakan dialek negeri Terengganu seperti ‘berat nanang’, ‘dok rok cetong’, ‘mung’, ‘orang puang’. Manakala medium bahasa yang digunakan oleh UKE majoriti ceramah dan kuliah beliau menggunakan dialek negeri Kedah dan Perak seperti ‘mahal gilerr’ ‘orang kate juge’ ‘kesian benor’ ‘hang’ . Akhir sekali, medium bahasa yang digunakan beliau ialah bahasa baku dicampur dengan bahasa Urdu seperti “mera nam kiya hei”. Selain itu beliau juga menggunakan bahasa perak dan kedah ‘hampa tukaq’ ‘suara bayaq’.

3.5 Kesimpulan

Dari hasil penelitian terhadap data klip video yang dikumpulkan dengan menggunakan kaedah *view count* di *YouTube* dapat disimpulkan bahawa teknik *al-Mizāh* yang banyak diaplikasikan oleh pendakwah pilihan kajian ialah teknik dalam kategori *language* dan kategori *identity*. Teknik dalam kategori *language* yang banyak diaplikasikan ialah teknik *irony*, *pun*, dan *satire* manakala teknik dalam kategori *identity* ialah teknik *imitation* dan *parody*. Dari segi metode dakwah yang digunakan dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*, ketiga-tiga pendakwah mempunyai persamaan dari segi bentuk, skop, sasaran dan tujuan dakwah manakala dari segi medium bahasa sahaja yang berbeza.

BAB EMPAT

ANALISIS PERBANDINGAN ANTARA APLIKASI *AL-MIZĀH* DALAM DAKWAH OLEH PENDAKWAH PILIHAN DENGAN PEMAHAMAN DARI PERSPEKTIF *FIQH AL-HADITH*

4.0 Pendahuluan

Dalam bab empat, pengkaji membuat analisis perbandingan antara penggunaan *al-Mizāh* dalam bidang dakwah oleh pendakwah pilihan yang mana pengkaji telah menerangkannya dalam bab sebelumnya dengan *fiqh al-Hadith* dalam bab kedua. Oleh itu, dalam analisis bab keempat ini, pengkaji akan menganalisis secara perbandingan aplikasi al-Mizah dalam kalangan pendakwah pilihan kajian dengan pemahaman tentang al-Mizah dalam perspektif *fiqh al-Hadith*.

4.1 Metode dalam melakukan Analisis Perbandingan

Dalam melakukan analisis perbandingan, pengkaji akan menganalisis perbandingan yang terdapat dalam aplikasi *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah oleh pendakwah pilihan dengan pemahaman dari perspektif *fiqh al-Hadith* dari dua sudut perbandingan iaitu dari sudut persamaan dan perbezaan. Pengkaji akan melihat dari aspek-aspek berikut:

3. Bentuk teknik *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah. Disini pengkaji akan melihat bentuk teknik *al-Mizāh* yang disampaikan oleh pendakwah pilihan di dalam bab ketiga mengikut 41 bentuk teknik yang dikemukakan oleh Asa Arthur Berger kemudian pengkaji akan membandingkan dengan *fiqh al-Hadith* sama ada teknik yang digunakan itu menepati ciri-ciri *al-Mizāh* dan etika yang digariskan dalam bab kedua berdasarkan *fiqh al-Hadith*.

4. Metode dakwah dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*. Ini meliputi bentuk dakwah, skop bidang, sasaran dakwah, tujuan dan medium bahasa yang digunakan dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah. Metode dakwah ini penting untuk melihat aplikasi *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah. Kemudian, pengkaji akan membandingkan metode dakwah yang digunakan dengan metode dakwah Rasulullah SAW dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*.

4.2 Analisis Perbandingan antara Aplikasi *al-Mizāh* Dalam Dakwah Oleh Pendakwah Pilihan Dengan Pemahaman Dari Perspektif *Fiqh al-Hadith*

4.2.1 Perbandingan bentuk teknik *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah

Jadual 4.1 Perbandingan teknik *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah

	Rasulullah SAW	UAI	UKE	UHB
Bentuk teknik	<i>Pun</i> <i>Irony</i> <i>Repartee</i> <i>outwitting</i>	<i>Sexual allusion, Outwitting, Anthropomorphism, Imitation, Pun, Satire, Peculiar Face, Peculiar Voice, Irony, Parody, coincidence</i>	<i>Satire, Irony, Imitation, Bombast, Peculiar Voice, Parody</i>	<i>Irony, Infatilism, Pun, Peculiar voice, peculiar music, peculiar sound, speed, Imitation, Satire,</i>

Sumber: Hasil Penelitian Observasi Pengkaji

Dalam jadual 4.1 diatas menunjukkan perbandingan diantara teknik *al-Mizāh* yang diaplikasikan oleh Rasulullah SAW dengan tiga pendakwah pilihan kajian iaitu UAI, UKE dan UHB. Persamaan bentuk teknik diantara Rasulullah SAW dengan ketiganya pendakwah ialah teknik *irony* yang diaplikasikan. Manakala bentuk teknik *Sexual allusion, Anthropomorphism, Imitation, Pun, Satire, Peculiar Face, Peculiar Voice, Irony, Parody, Coincidence, Bombast, Peculiar Voice* adalah bentuk teknik yang diaplikasikan oleh pendakwah pilihan kajian.

Untuk menilai bentuk teknik *al-Mizāh* yang diaplikasikan oleh pendakwah-pendakwah pilihan kajian menepati *fiqh al-Hadith* dalam bab dua, maka pengkaji datangkan senarai etika dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* seperti jadual 4.2 di bawah ini.

4.2.2 Analisis etika dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* mengikut pemahaman *fiqh al-Hadith*.

4.2.2.1 Etika para pendakwah pilihan dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*

Jadual 4.2: Senarai etika dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*

Bil	Etika dalam Mengaplikasikan <i>al-Mizāh</i>	UAI	UKE	UHB
1.	Tidak membuat jenaka atas penderitaan orang lain			
2.	Tidak memasukkan unsur-unsur penipuan agar orang ramai ketawa			
3.	Tidak berjenaka dalam memberi arahan			
4.	Berserdehana dalam berjenaka	x	x	x
5.	Jenaka yang tiada unsur penghinaan terhadap agama Islam (tidak bermain-main dengan ayat al-Qur'an dan hadith Nabi)			x
6.	Tidak berjenaka dalam hal-hal yang memalukan dan jijik	x		
7.	Tidak mempunyai unsur merendahkan dan sensitif	x		x
8.	Tidak menakut-nakutkan muslim yang lain.			
9.	Tidak berjenaka dalam hal yang serius			
10.	Menggunakan bahasa yang sopan dan tidak mencarut	x		x

Sumber: Etika berdasarkan *fiqh al-Hadith* dalam bab dua

Dalam Jadual 4.2 menunjukkan senarai etika yang perlu dipatuhi oleh para pendakwah yang digariskan oleh pengkaji berdasarkan *fiqh al-Hadith* dalam bab kedua. Pengkaji mendapati 6 daripada 10 adab-adab yang disenaraikan dipenuhi oleh UAI dan hanya 4 daripada 10 yang tidak dipenuhi dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah beliau. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, UAI gagal memenuhi adab bersederhana dalam bergurau kerana lawak jenaka yang diaplikasikan beliau lebih banyak daripada isi dakwah yang sepatutnya disampaikan. Ini dapat dilihat daripada klip video beliau yang video bertajuk *Hukum Tertelan Mani Suami atau Isteri* yang berdurasi selama 8:46. Hampir keseluruhan minit tontonan mencatatkan aplikasi *al-Mizāh* digunakan. UAI juga didapati mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam hal-hal yang memalukan dan jijik seperti membuat jenaka dengan teknik sexual allusion dan perkara yang berkaitan kentut seperti klip video yang bertajuk *kentut tahap kronik, seminit 142 kali* pada minit ke 0:30: “*kentut tahap kronik, seminit 142 kali dia kentut*” dan pada minit 1:00: *surau mana tu? Surau kentut*. Seterusnya, *al-Mizāh* UAI juga mempunyai unsur merendahkan dan sensitif terutama kepada kaum wanita yang sering dijadikan bahan lawak contohnya dalam klip video yang bertajuk *Bini Malas Jimak sudoh dooh lah*. Pada

minit ke 3:35 hingga minit 4:00: “Kelebihan orang puang ni pada nafsu batin dia. Napok jah lembik tapi dang dia nak lempar meja-meja Kemudian, etika terakhir yang dilanggar oleh UAI ialah tidak menggunakan bahasa yang sopan dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam dakwah.

Manakala UKE tidak mematuhi etika bersederhana dalam bergurau. Hal ini dapat dilihat dalam klip video beliau yang bertajuk *Hubungan Suami Isteri* yang berdurasi sejam lebih dan teknik *al-Mizāh* yang diaplikasikan lebih banyak daripada isi dakwah yang ingin disampaikan.

Seterusnya UHB tidak mematuhi empat etika yang digariskan iaitu bersederhana dalam berjenaka, jenaka yang tiada unsur penghinaan terhadap agama Islam (tidak bermain-main dengan ayat al-Qur'an dan hadith Nabi), tidak mempunyai unsur merendahkan dan sensitif dan menggunakan bahasa yang sopan dan tidak mencarut. Data mendapati UHB tidak bersederhana dalam berjenaka, ini dapat dilihat dalam keseluruhan klip video dakwah dipenuhi dengan unsur dan teknik *al-Mizāh*. Seterusnya, dalam klip video kuliah yang disampaikan oleh UHB, pengkaji mendapati UB tidak mematuhi etika jenaka yang tiada unsur penghinaan terhadap agama Islam (tidak bermain-main dengan ayat al-Qur'an dan hadith Nabi). Ini dapat dilihat dalam klip video *Azan yang Seram*. Pada minit ke 0:41 di mana Ustaz Haslin memberi contoh azan dengan meniru suara sendawa dan bunyi kereta lumba formula one “Allahuakhbarrr berrrb” dan pada minit ke 0:56 “Allahuuuuu”. Etika yang ketiga tidak dipatuhi oleh UHB ialah tidak mempunyai unsur merendahkan dan sensitif, ini dapat dilihat dalam klip video bertajuk *Orang Perempuan Senang Masuk Syurga* pada minit 4:36 pula Ustaz membuat jenaka tentang orang yang bernama Mashitah “sapa yang ada anak nama Mashitah, tolong bagitahu dia buka salon”. Kemudian, UHB tidak mematuhi etika tidak menggunakan bahasa yang sopan seperti “terkejut beruk doctor, kena sawang kucing jadinya”, “every baby bukan babi, masuk buaian laillahillah” dan “mangkuk hayun betul tok imam ini”.

Carta Pai 4.3: Peratusan etika yang dipatuhi dan tidak dipatuhi dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*.



Carta Pai 4.3 menunjukkan etika dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* oleh pendakwah pilihan kajian. Data menunjukkan sebanyak 70 peratus etika dipatuhi dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* manakala hanya 30 peratus yang dicatat sebagai etika yang tidak dipatuhi oleh pendakwah pilihan dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam dakwah. Ini menunjukkan secara keseluruhan pendakwah-pendakwah pilihan kajian lebih banyak mematuhi etika dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*.

4.2.2.2 Analisis etika yang tidak dipatuhi oleh para pendakwah mengikut pemahaman fiqh al-Hadith

Pengkaji mendapati 70 peratus etika yang disenaraikan dalam bab tiga dipenuhi oleh ketiga-tiga pendakwah pilihan kajian iaitu: tidak membuat jenaka atau ketawa atas penderitaan orang lain, tidak memasukkan unsur-unsur penipuan agar orang ramai ketawa, tidak berjenaka dalam memberi arahan, tidak mengambil atau menyembunyikan barang orang lain,tidak menakut-nakutkan muslim yang lain, dan tidak bergurau dalam hal yang serius.

Namun malangnya, pengkaji mendapati ketiga-tiga pendakwah pilihan tidak menepati tiga adab berikut iaitu bersederhana dalam bergurau. Pengkaji mendapati ketiga-tiga pendakwah pilihan kajian lebih banyak memasukkan unsur jenaka dalam penyampaian dakwah berbanding dengan isi dakwah sehingga dapat dilihat hampir Keseluruhan video ceramah atau kuliah mereka dipenuhi dengan gelak ketawa. Inilah yang dilarang oleh Rasulullah SAW dalam hadithnya berkaitan *al-Mizāh* yang diriwayatkan dari Abu Hurairah seperti berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ كُنْ وَرَعًا، تَكُنْ أَعْبُدَ النَّاسَ، وَكُنْ قَيْعًا، تَكُنْ أَشْكَرَ النَّاسِ، وَأَحِبَّ لِلنَّاسِ مَا تُحِبُّ لِنَفْسِكَ، تَكُنْ مُؤْمِنًا، وَأَحْسِنْ جَوَارِكَ، تَكُنْ مُسْلِمًا، وَأَقْلِصْ الصَّحَّكَ، فَإِنَّ كُثْرَةَ الصَّحَّكِ تُمِيتُ الْقُلْبَ"²⁶²

Terjemahan: dari Abu Hurairah dia berkata; Rasulullah SAW bersabda: "Wahai Abu Hurairah, Jadilah kamu seorang yang warak, nescaya kamu menjadi manusia yang paling beribadah. Jadilah kamu menjadi seorang yang merasa cukup, nescaya kamu menjadi manusia yang paling bersyukur. Cintailah manusia seperti kamu mencintai dirimu sendiri, nescaya kamu akan menjadi seorang mukmin. Perbaikilah hubungan kejiran dengan jiranmu, nescaya kamu akan menjadi seorang yang berserah diri. Dan sedikitkanlah ketawa, kerana banyak ketawa akan mematikan hati."

²⁶² Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 2:1403 al-Albānī menghukumkan hadith ini sahih.

Gurauan hendaklah ada kadarnya, sesuai dengan konsep kesederhanaan dan perseimbangan yang dianjurkan oleh fitrah manusia dan diredhai oleh akal yang waras serta sesuai dengan masyarakat yang positif.

Selain itu, pengkaji mendapati pendakwah pilihan kajian UAI membuat gurauan dan jenaka dalam hal yang menjijikkan dan memalukan seperti kentut. Hal inilah yang dilarang oleh Rasulullah SAW dalam hadith berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ زَمْعَةَ أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ فِي حُطْبَتِهِ وَهُوَ يَذْكُرُ النَّاقَةَ، وَمَنْ عَقَرَهَا . فَقَالَ: {إِذَا بَعَثْتَ أَشْفَاهَهَا} (الشمس: 12) ابْنَعَثْ لَهَا رَجُلٌ عَارِمٌ عَزِيزٌ مَنِيعٌ فِي رَفْحِهِ مِثْلُ أَيِّ زَمْعَةَ، ثُمَّ ذَكَرَ النِّسَاءَ فَقَالَ: "أَلَا لَمْ يَجِدُ أَحَدُكُمْ امْرَأَةً جَلْدَ الْعَبْدِ وَلَعْلَةً يُضَاجِعُهَا فِي آخِرِ يَوْمِهِ" ثُمَّ وَعَظَهُمْ فِي الضَّحْكِ مِنَ الضَّرْطَةِ، فَقَالَ: "أَلَا لَمْ يَضْحَكُ أَحَدُكُمْ مِمَّا يَفْعَلُ" 263

Terjemahan: Dari Abdullah bin Zam'ah, ia berkata; saya mendengar Rasulullah SAW pada suatu hari menyebutkan seekor unta dan orang yang menyembelihnya. Baginda bersabda: "Ketika bangkit orang yang paling celaka di antara mereka, (al-Shams: 12), iaitu seorang lelaki yang perkasa dan kuat diantara kelompoknya seperti Abu Zam'ah." Kemudian aku dengar baginda menyebut nasib para wanita (sebagai kritik atas suami-suaminya), baginda berkata: "Atas alasan apa salah seorang dari kalian memukul isterinya seperti memukul seorang hamba, dan kemungkinan ia gauli pada akhir hari (malam) nya?" Abdullah bin Zam'ah berkata; kemudian baginda mengkritik mereka mengenai ketawa mereka ketika kentut. Beliau berkata: "Atas alasan apa salah seorang dari kalian ketawa disebabkan apa yang dia lakukan?"

Seterusnya, pengkaji mendapati terdapat unsur merendahkan wanita disebalik jenaka yang dilakukan oleh pendakwah ini dalam ceramah dan kuliah mereka seperti mengajuk percakapan wanita. Tambahan pula, gurauan mestilah tidak mempunyai unsur penghinaan atau kejian terhadap orang lain sama ada dari segi bentuk rupa paras, nama atau mengajuk perkataan semata-mata untuk bergurau atau untuk mengetawakannya.

²⁶³ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, 4:148.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا لَا يَسْخِرُ قَوْمٌ مِنْ قَوْمٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِنْ نِسَاءٍ عَسَى
أَنْ يَكُونَ خَيْرًا مِنْهُنَّ وَلَا تَعْمِلُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابُزُو أَبْلَقَ بِإِنْسَانٍ أَلْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ أَلْإِيمَنِ
وَمَنْ لَمْ يَتُبْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٦﴾

Al-Hujuraat 49:11

Terjemahan: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah sekumpulan orang laki-laki merendahkan kumpulan yang lain, boleh jadi yang ditertawakan itu lebih baik dari mereka. Dan jangan pula sekumpulan perempuan merendahkan kumpulan lainnya, boleh jadi yang direndahkan itu lebih baik. Dan janganlah suka mencela dirimu sendiri dan jangan memanggil dengan gelaran yang mengandung ejekan (gelar-gelar yang buruk). Seburuk-buruk panggilan adalah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan barangsiapa yang tidak bertobat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim."

Selain itu, bagi kesalahan yang dilakukan oleh UHB iaitu tidak mematuhi etika jenaka yang tiada unsur penghinaan terhadap agama Islam (tidak bermain-main dengan ayat al-Qur'an dan hadith Nabi). Hal ini sangat ditegah seperti hadith berikut:

عَنْ عَامِرِ بْنِ شَهْرٍ، قَالَ: «كُنْتُ عِنْدَ النَّجَاشِيِّ فَقَرَأَ ابْنُ لَهُ آيَةً مِنَ الْإِنجِيلِ فَضَحِّكْتُ
فَقَالَ أَتَضْحِكُ مِنْ كَلَامِ اللَّهِ»

Terjemahan: Dari Amir bin Shahr ia berkata, "Saat aku sedang bersama Najas Najashī, salah seorang anaknya membaca ayat dalam kitab Injil hingga aku pun ketawa. Namun Najashī berkata, "Akankah kamu mengetawakan kalamullah?"²⁶⁴

Hadith ini menjadi dalil haram mengetawakan atau membuat jenaka dengan Kalamullah atau Rasulullah. Ini bertepatan dengan dalil al-Qur'an dalam surah al-Taubah;

وَلِئِنْ سَأَلْتُهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخْوُضُ وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِّ الْلَّهِ وَءَايَتِهِ وَرَسُولِهِ كُنُّمْ
تَسْتَهْزِئُونَ ﴿١٥﴾

Al-Taubah 9:65

Terjemahan: Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: Sesungguhnya kami

²⁶⁴ Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud*, 4: 235

hanyalah berbual dan bermain-main. Katakanlah: Patutkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta RasulNya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?

Maka dapatlah dilihat di sini segala kaitan dengan Kalam Allah, hadith Nabi mahupun segala yang berkaitan dengan akidah, dilarang sama sekali untuk bergurau atau berjenaka

4.2.3 Metode dakwah dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah

Jadual 4.4 Perbandingan metode dakwah dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*

	Rasulullah SAW	UAI	UKE	UHB
Bentuk dakwah	Dialog Individu Ceramah	Dialog Individu Ceramah	Dialog Individu Ceramah	Dialog Individu Ceramah
Skop bidang	Kekeluargaan Persahabatan Hukum	Kekeluargaan Hubungan Suami isteri Kemasyarakatan Hukum	Kekeluargaan Hubungan Suami isteri Kemasyarakatan Hukum	Kekeluargaan Hubungan Suami isteri Kemasyarakatan Hukum
Sasaran dakwah	Semua golongan	Semua golongan	Semua golongan	Semua golongan
Tujuan	Untuk sesi pengajaran Untuk mengeratkan silaturahim Untuk menggembirakan	Sesi pengajaran Menghilangkan mengantuk Penyedap ceramah	Sesi pengajaran Menghilangkan mengantuk Penyedap ceramah	Sesi pengajaran Menghilangkan mengantuk Penyedap ceramah
Medium bahasa	Bahasa arab	Melayu (Terengganu)	Melayu (Perak, Kedah)	Melayu (Perak, Kedah, Kelantan) Urdu

Sumber: Hasil Penelitian Observasi Pengkaji

Jadual 4.4 di atas menunjukkan perbandingan metode dakwah dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah diantara Rasulullah SAW dengan pendakwah pilihan kajian iaitu UAI, UKE dan UHB. Dari segi bentuk dakwah, Rasulullah SAW menggunakan tiga bentuk dakwah iaitu dialog, individu dan ceramah manakala ketiga-tiga pendakwah pilihan juga mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam bentuk dialog, individu dan ceramah. Dari segi skop bidang dan sasaran dakwah dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*, ketiga-tiga pendakwah mempunyai persamaan dengan skop

dan sasaran dakwah yang digunakan oleh Rasulullah. Kemudian, dari segi tujuan mengaplikasikan *al-Mizāh* persamaan dari segi pengajaran dan pembelajaran dikenalpasti manakala Rasulullah SAW mengaplikasikan *al-Mizāh* untuk mengeratkan silaturahim dan untuk menggembirakan manakala pendakwah pilihan kajian mengaplikasikan *al-Mizāh* untuk menghilangkan mengantuk dan sebagai retorik ceramah. Dari segi medium bahasa perantara dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*, terdapat perbezaan yang ketara kerana Rasulullah SAW menggunakan bahasa arab manakala pendakwah pilihan menggunakan bahasa Melayu.

Setelah diteliti perbandingan dari segi metode dakwah dari segi *pemahaman fiqh al-Hadith*, pengkaji mendapati terdapat banyak persamaan daripada perbezaan. Ini menunjukkan aplikasi *al-Mizāh* sesuai digunakan dalam penyampaian dakwah. Malahan data analisis soal selidik yang dijalankan oleh pengkaji pada tahun 2016 menunjukkan aplikasi *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah memperlihatkan kesan yang memberangsangkan kepada para responden. Hampir keseluruhan responden memberi tindak balas positif dengan kaedah penyampaian *al-Mizāh*, iaitu mewakili majoriti peratusan yang sangat tinggi. Para responden berpendapat dengan berjenaka mereka dapat memahami isi penyampaian penceramah dan membantu daya ingatan mereka. *Al-Mizāh* yang diserapkan menyebabkan suasana semakin seronok dan membuatkan pembelajaran tidak jemu. Selain itu, aplikasi *al-Mizāh* ini juga menyebabkan responden berpendapat sebagai salah satu kaedah terapi diri, kerana hampir kesemuanya merasa sangat tenang dan dapat mengatasi masalah rungsing. Ini kerana para responden terdiri daripada kalangan orang bekerja membuatkan mereka memerlukan sesuatu yang santai untuk menerima dakwah seperti ceramah dan sebagainya.

Walaubagaimanapun, responden menyatakan ketidaksetujuan mereka dan berpandangan bahawa jenaka yang dilakukan penceramah tidak dapat membantu meningkatkan minat mereka untuk mengikuti ceramah. Ini membuktikan jenaka bukanlah

semata-mata faktor untuk menarik minat para pendengar mengikuti penyampaian dakwah oleh penceramah. Hampir 90% responden bersetuju bahawa jenaka ini sebenarnya mengurangkan masa penyampaian isi kandungan. Jika diteliti, jenaka ini dapat membuatkan masa untuk isi penyampaian dakwah yang sebenar menjadi lebih singkat dan berkemungkinan tidak akan dapat menyampaikan sebahagian besar tujuan asal ceramah atau penyampaian dakwah itu sendiri²⁶⁵.

Jika di lihat dari analisis ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa jenaka memberi pengaruh yang positif kepada golongan yang menerima penyampaian dakwah yang menggunakan metod ini, bahkan dapat menyebabkan lebih ramai dapat mempraktikkan apa yang di dengar. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa keputusan tahap pengaruh ini memberi implikasi yang begitu baik untuk para pendengar dan dapat membawa dakwah kepada satu tahap yang lebih baik lagi.

4.3 Kesimpulan

Kesimpulan dalam bab keempat ini, terdapat persamaan dan perbezaan dari segi bentuk teknik *al-Mizāh* yang diaplikasikan oleh Rasulullah SAW dengan ketiga-tiga pendakwah pilihan kajian. Rasulullah SAW mengaplikasikan teknik *al-Mizāh* yang bijak dan mahmudah, jauh dari penyelewengan dalam dakwah iaitu teknik *irony, repartee dan outwitting* manakala pendakwah pilihan kajian banyak menggunakan teknik *al-Mizāh* yang melanggar etika seperti *sexual allusion, anthropomorphism, imitation dan parody*.

Setelah dibandingkan bentuk teknik dengan etika yang digariskan berdasarkan *fiqh al-Hadith*, pengkaji mendapati sebanyak 70 peratus etika dipatuhi dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* manakala hanya 30 peratus yang dicatat sebagai etika yang tidak dipatuhi oleh pendakwah pilihan dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam dakwah. Ini menunjukkan

²⁶⁵ Lihat lampiran

secara keseluruhan pendakwah-pendakwah pilihan kajian lebih banyak mematuhi etika dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*.

Dari segi metode dakwah yang digunakan dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* menunjukkan banyak persamaan dari segi bentuk, skop, sasaran dan tujuan manakala hanya terdapat sedikit perbezaan iaitu dari segi medium bahasa yang digunakan dalam penyampaian dakwah.

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN RUMUSAN

5.0 Pendahuluan

Dalam bab penutup ini, pengkaji akan membuat kesimpulan secara menyeluruh tentang kajian ini. Kajian pengkaji dengan tajuk **Hadith-hadith *al-Mizāh* dalam *al-Kutub al-Sittah*: Kajian Aplikasi *al-Mizāh* dalam Penyampaian Dakwah di Malaysia** adalah satu kajian mengenai penganalisisan teks-teks hadith yang berkaitan *al-Mizāh* untuk dikaitkan dengan aplikasinya dalam penyampaian dakwah di Malaysia. Untuk mencapai matlamat tajuk kajian, tumpuan diberikan kepada teks-teks hadith di dalam *al-Kutub al-Sittah*. Manakala dalam mengkaji perkaitan *al-Mizāh* dengan penyampaian dakwah, pengkaji telah meneliti dan memerhati video-video ceramah agama di *YouTube* berdasarkan metode pendekatan yang pengkaji gariskan terlebih dahulu di dalam bab tiga. Tuntasnya, empat objektif utama yang pengkaji usulkan di dalam Bab Pendahuluan adalah mandatori untuk dipenuhi.

5.1 Kesimpulan dan Rumusan

Islam adalah satu pegangan dan peraturan yang bersifat mesra insan. Islam tidak sama sekali bertentangan dengan fitrah naluri manusia yang mana antara fitrah manusia ialah gemarkan sesuatu yang bersifat jenaka. Oleh itu, Islam memberlakukan *al-Mizāh* dan memberi garis panduan kepada manusia supaya jenaka yang dibuat tidak melampau dan tidak menyinggung maruah sesama manusia.

Dalam kajian ini, dapat disimpulkan bahawa Rasulullah SAW juga mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam kehidupan dan dakwah baginda tetapi *al-Mizāh* Rasulullah SAW adalah *al-Mizāh* yang jauh dari dusta, menghina, tidak berlebihan dan

tidak menyeleweng. *Al-Mizāh* yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW adalah yang terbaik untuk semua golongan dan keadaan. Manakala aplikasi *al-Mizāh* yang diaplikasikan oleh pendakwah pilihan kajian menunjukkan terdapat beberapa perkara yang bertentangan dengan *al-Mizāh* yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW sehingga termasuk dalam *al-Mizāh* yang dilarang seperti teknik *sexual allusion* dan *imitation* yang digunakan para pendakwah pilihan kajian. Namun secara keseluruhannya, hanya 70 peratus etika dipatuhi dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* manakala hanya 30 peratus yang dicatat sebagai etika yang tidak dipatuhi oleh pendakwah pilihan dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam dakwah. Ini menunjukkan secara keseluruhan pendakwah-pendakwah pilihan kajian lebih banyak mematuhi etika dalam mengaplikasikan *al-Mizāh*.

Tuntasnya, *al-Mizāh* mampu mencipta sesuatu yang baharu dan memberikan perspektif lain daripada biasa terhadap sesuatu perkara. Penggunaan *al-Mizāh* boleh memperkuatkan proses komunikasi, kuasa kreatif dan memperkasa nilai kebebasan ketika membabitkan diri dalam membincangkan sesuatu isu bahkan pemujukan menggunakan pelbagai media jenaka seperti ungkapan, perwatakan kelakar dan lakaran mencuit hati menambah keberkesanan pemujukan. Dalam hal ini pendakwah juga seorang pendidik yang perlu mewujudkan suasana interaksi yang kondusif antara pendakwah dan khalayak. Pendakwah perlu bijak memilih bentuk jenaka untuk mereka gunakan. Pendek kata mereka boleh berjenaka tetapi gunakan jenaka yang terpimpin.

5.2 Saranan dan Cadangan

Disini, pengkaji ingin memberi beberapa saranan dan cadangan seperti berikut: Pertama, pengkaji mencadangkan Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith untuk melakukan lebih banyak kajian berkaitan sifat *al-Mizāh* Rasulullah di dalam bidang al-Qur'an dan al-Hadith dari pelbagai aspek yang berkaitan supaya kajian berkaitan *al-Mizāh* ini dapat diketahui dengan lebih mendalam.

Kedua, pengkaji menyarankan agar Akademi Pengajian Islam mengadakan satu forum Ilmiah untuk membincangkan tentang permasalahan aplikasi *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah di Malaysia dan mengeluarkan peruntukan untuk menggalakkan pelajar mengkaji mengenai aplikasi ini dari pelbagai bidang berkaitan pengajian Islam.

Ketiga, pengkaji ingin menyarankan kepada Jabatan Agama Islam Malaysia atau Jakim supaya membuat garis panduan yang lengkap mengenai etika dalam mengaplikasikan *al-Mizāh* kepada para pendakwah di Malaysia. Besarlah harapan pengkaji agar pendakwah-pendakwah yang mengaplikasikan *al-Mizāh* dalam penyampaian dakwah mereka dapat mengikut garis panduan yang digariskan agar isi dakwah dapat disampaikan dengan berkesan.

Akhirnya, pengkaji ingin mencadangkan kepada pengkaji-pengkaji pada masa akan datang yang ingin mengkaji berkaitan *al-Mizāh*. Pengkaji-pengkaji boleh melakukan beberapa interogasi, penelitian dan kajian lanjutan hasil daripada kajian ini. Antaranya, kajian tematik berdasarkan topik yang menjadi fenomena dan kontemporari seperti hukum *al-Mizāh* dalam industri hiburan tanah air atau aplikasi *al-Mizāh* dalam pembelajaran dan pengajaran di Malaysia. Malahan kajian pengkaji juga boleh dikembangkan dengan menganalisis teks-teks hadith dengan lebih mendalam dalam al-kuttub al-tis'ah ataupun mengehadkan darjat hadith sahih semata-mata. Kajian ini mempunyai potensi yang banyak untuk dikaji dalam pelbagai bidang seperti bidang psikologi, bidang pendidikan, perbuatan, hiburan dan sebagainya meliputi segala aspek akidah, ibadah, hukum dan muamalah.

5.3 Penutup

Pengkaji berharap agar kajian ini memberi manfaat kepada para pengkaji, ahli akademik dan masyarakat umumnya. Semoga kajian ini tidak menjadi suatu kajian yang sia-sia tetapi memurnikan dan serta memeriahkan lagi lapangan hadith Rasulullah SAW yang sedia ada. Moga-moga ia mampu menimbulkan rasa kasih umat pada sunnah Rasulullah SAW dan menumbuhkan minat masyarakat kepada bidang hadith. Hasil kajian ini dapat digunakan mungkin sebagai suatu kajian yang membantu pengkaji-pengkaji lain untuk meneruskan lagi eksplorasi dalam bidang hadith. InsyaAllah

BIBLIOGRAFI

Rujukan Bahasa Melayu

Abd Allah bin Muhammad Basmeith, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, cet. 11, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1994.

Ahmad Mustafa Qasim al-Tahtawi, *Senyum dan Tangis Rasulullah*, (terj) Kathur Suhardi, Jakarta : Pustaka al-Kauthar, 1998.

Ahmad Mazlan Ayob, *Kaedah Kajian Sosio Ekonomi: Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Anita Binti Abdul Rani, Ceramah Dakwah: Kajian tentang Faktor tarikannya di Kuantan, Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.

Asmah Haji Omar, *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.

Bakhrum, *Jenis dan Fungsi Humor dalam Masyarakat Aceh*, Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 1997.

Eliza Ripa, “Hubungan antara Sense of Humor dengan Kreativitas pada Siswa kelas VIII SMP Negeri 13 Malang”, Skripsi, Fakulti Psikologi, Universiti Islam Negeri Maulana Malik Negeri Malang, 2010.

Hajah Noresah bt. Baharom, Md Nor Hj Abd Ghani, Ibrahim bin Haji Ahmad et al., *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Selangor: Perpustakaan Negara Malaysia, 2013.

Idris Awang, *Kaedah Kajian Satu Sorotan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001.

Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIK-IKIP, 1987.

Mohd Taufik Arridzo bin Mohd Balwi, "Kejenakaan di dalam Sastera Melayu Islam" Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Jenaka Melayu Nusantara pada 21-23 Ogos 2003, anjuran Dewan Pustaka dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur di Dewan Semarak APM.

Mohd Muammar Mohd Zain, Persembahan Lawak Jenaka: Kajian Menurut Perspektif Hukum, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Syariah (B.A), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.

Muhammed Bin Yusof, Nasyid di Radio Dakwah: Kajian Terhadap Nasyid di radio IKIM.FM, Tesis Kedoktoran (Phd), Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.

Safie Abu Bakar, *Metodologi Kajian*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987.

Siti Fatimah Abdul Rahman, *Pembentukan Fitrah Hidup Islam*, Kuala Lumpur: IKIM, 2004.

Supranto, *Kaedah Kajian: Penggunaannya Dalam Pemasaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.

Teuku Iskandar, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

Usman bin Khalid et al., *Kamus Dewan Besar Arab Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

Wan Nur Hasmy bin Wan Mansor, “Penerapan Unsur Kecindan Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Reka Bentuk Teknologi”, Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2014.

Wan Zanariah Binti Muhammad, “Penggunaan Jenaka untuk Mengurangkan Tekanan di Tempat Kerja”, Disertasi Ijazah Sarjana Sains, Universiti Putra Malaysia, 2007.

Yuslaini Binti Abdul Rani, Peranan dan Sumbangan Media Massa Dalam Menyampaikan Dakwah Islamiah Kepada Masyarakat: Tinjauan Di TV3, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1997.

Yusuf Al-Qaradawi, *Fiqh Hiburan dan Rekreasi*, terj. Fauwaz Fadzil dan Mohd Ridhwan ‘Abdullah Selangor: PTS Islamika, 2014.

_____, *Sistem Masyarakat Islam dalam al-Qur’ān dan Sunnah*, terj. Abdus Salam Masykur, Solo: Citra Islami Press, 1997.

Rujukan Bahasa Inggeris

Bacon Lawrence Neuman et al., *Social Research Methods Qualitative and Quantitative Approaches*. T.N.P, 1987.

Earl Babbie, *The Basics of Social Research*, California: Thomson Wadsworth, 2005.

Harvey Russell Bernard, *Social Research Methods: Qualitative And Quantitative Approache*, California:Sage Publications, Inc., 2000.

Harmondsworth, Middlesex, New Penguin English Dictionary, England: Penguin Books Ltd, 2000.

Kenneth D. Bailey, *Kaedah Kajian Sosial*, terj. Hasyim Awang Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

Mehu, Marc, *An Evolutionary Approach To Human Social Behaviour: The Case of Smiling and Laughing*, Thesis Phd University og Liverpool, 2006.

Randolph Quick, *Longman Dictionary of Contemporary English*, England: Longman Group Ltd, 1995.

Seeparsand, Feroud Mohamed, The audiovisual Perception of Laughter : The Influence of The Laughing Face Upon The Laughter Sound, thesis Phd, University of Nottingham 2005.

Taylor, Paul Alan, Theories of Laughter and the Production of Television Comedy, Thesis Phd, University of Leicester, 1985.

Rujukan Bahasa Arab

Al-‘Aini, Abū Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad bin Mūsā bin Aḥmad bin ḥusain al-Ghitabī al-Ḥanafī Badr al-Din *Umdatul Qari Sharh Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dār at-Turath al-Arabi, t.t.

‘Alī bin Muḥammad al-Qārī, *Marqat al-Mafatih Sharh Mishkāt al-Masābih*, Beirut: Dār al-Fikr, 2002.

Al-Aluri, Adam ‘Abdullah, *Tārikh al-Dakwah al-Islamiyyah min al-Ams Ila al-Yawm*, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1979

Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad bin Ismā‘il, *Jamī’ Al-Musnad Al-Sahīh Al-Mukhtasar Min Umur Rasulullah SAW Wa Sunanīh Wa Ayāmih* “ Sahīh al-Bukhārī” e.d Muhammad Zuhair bin Nasir al-Nasir, Maṣūrah: Dār Tuqa al-Najah, 2001.

Al-Bustami, Fuad Ifram, *Munjid al-Tullāb*, Beirut:al-Maktabah al-Kasulikiah, 1977.

Al-Bustānī, Abd Hātim Muhammad bin al-Bustani, Raudhatul ‘Uqolā’ Wa Nazihatul al-Fudhola’, e.d Muhammad Hamid al-Fiqi, Madinah: Makabah al-Sunnah al-Muhammadiyyah, t.t.

Abū Dāwūd, Sulaimān bin al-Ash‘āb bin Ishāq bin Bashīr bin Shadād bin ‘Amrū al-Azādī al-Sijistānī, *Sunan Abū Dāwūd*, e.d Muḥammad Muhyi al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd Beirut: Maktabah al-Asriyāh t.t.

Al-Falimbani,'Abd Al-Şamad, *Hidāyah al-Sālikīn*, Pulau Pinang: Sulaiman Faris, t.t Muhammad Rawas Qal’aji dan Hamid Sādiq Qanibi, Mu’jam Lughah al-Fuqahā’ t.t.p : Dar al-Nafai’s, 1988

Al-Ghāzālī, Ma ‘a Allāh, *Dirasāt Fī al-Da‘wah wā al-Du‘at*, Kaherah: al-Maktabah al-Islāmiyyah, 1981.

Ahmad Ibn Ḥanbal, *al-Musnad*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyāh, 1984.

Al-Muqdaṣī, Zain al-Dīn Mar‘ī bin Yūsuf bin Abī Bakr Aḥmad bin Abī Bakr bin Yūsuf bin Aḥmad al-Karmī, *Ghaza’ū al-Arwāh Bil Muhadāsaḥ wa al-Muzāḥ*, Beirut: Dār Ibn Ḥazim, 1997.

Al-Nawawī, Abū Zakariyā Muhyī al-Dīn Yahyā bin Syarf *al-Azkār*, e.d ‘Abd al-Qadir al-‘Arna’ūt, Beirut: Dār al-Fikr, 1994.

Al-Nasā’ī, Abū ‘Abd al-Rahmān Aḥmad bin Shua’ib bin ‘Alī al-Khurasān, *Sunan al-Nasā’ī*, e.d ‘Abd Fattāḥ Abū Qhadat Ḥalbī: Maktabah Matbuā’h al-Islāmiah, 1986.

Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isā bin Saurah bin Musā al-Ḏahak, *Sunan al-Tirmidhī* e.d Aḥmad Muḥammad Shakīr, Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Baba al-Halabī, 1975.

Al-Zābīdī, Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Abd al-Razāk al-Ḥusainī Abū al-Fayad, *Tāj al-‘Arūs Min Jawhar al-Qamus*, t.t.p: Dār al-Hidāyah, t.t.

Badr al-Dīn, Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazī al-‘Amīrī al-Damshiqī, *al-Murrāḥ fī al-Muzāḥ*, e.d Basam Abd al-Wahāb al-Jabī, Beirut : Dār Ibn Hazim, 1977.

Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Ahmad bin ‘Ali bin Ḥajar Abū Faḍl al-‘Asqalānī al-Shāfi’ī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1379 H.

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Īsmā’īl bin ‘Umar bin Kathīr al-Qurasy al-Baṣrī al-Damshiqī, *Tafsir al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, e.d Sami bin Muḥammad Salāmah, Beirut: Dār Tayyibah, 1999.

Ibn Baṭṭal, Abū al-Hassan ‘Alī bin Khalaf bin ‘Abd al-Malik, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Li Ibn Baṭṭal*, e.d Abu Tamim Yasir bin Ibrāhīm, Riyāḍ: Maktabah al-Rusyd, 2003.

Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Yāzid al-Qazwainī *Sunan Ibn Mājah*, e.d Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī, Faisal Ilā al-Bayā al-Halbī: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah t.t.

Ibn Manzūr, Abū Faḍīl Jamal al-Dīn Ibn Manzūr al-Anṣārī al-Rūfī ‘ī al-Ifriqī, *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dār Sadir, 1414H.

Ibrāhīm Muṣṭafa et al., *Majm‘a al-Lughah al-‘Arabiyyah bi Qaherah, al-M‘ujam al-Wasīt*, t.tp: Dar al-D‘akwah, t.t

‘Iyād bin Musā bin ‘Iyād bin al-Amru al-Yazbi al-Sabuti, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim li Qadī ‘Iyād “Ikmal al-Mu’alim bi Fawaid Muslim”* e.d Yahya Isma’il, Mesir: Dār al-Wafa’, 1998.

Muhammad bin Mukram bin ‘Alī, Ahmad Mokhtar Abd al-Hamīd Umar, *M‘ujam al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Muassasah*, t.t.p, ‘Alimu al-Kutub, 2008.

Muhammad Abd Āllah, *al-Mizāh fī al-Sunnah*, Makkah: Dār al-Waṭan, t.t

Muhammad Ra’uf Shalabi , *al-Da’wah al-Islamiyah fī “Ahdiha al-Makki*, Kaherah: Majma’ al-Bu‘uth , 1982.

Muhammad Abū al-Layth al-Khayr Abādī, *Ulūm al-Hadīth*, Bangi: Dār al-Shakir, 2005.

Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj, “Ṣaḥīḥ Muslim” dalam *Musnad Ṣaḥīḥ Mukhtasar bi Naqlī an Aqlī ilā Rasulullah SAW*, e.d Muhammad Fuad ‘Abd al-Bāqī, Beirut: Dār Ihyā’ Turāth al-‘Arabi, t.t

Shihāb al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Yakut bin ‘Abd Allāh Al-Rūmī al-Hamawī, *Mu’jam Al-Udaba: ’Irṣyād Arib Ilā Ma’rifatul al-Adīb*, Beirut: Dār Al-Arab Al-Islāmī, 1993.

Yūsuf al-Qārādāwī, *Thaqāfah al-Da’iee’yah*, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1983.

Rujukan Laman Sesawang

Dato' Dr Mashitah, "ucapan di PAU 2014" laman sesawang Youtube dicapai 27 Disember 2014 , <https://www.youtube.com/watch?v=hdCkYZE3vuU>

Wan Ji Wan Hussin, "Ustaz Nakal Jangan Sampai Jual Agama" laman sesawang Youtube dicapai pada 18 Oktober 2014, <https://www.youtube.com/watch?v=-SY2GUetFdA>

Razif Rosli pada 13 Mac 2015. Dicapai pada 4 Jun 2015 di laman sesawang <http://www.sinarharian.com.my/nasional/mufti-perak-tegur-Ustaz-selebriti-1.36817>

Mohd Basri bin Ahmad Shohimi Wawancara bersama Dr. Said Ramadhan Al Bouty diakses pada 12 November 2015, <http://www.mindamadani.my/isu-semasa/item/102-wawancara-bersama-dr-said-ramadhan-al-bouty.html>

Abd Muhsīn bin Ḥamad bin ‘Abd Muhsīn bin ‘Abd Ḥaḍīr bin Ḥamad al-Ibad al-Badr,
Sharh Sunan Abū Dāwud, <http://www.islamweb.net>

Hukum Tertelan Mani Suami/Isteri laman sesawang Youtube dicapai 26 Ogos 2012
https://www.youtube.com/watch?v=KL4fg_O6NbQ

Bolehkah Tidur Berbogel? Emm Pulok Dooohh laman sesawang Youtube dicapai 25 April 2012 <https://www.youtube.com/watch?v=0ItGviQvYOE>

Zizan Raja Lawak Menangis Dengar Ceramah Ustaz Azhar Idrus.!!- Ambil Wuduk Bogel laman sesawang Youtube dicapai 26 Jan 2012
<https://www.youtube.com/watch?v=nHrBELb5DOU>

Full Ceramah Ustaz Azhar Idrus feat Zizan Ambang 2012 Shah Alam (GEMS) 1 laman sesawang Youtube dicapai 4 Jan 2012
<https://www.youtube.com/watch?v=VfldPH4eJr8>

Ustaz Azhar Idrus (Gelak Sampai Nangis hehe) laman sesawang Youtube dicapai 16 April 2013 https://www.youtube.com/watch?v=ZBIwnv_f9UQ

Kenapa Perempuan Suka Pakai Ketat??'Mung Always Sexy!' laman sesawang Youtube dicapai 20 Mac 2014<https://www.youtube.com/watch?v=0ItGviQvYOE>

Tiga Bulan Kahwin Masih Dara. 'Tongkat Ali 2 Minit' laman sesawang Youtube dicapai 5 November 2012 <https://www.youtube.com/watch?v=Dqz2GqfPlaA>

Isteri Ketagih 'Main' dengan Lelaki Lain kerana Suami Mati Pucuk laman sesawang Youtube dicapai 26 Ogos 2012

https://www.youtube.com/watch?v=wLfQ_5XX06M

Malam Pertama laman sesawang Youtube dicapai 31 Mac 2015<https://www.youtube.com/watch?v=BBvjdhEcEi4>

Bini Malas Jimak. Sudoh Daahh??? laman sesawang Youtube dicapai 3 Jun 2012 <https://www.youtube.com/watch?v=XXTCxsMGj3I>

Guna Minyak Lintah Untuk Bersehubuh. 'Power Wanita' laman sesawang Youtube dicapai 31 Oktober 2012 <https://www.youtube.com/watch?v=XXTCxsMGj3I>

Nyunyunyunyunut! Proses Keluar Air Mani laman sesawang Youtube dicapai 11 Mac 2012 <https://www.youtube.com/watch?v=x-bJNaaQ8fI>

Isteri Kuat 'Stamina'. Selalu Marah Kerana tak Puas laman sesawang Youtube dicapai 23 November 2012 <https://www.youtube.com/watch?v=bwdlGs6y0f8>

Suami pegang Kemaluan Isteri. Perlukah Isteri Mandi Wajib? laman sesawang Youtube dicapai 20 Feb 2014 https://www.youtube.com/watch?v=utb_0nRlNPw

RXZ vs KAHWIN- lawak habis!!! laman sesawang Youtube dicapai 24 Oktober 2012 <https://www.youtube.com/watch?v=0VizR6x8Rxo>

Tengok Bini Je Dah Keluar Mani? laman sesawang Youtube dicapai 10 Jul 2012 <https://www.youtube.com/mMiCG2h89WIwatch?v=>

Hukum Suami Isteri Bercium Mulut. ‘Tok Imam Keluar Belon’ laman sesawang Youtube

dicapai 11 Ogos 2012 <https://www.youtube.com/watch?v=ChgwpcNL6Ns>

Ustaz Azhar Idrus dan Yassin Senario- Semarak Ramadhan Selangor 2014 laman

sesawang Youtube dicapai <https://www.youtube.com/watch?v=wUQBdPDnY34>

Adat Kahwin. ‘Dulu Molek Sekarang Dok Molek’ laman sesawang Youtube dicapai

<https://www.youtube.com/watch?v=DZuIZ1G1Bvs>

Tabiat Suka Tengok Perempuan. ‘Bukan Tabiat Mu Saje’ laman sesawang Youtube

dicapai <https://www.youtube.com/watch?v=WXcHHKVOexo>

Isteri Buat ‘Luv Bite’ Di Leher Suami laman sesawang Youtube dicapai

<https://www.youtube.com/watch?v=0kZyWrHxIQw>

Isteri Malam Pengantin vs Isteri Lening laman sesawang Youtube dicapai

<https://www.youtube.com/watch?v=0kZyWrHxIQw>

Bumi Malaysia Diambang Kiamat laman sesawang Youtube dicapai

<https://www.youtube.com/watch?v=giRyIQufyjU>

Jimak Tanpa Pakaian laman sesawang Youtube dicapai

<https://www.youtube.com/watch?v=iKaZdAXmvg4>

Kenapa Hitler Bunuh Kaum Yahudi & Yahudi Jahat laman sesawang Youtube dicapai

<https://www.youtube.com/watch?v=QLCE5JZyrco>

Makmun was-was ‘Takbir Ultraman’ laman sesawang Youtube dicapai

<https://www.youtube.com/watch?v=YM3RjLoVw40>

Hukum Lihat Kemaluan Suami\ Isteri laman sesawang Youtube dicapai

<https://www.youtube.com/watch?v=yUe040QUyyM>

Mana Dulu Hidup. Dinasour ke Nabi Adam as? laman sesawang Youtube dicapai

<https://www.youtube.com/watch?v=jyUv6BrsiHM>

JKKK ugut Pok Mat laman sesawang Youtube dicapai

<https://www.youtube.com/watch?v=7AUTDeaFNpI>

Apa nak buat bila Nampak Hantu? laman sesawang Youtube dicapai
<https://www.youtube.com/watch?v=6277jAUIG6g>

Mulut Ternganga Tertelan air Hujan laman sesawang Youtube dicapai
<https://www.youtube.com/watch?v=LJw2EAAaBN8>

Apa Hukum Rampas Awek Orang Lain? laman sesawang Youtube dicapai
<https://www.youtube.com/watch?v=CRqFrEIHR9M>

Cara Tahu Jodoh Kita laman sesawang Youtube dicapai
https://www.youtube.com/watch?v=un9xG4ql_8A

Keseronokan Berkahwin Muda..’Muda Sedap Bermain’ laman sesawang Youtube dicapai <https://www.youtube.com/watch?v=1oBrrxevJBg>

Kentut Tahap Kronik..’Seminit 142 Kali!’ laman sesawang Youtube dicapai
<https://www.youtube.com/watch?v=vOMO-XubLXA>

Isteri Suka Marah-marah dan suka Perintah laman sesawang Youtube dicapai
<https://www.youtube.com/watch?v=t9i8jQItQAQ>

Please Lah Sayang laman sesawang Youtube dicapai
<https://www.youtube.com/watch?v=fMqcjJLy7Hs>

Soalan Sindir Ustaz Kazim Elias laman sesawang Youtube dicapai
<https://www.youtube.com/watch?v=1HcSFKlwaPw>

Video ust Kazim Belasah PAS panas Kaw Kaw Telinga Mendengarnya laman sesawang Youtube dicapai https://www.youtube.com/watch?v=4bs_-g05bcg

Hubungan Suami Isteri laman sesawang Youtube dicapai
<https://www.youtube.com/watch?v=avKk-hZPDAo>

Ibu mertuaku laman sesawang Youtube dicapai
<https://www.youtube.com/watch?v=PKuhcbKzhRc>

Tengah sembahyang dengar ringtone Irwansyah laman sesawang Youtube dicapai
<https://www.youtube.com/watch?v=wtvTFhNmEPY>

Kahwin Muda Bahagia atau Derita laman sesawang Youtube dicapai

<https://www.youtube.com/watch?v=OgDTqYiJtzU>

Disaat Kematian laman sesawang Youtube dicapai

<https://www.youtube.com/watch?v=impw4C0Dpto>

Cara Halau Orang laman sesawang Youtube dicapai

<https://www.youtube.com/watch?v=lTFyMnkw89I>

Ceramah Perdana Terbaru Ustaz Kazim Elias 2014 laman sesawang Youtube dicapai

<https://www.youtube.com/watch?v=QV5qeZSiFKw>

Imam Baca Fatihah Laju Gila laman sesawang Youtube dicapai

<https://www.youtube.com/watch?v=m7keL5qXI2U>

Azan yang Seram laman sesawang Youtube dicapai 12 Jan 2014

<https://www.youtube.com/watch?v=0QrrdZPVcHA>

Bahana Facebook dan Porno laman sesawang Youtube dicapai 20 Nov 2012

<https://www.youtube.com/watch?v=WRO9AVteFP0>

Tok Imam baca fatihah, Makmum jadi sewel laman sesawang Youtube dicapai 24 Mac

<https://www.youtube.com/watch?v=eRIF66plQuI>

Orang Perempuan Senang Masuk Syurga laman sesawang Youtube dicapai 22 Jun

<https://www.youtube.com/watch?v=69fTHSxJ1z4>

Anak Isteri Yang Bertuah laman sesawang Youtube dicapai 14 Dec

https://www.youtube.com/watch?v=xvyOYUx_KoW

Oh Yeah laman sesawang Youtube dicapai 10 Dec

https://www.youtube.com/watch?v=2hZM_MmVl84

Sombong laman sesawang Youtube dicapai 20 Nov 2012

<https://www.youtube.com/watch?v=V9L1jFh2jOo>

Tak Mahu Anak Ramai laman sesawang Youtube dicapai 20 Nov 2012

<https://www.youtube.com/watch?v=wFPwLecPeaU>